



**LAPORAN PENYATA RASMI
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 19

Selasa

10 Disember 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 32)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 90)

9 Disember 2019

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang (Dilantik)
5. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
6. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
11. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
12. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
14. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
15. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
16. “ Datuk Haji Husam bin Musa
17. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (LS)
18. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
19. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim (Dilantik)
20. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Tuan Kamarudin bin Abdun [Perlis]
23. “ Dato' **Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)**
24. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
25. “ Datuk Lee Tian Sing (Lantikan baharu)
26. “ Tuan Liew Chin Tong- *Timbalan Menteri Pertahanan*
27. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
28. “ Datuk Lim Pay Hen (Lantikan baharu)
29. “ Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
30. “ Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya- *Timbalan Menteri Luar Negeri*
31. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
33. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
34. “ Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin- *Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi*
35. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

36. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
37. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
38. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
39. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
40. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
41. “ Dr. Nuing Jeluing (Lantikan baharu)
42. “ Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
43. “ Datuk Paul Igai (Lantikan baharu)
44. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
45. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Puan Raj Munni binti Sabu (Dilantik)
48. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah-
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
49. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
51. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
52. “ Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
53. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
54. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
55. “ Datuk Theodore Douglas Lind (Dilantik)
56. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Pahang)
57. ‘ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy- *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*
58. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
59. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
60. “ Dato' Zahari bin Sarip (Johor)
61. “ Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 10 Disember 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi, Tuan-tuan yang saya hormati sekalian. Hari ini hari Selasa, 10 Disember 2019.

Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada pagi ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang setia dalam perjuangan kita. Bak kata orang tua-tua.

*Pokok kelapa berbunga lebat;
Benih dari Kampung Paya;
Kalau kita mencari sahabat;
Biarlah dapat orang yang setia... [Tepuk]*

Sahabat saya, keluarga saya. Itu yang penting sekali, dan,

*Pandang-pandang kanan dan kiri;
Melintas jalan berkira-kira;
Kurang ringgit boleh dicari;
Kurang akal habis bicara... [Tepuk]*

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati dan sila saya hendak mulakan pertanyaan-pertanyaan ini. Saya minta dulu Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif. Dipersilakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Sopiah binti Sharif minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh manakah pemantauan halal secara berkala yang telah dijalankan oleh Kementerian mengenai ikan dan hasilan ikan bagi mengesan kehadiran asid deoksiri bonukleik (DNA) porsin (*Porcine ID*) atau makanan ikan berasaskan babi ke atas produk perikanan seluruh negara, termasuk ikan, makanan ikan dan tepung ikan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan takziah kepada Timbalan Perdana Menteri ke atas pemergian ayahanda beliau- Dato' Dr Wan Ismail Wan Mahmud, dan itu sebab Menteri saya tidak dapat menjawab soalan ini. Menteri saya lebih fasih daripada segi ini dan saya cuba yang terbaik untuk jawab soalan berkenaan dengan isu *halalan toyyiban* ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2011, Jabatan Perikanan Malaysia bersama dengan Jabatan Kimia Malaysia telah membangun kaedah analisis bagi pengesanan kehadiran asid deoksiribonucleik (DNA) porcin di Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur dan Pusat Biosekuriti Bintawa, Sarawak. Makmal *DNA porcine* ID ini juga telah mendapat akreditasi ISO/IEC17025(2005) bermula pada tahun 2016.

Pemantauan secara berkala dan berterusan telah dilaksanakan ke atas sampel ikan, molaska, makanan ikan, tepung ikan dan produk berasaskan surimi. Pensampelan juga dibuat sekiranya terdapat aduan daripada pihak tertentu mengenai keraguan kehadiran *DNA porcine* kepada ikan atau hasilan ikan.

Bagi sampel yang di analisis positif kehadiran *DNA porcine*, DOF akan mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) memaklumkan kepada pembekalan ikan ternakan mengenai keputusan analisis dan nasihatkan supaya menukar bahan mentah baru yang bebas *contaminant DNA porcine* untuk pengeluaran berikutnya;
- (ii) membuat pensampelan semula bagi sampel makanan ternakan yang menggunakan bahan mentah yang baru; dan
- (iii) memaklumkan kepada penternakan ikan untuk menukar kepada makanan yang bebas *contaminant DNA porcine*.

Sehingga kini hanya sampel ikan dan makanan ikan sahaja yang dikesan mengandungi *DNA porcine* tetapi dalam keadaan yang sangat terkawal. Manakala bagi sampel molaska, tepung ikan dan produk berasaskan surimi, kehadiran *DNA porcine* tidak lagi dikesan sejak tahun 2014. Bagi skala kesalahan tindakan akan diambil di bawah Peraturan Pelabelan Akta Makanan Ternakan 2011.

Manakala, bagi makanan manusia, kesalahan kandungan dan status halal makanan adalah di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila.

Puan Sopiah binti Sharif: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab walaupun mewakili- dapat memenuhi hajat untuk saya memahami soalan tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 dengan jelas menghendaki setiap pengeluaran makanan ternakan, melabelkan kandungan ramuan di dalam makanan yang disediakan. Walau bagaimanapun, setengah pengeluaran mementingkan keuntungan, dan tidak melabelkan bahan-bahan.

▪ **1010**

Soalan saya, apakah tindakan terkini yang diambil ke atas syarikat pembekal makanan ikan berkenaan, dan apakah jaminan pihak kementerian bahawa makanan kita benar-benar suci, bersih serta halal dimakan. Sekian Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya kita agak kita sangat agak tegas untuk mengambil tindakan ke atas segala salah laku yang diadakan. Itu sebabnya kita mengadakan pemeriksaan berkala dan bekerjasama dengan JAKIM untuk membuat pemantauan dan juga tindakan terhadap syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab itu. Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sering bercakap soal halal haram ini pada produk makanan ataupun yang berasaskan babi. Namun, adakah kementerian menyedari tentang pertanian halal? Maksud saya, pertanian halal ini yang bebas daripada racun serangga yang berbahaya, bebas daripada baja najis haiwan sebab industri sayuran contohnya banyak menggunakan najis tahi ayam dan ini juga mempunyai kuman ataupun yang berbahaya kepada pengguna.

Racun serangga contohnya, walaupun mempunyai SOP 14 hari, 20 hari setelah disemburkan racun baru dikutip hasil namun kalau kita lihat secara logiknya, sayur kalau tunggu 14 hari sudah tua. Biasanya sembur hari ini, esok sudah petik untuk dijual. Maka, adakah kementerian melihat perkara-perkara ini dalam mewujudkan pertanian halal? Mohon pandangan.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini soalan yang sangat bagus kerana kita daripada segi pertanian dan perikanan atau penternakan, kita ingin mengamalkan *Malaysian Good Agricultural Practice* (myGAP) di mana ini adalah standard dan juga *guidance*- SOP untuk memastikan bahawa makanan kita itu selamat dimakan. Dalam konsep Islam ini, ia pula ada *halalan-toyyiban*- betul ya? Okey. Makanan adalah bersih dan selamat untuk dimakan.

Jadi kita mahu bahawa semua rakyat Malaysia dijamin bahawa makanan itu adalah selamat dimakan. Jadi daripada segi garis panduan- myGAP kita tetapkan bahawa bagaimana SOP dan juga pengendalian makanan contohnya daripada segi perikanan, kita bukan sahaja dari segi *DNA porcine*, kita juga mengharamkan antibiotik. Contohnya

tiga antibiotik yang diharamkan itu- ini *chemist* punya, saya rasa *nurse* di belakang itu lagi hebat daripada saya. *Chloramphenicol*, *nitrofurantoin* dan *nitroimidazole*- ini tiga antibiotik yang diharamkan.

Saya juga ingin membangkitkan di sini sekarang dengan masalah pencemaran lautan, *microplastic* juga dikesan dalam ikan. Ini adalah isu-isu zaman sekarang, di mana zaman sekarang mempunyai masalah yang lebih rumit daripada zaman dahulu. *Microplastic* ini kita tengah membuat kajian, oleh profesor dan juga penyelidik daripada UMP- Doktor Najihah yang membuat kajian tentang kehadiran *microplastic* dalam ikan-ikan kita.

Jadi isu ini saya rasa, kita kena pertingkatkan lagi. Bukan sahaja kementerian pertanian tetapi semua termasuk JAKIM, Jabatan Alam Sekitar, PBT dan kita semua. Rakyat kita jangan buang sampah. Oleh kerana ingin keuntungan yang cepat menggunakan antibiotik dan sebagainya kepada makanan kita. Ini isu yang serius dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk bersama-sama kita memberikan perhatian yang lebih besar terhadap isu keselamatan makanan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri...

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: ...Tuan Sim Tze Tzin. Terima kasih.

Tuan Nga Hock Cheh: Boleh saya buat satu tambahan...

Timbalan Yang di-Pertua: Sekejap.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apabila seorang sakit di hospital memerlukan *blood transfusion*, adakah hospital akan asingkan darah halal atau tanpa halal? Sekiranya darah tidak diasingkan boleh masuk badan seseorang walaupun Melayu, Cina atau India, mengapa kita buat isu sangat- isu halal tidak halal?

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, sementara- sebelum saya menjawab soalan itu, saya ingin mengalu-alukan mahasiswa daripada Kolej Kejururawatan Tun Tan Cheng Lock, Hospital Assunta, Petaling Jaya, Selangor. Selamat datang ke Dewan Negara... [*Tepuk*]

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator ini agak mencabar kerana saya bukan doktor, saya bukan daripada Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, saya rasa ini adalah isu kemanusiaan. Apabila seseorang sakit- atau, kita tidak kira apa, *whatever it takes to save the life we have to save the life*. Saya yakin bahawa Tuhan akan memaafkan segala kerana- betul tidak ya? *To save the life*. Memang Tuhan ingin *save the life*, hendak menyelamatkan nyawa manusia dari segi itu.

Dari segi makanan juga, kalau kita cari semua sampai segala-gala DNA itu susah, betul tidak? So, dari segi konsep Islam kalau- saya tidak pasti di mana tetapi kalau dia

rasa tidak yakin, jangan makan. Akan tetapi kalau termakan, tanpa sengaja dihalalkan-dimaafkan. Jadi saya rasa ini ialah semangat kita. Jangan kita mencari masalah dan *create the kind of- among the society. That's the spirit.* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Pagi ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri-menteri dan wakilnya yang hadir untuk menjawab soalan yang telah dicatatkan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang hadir pada pagi ini, terima kasih banyak.

Sekarang kita minta Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa, dipersilakan.

Puan Raj Murni binti Sabu: *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa berada di hospital. Beliau meminta saya sebutkan soalan yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

2. Puan Raj Murni binti Sabu [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, apakah persiapan dan perancangan kerajaan dalam berhadapan dengan situasi beberapa bandar di Malaysia bakal ditenggelami air sebagaimana kajian yang dibuat oleh *Nature Communication*, dengan menggunakan *Digital Elevation Models (Coastal DEMs)*.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Kementerian ini melalui Institusi Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), berasaskan dapatan kajian perubahan iklim dan kenaikan aras laut, telah membantu agensi perancang dan agensi pelaksana dalam merancang pembangunan fizikal dan menyediakan pelan mitigasi untuk menangani isu bencana air termasuk potensi banjir di kawasan pesisiran pantai akibat kenaikan paras air laut. Tindakan yang telah diambil antaranya merangkumi:

- (i) menjalankan kajian kenaikan aras laut bermula pada tahun 2010, dan kemudiannya mengemaskinikan nilai unjuran kenaikan aras laut di seluruh Malaysia, berdasarkan senario terkini pada tahun 2017;
- (ii) menjalankan penilaian dan cadangan langkah adopsi, kesan kenaikan aras laut di lokasi-lokasi terpilih bagi persisiran pantai negara seperti di Kedah, Terengganu, Sabah, Lembangan Sungai Sarawak, Selangor, Perak, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor melalui penghasilan peta inundasi kenaikan aras laut;

- (iii) dapatan kajian ini juga telah membantu agensi-agensi kerajaan dalam mempertingkatkan kesiapsiagaan dan persiapan bencana, perancangan dan pelaksanaan pembangunan fizikal sebagai contohnya:

■1020

- (i) *National Disaster Management Agency* (NADMA) membantu agensi dalam kesiapsiagaan dalam pengurusan bencana akibat kesan kenaikan aras laut;
- (ii) PLANMalaysia membantu dalam perancangan pembangunan di dalam Pelan Rancangan Tempatan, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Fizikal Negara dan Rancangan Fizikal Zon Pantai Negara. Sebagai contoh ialah Draf Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050. Kajian semula yang telah memasukkan elemen perubahan iklim dan kenaikan aras laut;
- (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membantu dalam menyediakan pelan adaptasi dan perlindungan dalam menangani impak kenaikan aras laut dan banjir pantai melalui *Integrated Shoreline Management Plan*. JPS juga telah melaksanakan pembinaan ban pantai dan struktur pemecah ombak bagi menangani isu ini;
- (iv) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) - Program Penanaman Semula Bakau di kawasan pesisiran pantai yang terkesan daripada hakisan pantai dan juga melaksanakan pengurusan hutan secara lestari dan mampan; dan
- (v) kajian daripada segi aspek potensi banjir 2030 dan 2050 di 15 lembangan sungai juga telah dilaksanakan yang menjuruskan kepada peningkatan kawasan liputan banjir. Keadaan ini memerlukan langkah perancangan perbandaran yang lebih teliti seperti penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Fizikal Negara.

Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Soalan tambahan.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kajian yang dibuat oleh *nature communication* ini seperti mana yang disebut dalam soalan tersebut.

Kalau mengikut kajian *nature communication*, termasuk dengan pengkaji-pengkaji satelit, radar dan *climate change* bahawa dalam tahun 2050, pada ketika itu Mumbai, Bangkok, Shanghai, Vietnam, Ho Chi Minh City, hilang terus Tuan Yang di-Pertua, akan hilang terus ditenggelami air. Alexandria, *Egypt*, Basra di Iraq, Netherlands, *Spain*, Itali di *Europe*, dan banyak lagi negara yang saya tidak sebut, yang terus tenggelam. Maldives tenggelam terus. Jakarta, dikatakan menukar ibu negaranya daripada Jakarta ke Kalimantan kerana ada kajian juga yang menyatakan bahawa Jakarta juga akan tenggelam.

Di Malaysia, kalau mengikut kajian tersebut, Perlis, habis. Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat Shahidan Kassim hendak pergi duduk. Alor Setar, akan jadi pulau. Ia kata di sini, *Alor Setar will be an island*, dengan izin. *There will be no North-South Expressway*. Tidak akan ada lagi sudah *expressway* kerana tenggelam habis. *Bagan Datuk, Kuala Selangor, Sekinchan and the surrounding areas is under water*. Semuanya akan di *cover*. Ini kajian yang dibuat oleh *United States of America*, termasuk dengan pengkaji-pengkaji *climate change*.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Sungai Limau *dok* mana? Sungai Limau.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Sungai Limau hilang [*Ketawa*] Pekan Muar, habis. Kuala Terengganu, Kuching, hilang. *Malacca, totally gone*.

Jadi Yang Berhormat, katanya dalam kajian ini, Jakarta sedang membuat terusan sepanjang 2,500 kilometer. Kita ada 30 tahun lagi kalau kita hendak menanam bakau dan sebagainya. Kalau kita melihat daripada kajian juga yang dibuat, mereka menyatakan bahawa Rotterdam di Belanda, di Netherlands, adalah negeri yang dapat mengatasi masalah banjir ini, termasuk kajian yang dibuat di *Yangtze River* di China.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah dalam masa 30 tahun ini, kita sempat lagi Yang Berhormat? Saya mungkin tidak sempat. Dato' Mahfuz, dia akan *pi* dahulu [*Ketawa*] Tidak sempat kita. Kita 30 tahun, mungkin cucu kita ini yang akan kena banjir ini. Apakah kerajaan akan memulakan menanam bakau daripada sekarang ataupun kita masih hendak membiarkan bakau-bakau ini ditebang?

Saya juga hendak bertanya kepada kementerian, kajian telah menyatakan bahawa Rotterdam, *Yangtze River* di China, *success* daripada segi *flood mitigation*. Apakah kerajaan akan menghantar pengkaji-pengkaji kita ke sana untuk belajar bagaimana mereka hendak membuat ini? Singapura, mereka telah *reclaim the land* dan

mereka sekarang sedang membuat pulau-pulau yang berasingan. *A floating island* daripada bacaan saya ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, adakah pakar hendak dihantar ke Rotterdam ataupun apakah cara-cara lain kita hendak- apakah kita akan membuat *flooding wall* dan sebagainya dalam masa 30 tahun ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Mungkin kebanyakan kita hanya membaca secara umum. Apa yang saya ingin nyatakan di sini, kajian yang dibuat oleh pihak *Climate Central* ini adalah terlalu ekstrem, tanpa mengambil kira ataupun membuat kajian apa yang negara Malaysia telah buat.

Saya ingin menyatakan di sini, mengikut jabatan ataupun agensi JPS, unjuran yang digunakan oleh *Climate Central* ini mengambil kira pada tahun 2050 kenaikan akan menaik kepada 30cm. Itu aras air tetapi mengikut kajian kita, NAHRIM, pada tahun 2050, kenaikan di antara 22 hingga 25cm sahaja. Bermaksud kurang.

Mengapa saya berkata begitu? Mungkin kajian yang dibuat oleh *Climate Central* ini tidak mengambil kira keadaan kita. Kita tidak kurang hebatnya sebenarnya di Malaysia ini. Kita ada JPS. Mereka tidak mengambil kira berkenaan dengan adanya kita membuat ban pantai ataupun pemecah ombak ataupun tebatan banjir. Benda ini tidak diambil kira. Kalau mereka diambil kira, kita yakin dengan *town planning* ataupun perancangan yang betul, *insya-Allah* kita akan boleh menghadapi masalah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Maaf ya.

Datuk Razali bin Idris: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Razali bin Idris: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi sahabat kita sudah sebut secara global. Saya hendak sebut khusus untuk negeri Terengganu. Negeri Terengganu ini, ia bukannya hilang. Ia jadi pulau daripada kesan pemanasan global. Dalam kajian juga ada menyebut salah satu daripada cara untuk kita mengatasinya adalah membina benteng pemecah ombak seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi dan juga benteng pantai.

Ini disebabkan Tuan Yang di-Pertua, Terengganu ini negeri pantai. Ia ada lapan daerah, tujuh daerahnya berada di pesisir pantai. Maksudnya, kalau jangkaan yang mengatakan Terengganu menjadi pulau, ada kebarangkaliannya betul tetapi itu takdirilah. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita berusaha.

Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian, semalam saya sudah sebut. Hari ini saya hendak sebut lagi sekali. Benteng pemecah ombak di Terengganu ini, ada dua buah projek yang terbengkalai. Sudah lama, lima tahun yang lalu. Sampai sekarang

tidak siap-siap. Ada dua buah projek lagi yang telah diluluskan bajet tahun 2019 yang lalu, sepatutnya diselesaikan pada tahun 2019 tahun ini tetapi tidak diselesaikan juga daripada Kementerian.

Jadi, apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk bertindak secara tuntas, secara cepat supaya kesemua projek yang telah dirancang, projek-projek yang telah diluluskan, projek-projek yang terbengkalai, dipersiapkan secara cepat?

■1030

Jadi, soalan saya untuk menghindarkan negeri Terengganu ini menjadi pulau, saya hendak minta penjelasan daripada pihak Kementerian, apakah yang saya utarakan tadi perlu dipercepatkan pada tahun 2020. Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya dekat saya ini ada rancangan struktur negeri Terengganu 2050. Jikalau hendak huraikan panjang tetapi saya ringkaskan di sini, Kerajaan Pusat prihatin di mana peruntukan untuk RTB diluluskan untuk keseluruhan Malaysia 2020 lebih kurang RM443 juta.

Insya-Allah, saya akan mengambil perhatian yang berkenaan sebab kena beritahu spesifik kawasan yang mana. Saya akan membuat semakan semula yang terbengkalai, mungkin- saya tidak boleh hendak jawab sekarang ini sebab saya tidak tahu keadaan yang sebenarnya. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Semalam saya sudah sebut. Semalam dalam perbahasan saya, saya sudah sebut. Boleh rujuk semula ada beberapa projek terbengkalai dan ada beberapa projek yang tidak dibuat. Contoh, Muara Sungai Merchang satu yang telah diluluskan pada tahun lepas. Kedua, Muara Sungai Setiu beratus juta juga projek itu. Jadi, kalau boleh kita selesaikanlah supaya Terengganu tidak hilang. Terengganu ini negeri cantik Tuan Yang di-Pertua, budaya menarik, orangnya pun baik-baik. Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatian. Terima kasih.

3. **Datuk Lim Pay Hen** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah aduan yang dianggarkan oleh Kerajaan selepas Akta Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) berkuat kuasa nanti berbanding jumlah aduan yang diterima sehingga kini di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS); dan

- (b) apakah Kerajaan menyediakan satu saluran atau sistem aduan baharu bagi menggantikan Sistem Pengurusan Aduan Awam Polis Diraja Malaysia (SPAAA).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Untuk makluman Dewan, ada dua soalan yang ditanya.

Soalan yang pertama, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak lagi membuat sebarang anggaran kerana ia terlalu bersifat spekulatif. Bagaimanapun, kerajaan memberi jaminan bahawa idea penubuhan IPCMC bukan sekadar bertujuan untuk menerima aduan semata-mata. Akan tetapi ia juga ditubuhkan bagi menjaga kebajikan para anggota PDRM.

Mengenai soalan yang kedua, Biro Pengaduan Awam (BPA) Jabatan Perdana Menteri memperkenalkan Sistem Integrated Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) sejak tahun 2007. Sistem ini boleh diguna pakai oleh agensi kerajaan sejak tahun 2019 termasuk PDRM. Sistem ini kemudiannya di naik taraf kepada Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu (SISPAA) pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, PDRM tidak dapat menggunakan sistem ini sepenuhnya atas beberapa faktor iaitu bagi mengawal kerahsiaan aduan dan data PDRM memandangkan server sistem adalah di bawah kawalan BPA serta spesifikasi dan skop tugas PDRM berbeza dengan lain-lain agensi.

Sehubungan itu, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) telah membangunkan e-SPA PDRM. Sistem Pengurusan Aduan PDRM yang dijangka akan boleh diguna pakai oleh semua formasi PDRM pada awal tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Soalan tambahan saya, di peringkat Dewan Rakyat yang baru lepas, Kerajaan Pakatan Harapan telah melaksanakan beberapa sesi pendengaran awam di Sarawak, di Pulau Pinang, di Johor, di Sabah, di Terengganu ke atas Rang Undang-undang IPCMC.

Satu laporan mengenai sesi pendengaran IPCMC diterbitkan dan satu cadangan di kemukakan agar *Police Bill of Rights* diwujudkan bagi mengimbangi IPCMC. Maka soalan tambahan saya kepada kerajaan ialah adakah kerajaan akan menerbitkan atau memaparkan kepada pengetahuan umum mengenai tatacara piawai operasi (SOP) yang termaktub mengikut Akta Polis 1967 supaya rakyat umum mempunyai kesedaran mengenainya.

Kedua, adakah kerajaan akan mempertimbangkan cadangan penggubalan *Police Bill of Rights* bagi mengimbangi IPCMC dan adakah tarafnya mengatasi SOP sedia ada? Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Soalan banyak ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan kedua dahulu tentang adakah kerajaan ingin mempertimbangkan *Police Bill of Rights*.

Untuk maklumat Yang Berhormat, setakat ini yang saya dapat maklumat ini tidak ada lagi. Akan tetapi, bagaimanapun Yang Berhormat, saya hendak yakinkan kepada Yang Berhormat sebenarnya, apa yang terkandung dalam IPCMC sebenarnya bahawa kita bukan sahaja ingin menerima aduan-aduan. Oleh sebab ini- untuk makluman Yang Berhormat IPCMC ini adalah lahir daripada cadangan daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja- *Royal Commission*. Jadi, sebenarnya daripada situlah timbulnya kenapa hendak ditubuhkan IPCMC ini. Saya ingin tegaskan di sini Yang Berhormat, IGP sendiri dalam satu *interview* yang diterbitkan oleh BERNAMA menyatakan bahawa idea penubuhan IPCMC ini adalah satu idea yang baik kerana ia boleh mempertingkatkan lagi imej pegawai polis seperti negara-negara yang maju seperti Hong Kong. Saya hendak beri contoh di *England*, selepasnya wujud IPC itu memang dia berjaya menaikkan imej polis.

Cumanya, dalam masa yang sama, kerajaan juga bersetuju bahawa kedua-duanya hendaklah berlaku serentak. Iaitu kita mesti bersedia untuk menjadi badan bebas untuk mendengar aduan-aduan dan pada masa yang sama juga kebajikan pihak polis juga harus diambil kira. Jadi, bukan kita membezakan kedua-duanyalah.

Jadi Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat itu tentang adakah perlunya ada satu- *Bill of Rights* ya. Untuk makluman terdapat pertimbangan jugalah untuk meneliti keperluan untuk perintah tetap Ketua Polis Negara yang dipanggil IGSO disiarkan kepada umum namun kajian lanjut sedang dilaksanakan bersama pemegang taruh. Jadi Yang Berhormat, saya ulang semula, memang ada satu kajian untuk kita menubuhkan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO). Dengan adanya Perintah Tetap ini dia akan disiarkan kepada umum. Namun kajian lanjut sedang dijalankan.

Apabila kita hendak buat satu benda yang baru ini Yang Berhormat, kita mesti mendapat satu input yang mencukupi dan semua pemegang taruh harus diambil kira. Tidak boleh dibuat tergesa-gesa, kita tidak mahu apabila dibuat nanti, ada masalah kita buat *U-turn* balik. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Adakah kerajaan sebelum mencadangkan untuk memperkenalkan rang undang-undang secara tergesa-gesa dan setelah itu ditarik balik melibatkan pihak-pihak- untuk membincangkan isu-isu ini dan apakah kemusykilan dan persoalan yang ditimbulkan yang menyebabkan rang undang-undang ini ditarik balik.

Adakah mungkin ia akan ditarik balik ataupun tidak akan dibawa pada sidang yang akan datang? Adakah kemungkinan IPCMC ini disalah gunakan untuk menyekat penyiasatan yang akan datang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, saya hendak betulkan sedikit fakta Yang Berhormat. Sebenarnya tidak tepat Yang Berhormat menggunakan ayat menarik balik. Sebenarnya apa yang berlaku, kita bentangkan selepas itu kita dapati bahawa perlu penelitian- sekarang ini Yang Berhormat di bawah kerajaan baharu ini kita telah memperkenalkan *select committee*. *Parliamentary Select Committee* ini kita- antara tugas *select committee* ini antaranya untuk memerhatikan rang undang-undang yang kita hendak gubal ini supaya dapat menghasilkan satu rang undang-undang yang terbaik.

Jadi, sebab itulah apabila kita bentangkan kita dapati banyak cadangan-cadangan untuk penambahbaikan, maka kita tidak teruskan. Kita telah salurkan kepada *select committee* dan *select committee* telah pun membuat satu pendengaran, telah pun membuat satu *consultation* dengan para *stakeholder* dan mereka telah pun siap Yang Berhormat laporan yang lengkap.

■1040

Oleh sebab itu kalau Yang Berhormat kata tergesa-gesa, saya rasa itu tidak betul. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat membaca kenyataan daripada Ketua Polis Negara, Yang Berhormat boleh baca dalam surat khabar. Beliau menyatakan sebenarnya idea IPCMC ini seawal tahun 2015 lagi telah pun dicadangkan. Cuma bezanya pada zaman kerajaan lama tidak ada kekuatan untuk melaksanakan. Kerajaan baru telah ada satu *political will* untuk dilaksanakan dan tidak tergesa-gesa Yang Berhormat. Kita sebenarnya memang berhasrat untuk dilaksanakan seberapa cepat yang mungkin tetapi kita hendak memastikan segala yang kita buat ini akan menghasilkan produk yang terbaik.

Jadi, IPCMC ini akan dibentangkan Yang Berhormat pada sesi akan datang bagi meneliti dan mengkaji lanjut syor-syor yang dikemukakan. Jadi, Yang Berhormat tidak perlu takut. Sebenarnya dalam sidang bulan tiga akan datang, saya percaya rang undang-undang ini akan berjaya dapat ditonjolkan dan dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita fahamlah terutama apabila Yang Berhormat Menteri menerangkan berkaitan dengan hal-hal kebajikan pihak polis. Saya memerhatikan setelah ia dibincangkan di Dewan Rakyat, telah menimbulkan banyak persoalan yang saya rasa cukup merunsingkan pihak rakyat keseluruhannya.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, yang tersurat dan tersirat. Apakah kemungkinan bahawa apabila perkara ini diluluskan, mungkin terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang akan cuba menghalang tugas yang dilakukan oleh pihak polis? Ini kerana kebelakangan ini pun saya perhatikan, orang sudah cukup berani melawan dan menghina pihak polis.

Saya ingin tegaskan, tanpa tanggungjawab dari pihak polis, negara kita tidak akan aman. Akan tetapi *development* kebelakangan ini amat risau. Cuma- itu yang saya tanya tadi, saya takut yang tersirat dan tersurat. Apakah kemungkinan besar Yang Berhormat Menteri memikirkan sedalam-dalamnya kemungkinan perkara ini akan berlaku? Sebelum ia berlaku kita kena fikir halus-halus.

Keduanya, saya hendak tanyalah apabila perkara ini dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, saya hendak tahu, adakah 100 peratus bersetuju terhadap penubuhan IPCMC ini? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat, saya jawab nombor dua dahululah. Adakah 100 peratus bersetuju? Yang Berhormat, setakat yang saya tahu memang undang-undang ini Yang Berhormat kalau hendak dapat 100 peratus ini kalau tidak susah pun, hampir mustahil. Mesti ada pihak yang tidak bersetuju walaupun kita buat undang-undang terbaik macam mana pun, mesti ada pihak yang tidak bersetuju. Jadi kita sebagai pihak kerajaan, kita tidak boleh mengambil kira ikut *percentage* 100 peratus baru kita boleh buat undang-undang. Kalau begitu Yang Berhormat, kita takut satu undang-undang pun tidak boleh buat. Itu yang pertama.

Keduanya Yang Berhormat, saya percaya kerana kita ini telah menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas dan juga telah membuat satu *engagement* dengan pihak-pihak yang ada kepentingan, *stakeholder* dan sebagainya. Oleh sebab itulah kita memastikan walaupun apa yang kita cadangkan ini kemungkinan ada kekurangan-kekurangan dan juga kelemahan-kelemahan tertentu, dengan hasil *engagement* itu- sebab itulah kita- Yang Berhormat, oleh kerana kita kerajaan yang mendengar, *we are listening government*, dengan izin, kita telah sanggup untuk merujuk rang undang-undang yang telah kita bantangkan itu ke *Select Committee* dan kita tangguhkan lagi- sudah dua kali tangguh.

Pertama kita tangguhkan di peringkat kali pertama dibentangkan, *Select Committee*. Selepas sekarang baru ini kita tangguhkan lagi dan bulan tiga ini setelah kita dapat semua *feedback* ini, kita akan pastikan rang undang-undang yang akan dihasilkan ini yang terbaik.

Itu pun Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau sekiranya kita telah melaksanakan nanti Yang Berhormat, *nature* undang-undang Yang Berhormat, sebagai seorang pengamal undang-undang saya beritahu Yang Berhormat, *nature* undang-undang ini memang begitu.

We cannot get a completely a good law, walaupun telah laksana. Proses ia proses yang berterusan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat lihat, banyak undang-undang yang dilaksanakan dalam negara kita ini, hasil daripada kita laksanakan itulah- situ baru kita nampak ia punya kelemahan-kelemahan dan di situ lagi kita akan- sebab itu dalam undang-undang ini sentiasa ada pindaan-pindaan tertentu.

Proses pindaan ini boleh dilakukan melalui Parlimen, kadang-kadang melalui pentafsiran oleh pihak mahkamah. Kadang-kadang mahkamah mendapati bahawa pentafsiran undang-undang ini kemungkinan sepatutnya ditafsirkan begini. Sedangkan masa kita buat di dalam Dewan, kita tidak nampak benda itu. Jadi, ini adalah proses *nature* macam mana undang-undang itu berkembang.

Jadi tentang Yang Berhormat punya soalan pertama, adakah dengan penubuhan IPCMC ini kemungkinan ada gangguan kepada kerja polis? Saya tidak nampak begitu Yang Berhormat. Sebaliknya kita- saya kata tadi, tujuan IPCMC ini ialah untuk kita memperkasakan lagi institusi polis supaya dihormati oleh ramai orang. Cumanya saya akui memang pihak polis sebagai *stakeholder* merasai kebimbangan kerana dikhuatiri kerana apabila ditubuhkan IPCMC ini, seolah-olah hanya memfokuskan kepada salah laku sahaja. Sedangkan kerajaan hendak beritahu kepada pihak polis juga, pada semua pihak yang terlibat, kita menubuhkan IPCMC ini untuk memastikan integriti- imej dapat dipertingkatkan.

Keduanya, kita hendak memastikan juga kebajikan polis juga diambil berat oleh semua pihak. Itu sebenarnya. Jadi tidak timbul Yang Berhormat hendak ganggu kerja polis. Kita akan terus pastikan polis dapat bertugas tanpa gangguan dan polis Malaysia adalah polis yang terbaik di dalam dunia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

4. Puan Hajah Sabani binti Mat minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan akan melaksanakan pengecualian *stamp duty* untuk membantu rakyat mengurangkan bebanan kali pertama untuk membeli rumah.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan insentif dalam bentuk pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama oleh rakyat Malaysia. Pengecualian duti setem yang diberikan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan bebanan rakyat Malaysia dalam menanggung kos pemilikan rumah kediaman. Pengecualian duti setem yang diberikan adalah seperti berikut:

- (i) pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga sehingga RM300 ribu. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020;
- (ii) pengecualian duti setem 100 peratus terhad ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga di antara RM300,001 dan RM1 juta daripada mana-mana pemaju perumahan bagi tempoh enam bulan sahaja. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019. Ini sudah *lapse* masanya; dan
- (iii) pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga di antara RM300,001 dan RM500 ribu. Pengecualian duti setem 100 peratus diberikan terhad kepada RM300 ribu pertama harga rumah tersebut. Kalau lebih daripada itu, dia kena bayar. Baki selebihnya daripada harga rumah tersebut adalah tertakluk kepada kadar duti setem semasa. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Julai 2019 sehingga 31 Disember 2020.

Selain itu, kerajaan juga telah mengumumkan kempen pemilikan rumah ataupun, dengan izin, *home ownership campaign* (HOC) yang diadakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019 bagi menggalakkan pemilikan rumah kediaman. Kerajaan seterusnya telah melanjutkan tempoh kempen ini kepada 31 Disember 2019, berikutan sambutan yang baik daripada rakyat Malaysia. Kementerian ini merupakan kerjasama kerajaan bersama dengan syarikat-syarikat pemaju di mana pihak pemaju akan memberikan diskaun sekurang-kurangnya 10 peratus ke atas rumah yang sedia dibina ataupun yang telah siap dibina dan pihak kerajaan pula menawarkan pengecualian duti setem.

Pengecualian duti setem diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian perumahan bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300 ribu hingga RM2.5 juta. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang saya kira cukup baik. Cumanya saya ada soalan hendak tanya, adakah terdapat sebarang kemungkinan Bank Negara Malaysia akan menurunkan kadar faedah pembelian rumah pada masa akan datang terutama pembeli rumah pertama bagi membantu golongan muda khususnya dalam pemilikan rumah.

Kedua saya hendak bertanya, berapakah jumlah dana keseluruhan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi kempen pemilikan rumah sepanjang tempoh ia dilaksanakan dan adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh itu bagi tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tadi. Ya, memang Bank Negara Malaysia telah memulakan suatu skim yang kita namakan sebagai Dana Rumah Mampu Milik ataupun singkatannya DANA. Ini adalah bagi membantu mereka untuk memiliki rumah yang pertama.

Pada mulanya berkuat kuasa 1 Januari 2019 hari itu, ini adalah bagi mereka yang hendak memiliki rumah tidak melebihi RM150 ribu dan dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,300 sebulan. Apa yang dibuat ialah *participating banks* ada lima semuanya setakat ini, mereka akan memberikan pembiayaan dan Bank Negara memberikan subsidi kepada kadar keuntungan yang dibuat itu dan di-*kept* kepada maksimum 3.5 *percent* setahun kadar keuntungan itu, itu maksimum ya.

Kemudian kita kaji semula dan dapat rungutan daripada orang ramai terutamanya di kawasan Lembah Klang ini hendak cari rumah yang tidak melebihi RM150 ribu yang dikatakan sebagai rumah mampu milik ini agak sukar. Maka kerajaan atau Bank Negara telah melonggarkan syarat ini iaitu bagi rumah yang tidak melebihi ataupun sehingga RM300 ribu dan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,300 sebulan juga dibenarkan untuk memohon di bawah Skim Dana Rumah Mampu Milik (DANA) ini dan berkuat kuasa 1 September yang lepas. Jadi, rakyat boleh terus untuk memohon.

Di samping itu Yang Berhormat, ada juga lagi skim-skim lain yang diperkenalkan bagi memudahkan ataupun memberi kemudahan kepada rakyat untuk memiliki rumah pertama. Contohnya, *Property Crowdfunding* yang mana ini di-*regulate* oleh *Securities Commission* yang mana pemberi modal itu akan biayai 80 peratus daripada rumah itu. Kita yang hendak membeli rumah pertama ini boleh letak 20 peratus, kemudian ada perjanjian antara kedua-duanya, apa hendak jadi selepas lima tahun sama ada yang dibayar tiap-tiap bulan itu kalau dikatakan selepas lima tahun dia hendak beli dan hendak

miliki rumah itu terus ataupun selepas lima tahun rumah itu dia kata “*okey, saya tidak mahulah, saya hendak keluar daripada rumah ini*”, hendak dijual dapat keuntungan bagaimana kadar perkongsian keuntungan, ini semua ada diberikan juga di dalam itu.

Di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga ada satu skim yang dinamakan MyDeposit membantu bagi mereka hendak memiliki rumah pertama ini kerana hendak bayar deposit yang 10 *percent* itu pun masalah ya. Jadi, kerajaan telah memperkenalkan ini. Ini ialah untuk rumah yang baharu, bukan rumah yang sudah ada di pasaran, dibeli semula, tidak, ini bagi rumah yang baharu. Maksimum pemberian yang diberikan untuk tujuan pembayaran deposit ini tidak melebihi RM30 ribu. Jumlah ini syaratnya ialah pendapatan isi rumah tidak melebihi RM15 ribu sebulan ya, agak tinggi, rumah yang pertama dan harga rumah tidak melebihi RM500 ribu. Jadi, mereka boleh memohon dapat membantu untuk hendak *come-up*, dengan izin, deposit yang itu tadi.

Kemudian soalan yang kedua daripada Yang Berhormat sama ada skim ini akan dilanjutkan *beyond year 2020*, kita akan lihat perkembangan macam ada satu yang saya sebut tadi itu yang di bawah Bank Negara tidak sempat habis pun *term* yang pertama kita laksanakan oleh sebab ada rungutan daripada rakyat yang macam disebut oleh Yang Berhormat tadi, *insya-Allah we are listening government*, kita dengar rungutan dan rayuan dan kita rasa wajar untuk dipertimbangkan, ia akan dipertimbangkan. So, tahun 2020 pun lambat lagi Yang Berhormat, bila sudah hendak dekat sampai nanti, kita akan tengok dan kaji semula, *insya-Allah*. Terima kasih.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimanakah pihak kementerian melihat penurunan nilai ambang rumah yang boleh dibeli oleh warga asing dari RM1 juta kepada RM600 ribu seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 bakal memberi kesan kepada pasaran hartanah di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tadi. Soal yang tadi, hendak komen sikit. Tahun 2020 memang tidak lama sudah, tidak sampai sebulan lagi tetapi akhir tahun 2020 yang lambat lagi itu Yang Berhormat ya [*Ketawa*]

Soalan tambahan diberikan tadi, Yang Berhormat, sebenarnya skim kelonggaran yang diberikan ini bukan untuk semua skim perumahan yang akan datang selepas ini. Ia adalah untuk bagi kita menangani masalah *property overhang*, dengan izin, yang mana banyak yang telah dibuat tidak terjual yang menyebabkan mungkin kita boleh kata istilah kampungnya “*adan muka lah, hendak buat harga mahal sangat, jadi orang tidak beli.*”

Akan tetapi dalam masa yang sama juga, kita hendak supaya *developer*, pemaju perumahan ini terus membuat rumah dan kita minta untuk buat rumah yang mereka buat kajian apa yang dikehendaki oleh rakyat. Kalau rakyat hendak rumah mampu milik, buatlah rumah mampu milik. *Then, it will be-* tidak ada masalah untuk rumah itu hendak dijual. Jadi, kita minta supaya mereka melihat dan wang yang tersangkut di dalam *property overhang* ini juga tidak baik kerana ia seharusnya digunakan untuk membina rumah yang ada permintaannya di pasaran.

Oleh yang demikian, mengambil kira aspek tersebut ini hanyalah bagi rumah-rumah yang telah siap dibina dan yang telah tidak laku dalam pasaran, siap dibina dan tidak laku dalam pasaran melebihi- saya pun tidak ingat, berapa tahun ya? Setahun, dua tahun? Dalam pasaran yang sudah tidak laku, ini sahaja yang diberikan kelonggaran ya. Ini sahaja yang diberikan kelonggaran. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri KPKT patut boleh menjawab *better* daripada saya yang ini. Itu sahaja yang diberi kelonggaran dan bukan kepada yang lainnya.

Jadi, tujuannya ialah supaya bilangan ini dapat kita kurangkan dan wang itu dapat didapati oleh pihak pemaju dan dapat digunakan untuk membina rumah-rumah yang sebenarnya kita minta supaya dibuat rumah yang ada permintaan dan memang rakyat hendakkan rumah-rumah mampu milik ini. Jadi, sebenarnya Yang Berhormat, kita tidak akan melihat ataupun- saya rasa ini pun satu *warning* yang cukup baik- kepada para pemaju lagi kata, "*Stop constructing houses which are not wanted by Malaysians.*" Jadi, kita harap ini akan dapat melegakan keadaan tersebut dan wang itu akan dapat digunakan untuk membina rumah-rumah yang dikehendaki oleh rakyat. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya dapat juga ya. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan isu ini.

■1100

Berdasarkan pengalaman, isu utama yang berlegar di kalangan pembeli rumah adalah berkaitan dengan kelayakan untuk mendapatkan pinjaman. Biasanya apabila masuk musim kegawatan, ia adalah suatu anugerah bagi siapa yang cerdik dalam ilmu hartanah. Apabila saya bercakap dengan pihak *banker* pada sebulan yang lepas, didapati di Lembah Klang ini isu kelayakan ini adalah isu yang agak meruncing kerana didapati bumiputera ini 250 ribu ke bawah sahaja yang majoritinya layak dan India lebih kurang dan Cina atas sedikit.

Apabila kita *check*, ia berkaitan dengan proses dokumentasi. Kita ada keupayaan untuk membeli rumah dalam bentuk *cash* tetapi *cash* sudah mustahil sebab isu LHDN dan juga AMLA. Ini kerana mereka tidak berupaya untuk dokumentasikan pendapatan

mereka secara baik antara bumiputera dan- Cina lebih baik dalam mendokumentasikan pendapatan. Ini menyebabkan kelayakan untuk mendapat pinjaman itu menjadi kurang.

Jadi, apakah langkah kerajaan untuk memastikan bahawasanya rakyat kita ini ada kesedaran untuk dokumentasikan pendapatan agar boleh, ada keupayaan untuk membeli rumah pada harga yang lebih. *Wallahu'alam.*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Ya kita sedar perkara tersebut. Oleh sebab itu kita ada program tentang literasi kewangan, kempen besar-besaran yang kita jalankan. Bahkan kita ada suatu pelan nasional tentang literasi kewangan ini agar dapat pertamanya yang tadi disebut oleh Yang Berhormat itu ialah supaya *documentation* itu dapat disediakan apabila diperlukan untuk kita mendapatkan pembiayaan.

Tentang literasi kewangan ini juga Yang Berhormat, kadang-kadang oleh kerana tidak faham tentang bagaimana pasaran kewangan dan sistem perbankan ini beroperasi, kadang-kadang kita tanya seorang usahawan itu tanya berapa kamu perlu untuk membuat pinjaman. Dia kata pinjam lagi banyak, lagi bagus. Dia tidak tahu kata pinjam lagi banyak, lagi banyak dia hendak kena bayar kadar keuntungan itu lagi besar. Akan tetapi dia kira berapa banyak boleh masuk. Ini kerana kurangnya kefahaman tentang perkara ini.

Jadi ini kita ambil maklum. Oleh sebab itulah untuk bagi skim pemilikan perumahan ini ada dicadangkan dalam bajet ini iaitu tentang skim *Rent to Own* yang mungkin mereka mempunyai kesukaran untuk mendapatkan wang yang cukup untuk deposit dan sebagainya ataupun macam Yang Berhormat sebut tadi dokumentasi yang kurang. Akan tetapi dengan skim ini mereka akan dapat- sambil-sambil itu maknanya tidak hilang langsung peluang untuk memiliki rumah, mereka menyewa dahulu dan kemudian *convert* penyewaan itu kepada pembelian dalam skim-skim yang akan kita perkenalkan selepas ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan Yang Berhormat. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sehubungan dengan pinjaman Yang Berhormat, masalahnya sekarang bank-bank ini terlalu *rigid* Yang Berhormat. Apabila kita hendak buka akaun sekarang dengan bank, satu soalan yang ditanya oleh bank dan ada kolum, apabila dia tengok kita *punch* nama kita, akan naik, ahli politik mana. Malu kadang-kadang, sebab dia kata, tidak boleh, kena tangguh dahulu. Apakah ini polisi Kementerian Kewangan atau polisi Bank Negara?

Ini Yang Berhormat, sekiranya ia berlaku dan ia berlaku kepada anak saya. Anak saya kata, kalau begini susahlah. Bapa saya yang politik, saya tidak politik. Anak saya pula kata, kalau begini tidak payahlah anak-anak muda masuk politik. *Discourage* anak-

anak kita untuk terlibat dalam politik. Apa akan berlaku apabila anak kita tidak masuk politik? Jadi macam Singapura dahululah, *they have to call back the youngsters to join*, dengan izin.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah kementerian juga bersetuju dengan polisi yang dibuat oleh Bank Negara ini terhadap bank-bank tempatan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Empat soalan tambahan ini. Tentang itu sebenarnya diistilahkan sebagai PEP atau *Politically Expose Person* dan Yang Berhormat salah seorang daripada PEP termasuk semua kita yang ada dalam ini. Tujuannya diperkenalkan ini adalah untuk memastikan bahawa dari segi ketelusan dan kelancaran dari segi ini dapat kita kawal.

Tujuannya baik Yang Berhormat. Cumanya ya memang kita dapati di Dewan Rakyat hari itu pun riuh bincang tentang perkara ini menyebabkan kadang-kadang kita hendak hantar duit kepada anak kita, sama ada dalam negeri atau luar negeri pun banyak soalan yang ditanya. Akan tetapi tujuannya itu untuk memastikan bahawa ada ketelusan dan tidak ada perkara-perkara yang tidak elok berlaku.

Saya rasa pihak bank pun tidak terlalu *rigid* dalam erti kata apabila ditanya soalan itu kita jawab dan ia akan mempercepatkan kelulusan perkara-perkara tersebut. Ini salah satu SOP yang telah diperkenalkan yang bertujuan untuk memastikan bahawa macam saya sebut tadilah *transparency* dalam *dealing* dan sebagainya itu berlaku Yang Berhormat. Jadi hendak kena sabarlah *insya-Allah*. Terima kasih.

5. Tuan Alan Ling Sie Kiong minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, cara-cara Kementerian untuk membantu meningkatkan perniagaan secara elektronik- *e-commerce* dan eDagang khususnya untuk membangunkan perniagaan kecil dan sederhana (SMEs) di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peranan untuk membantu pengusaha tempatan termasuk sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana iaitu PKS di negara ini tidak hanya terletak kepada KPDNHEP sahaja. Malah ia merupakan tanggungjawab bersama pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan bagi menggembelng tenaga membantu perusahaan tempatan di negara ini.

Kementerian tidak boleh bergerak sendirian tanpa sokongan dan bantuan daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan yang turut mempunyai agenda membangunkan usahawan tempatan.

Sehubungan itu, kementerian sering bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu MITI, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia iaitu MATRADE, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), MARA, SME Corp, SIRIM, *Malaysia Design Development Centre* dan pelbagai agensi lagi di mana matlamat akhirnya adalah bertujuan sama iaitu untuk membangunkan usahawan tempatan bagi mencapai standard yang telah ditetapkan di pasaran.

Agensi seperti MDEC dan MATRADE juga ada menyediakan platform kolaborasi dengan pemain-pemain eDagang yang terkemuka seperti Ali baba.com bagi membantu SME memasarkan produk mereka ke pasaran antarabangsa.

Selain itu, ledakan ekonomi digital menyebabkan lebih ramai pengguna di negara ini memilih untuk membeli barangan secara atas talian terutamanya bagi generasi muda. Justeru, kementerian mengambil langkah progresif dengan menjalinkan kerjasama strategik bersama platform eDagang seperti *Shopee*, *Lazada*, *PrestoMall* dan lain-lain lagi untuk mengetengahkan produk tempatan melalui pelbagai strategi promosi dan jualan.

Kerjasama pihak kementerian dengan *Shopee* contohnya, bagi kempen jualan produk-produk tempatan sempena jualan khas 11 November iaitu disebut sebagai 11.11 pada tahun ini telah mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 114 peratus berbanding jualan khas 10 Oktober. Manakala jumlah tempahan pula mencatatkan peningkatan sebanyak 152 peratus berbanding jualan khas 10 Oktober bagi barangan buatan Malaysia yang terdapat lebih kurang 3500 produk usahawan tempatan.

■1110

Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mencapai kejayaan luar biasa apabila kerjasamanya dengan platform e-dagang *Shopee* telah memperoleh jualan sejumlah RM3,106,918 sejak dilancarkan dua bulan lepas. Dalam tempoh 66 hari datanya setakat 30 November 2019, pihak *Shopee* telah mempamerkan 3,500 produk buatan Malaysia daripada pelbagai kategori melalui halaman koleksi barangan buatan Malaysia.

Purata pesanan harian bagi barang-barang buatan tempatan yang dijual melalui halaman koleksi ini meningkat 280 peratus kepada RM47 ribu sehari berbanding dengan RM12 ribu sehari sebelum kami melancarkan KBBM pada platform e-dagang tersebut. Pada 11 November lalu, ketika berlangsungnya *Shopee 11.11 Big Sale* sahaja, urusan niaga yang melibatkan produk buatan Malaysia telah mencatat jualan berjumlah kira-kira RM500 ribu dalam sehari.

Keberhasilan ini dicapai kerana kami sangat jelas mengenai strategi kami untuk memanfaatkan kerancangan urusan niaga e-dagang menjelang tempoh akhir tahun.

Kementerian juga telah bekerjasama dengan pihak AirAsia Berhad di mana pihak *AirAsia* telah memperuntukkan sebilangan produk-produk tempatan di dalam *inflight menu* mereka iaitu 10 produk buat permulaan dan juga memberikan pengecualian *listing fee* yang berjumlah RM5,000 kepada 550 usahawan tempatan ke dalam senarai katalog *marketplace* mereka iaitu rokki.com dan OURSHOP.

Dalam masa yang sama, kementerian turut berperanan untuk memastikan bahawa produk-produk yang dijual di atas talian ini adalah memenuhi spesifikasi sebagaimana yang telah diiklankan dan pengguna pula seharusnya menggunakan kuasa mereka untuk mengelakkan daripada berlakunya penipuan. Kementerian ini juga adalah merupakan kementerian yang mengawal selia aktiviti e-dagang di Malaysia. Sekiranya terdapat aduan daripada para pengguna, kementerian akan bertindak mengikut perundangan yang telah ditetapkan.

Sebagai inisiatif untuk membantu peniaga di atas talian, kementerian turut menerbitkan panduan menjalankan perniagaan e-dagang kepada peniaga yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam memulakan perniagaan secara elektronik selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Sebagai langkah yang lebih menyeluruh, kementerian juga telah melaksanakan advokasi secara digital melalui penghasilan info grafik digital yang dimuat naik melalui media sosial kementerian berkaitan garis panduan yang perlu diketahui oleh peniaga dan pengguna dalam menjalankan transaksi dalam talian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu lengkap dan terperinci. Beliau juga merangkap pengerusi negeri saya. Sebenarnya dengan jawapan lengkap itu tidak ada soalan tambahan. Akan tetapi tetap saya hendak tanya sedikit sebanyak.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Alan Ling Sie Kiong: *[Ketawa]* Mahu tanya juga. Saya difahamkan saban hari, setiap hari kita menerima aduan semakin meningkat ke atas orang-orang terpedaya atau tertipu semasa mereka menguruskan perniagaan di dalam talian ataupun diperkenalkan *online purchase*. Saya ingin tahu apakah kerajaan akan adakan kerangka perundangan yang efektif untuk melindungi pengguna-pengguna yang menguruskan perniagaan ataupun mengurus bersama dengan peniaga-peniaga ataupun syarikat-syarikat dalam talian? Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ya saya memang Pengerusi negeri Sarawak untuk DAP. Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling adalah Setiausaha [*Ketawa*] Oleh itu hubungan kami adalah amat eratlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Muafakat ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Secara amnya, e-dagang itu telah berkembang dengan pesat kebelakangan ini dan juga ia telah merupakan- sumbangan e-dagang terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara kita dalam tahun 2018 merupakan lebih kurang lapan peratus iaitu lebih kurang angkanya ialah 115.5 bilion itu angka yang terlibat, amaun yang terlibat.

Maka itu penipuan yang terlibat dalam e-dagang itu pun meningkat dan setakat 30 November 2019 kita telah menerima 4,859 aduan yang berkaitan dengan transaksi e-dagang dan ia merupakan kategori aduan yang kedua tertinggi yang kita KPDNHEP terima daripada orang awam. Untuk mengawal selia tentang penipuan transaksi atas talian, kita mempunyai Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik 2012) iaitu satu peraturan yang digubal untuk memberi ketelusan dalam urus niaga perdagangan elektronik dan sebagai salah satu langkah untuk mengekang perbuatan penipuan kepada pengguna.

Melalui peraturan ini peniaga dalam talian adalah diwajibkan untuk mendedahkan serta memaparkan maklumat mengenai syarikat dan tatacara pembayaran serta pengedaran barangan di laman web ataupun tapak perniagaan *online* mereka.

Selain itu, kementerian juga, kita ada melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan satu sistem iaitu SSM BizTrust dengan tujuan untuk melindungi pengguna dan mengekang aktiviti penipuan oleh peniaga. Apa itu BizTrust iaitu satu piawaian yang ditawarkan oleh SSM di mana SSM akan buat pengauditan terhadap syarikat-syarikat atau peniaga-peniaga yang ingin memohon pensijilan BizTrust. Tiga prinsip yang utama yang diauditkan oleh SSM adalah prinsip pendaftaran. Di mana entiti tersebut mempunyai kredibiliti serta mematuhi amalan perniagaan yang baik.

Keduanya, prinsip *privacy* di mana *privacy* pelanggan adalah dilindungi oleh entiti tersebut dan ketiganya prinsip keselamatan iaitu entiti tersebut mempunyai sistem keselamatan yang dipercayai. Di samping itu, kementerian juga melaksanakan penguatkuasaan terhadap laman perniagaan dalam talian dengan menjalankan naziran dan kerjasama dengan penyedia perkhidmatan dalam talian. Mewujudkan satu pasukan khas bagi memantau secara proaktif dan *responsive* ke atas aktiviti peniaga *online* serta bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga CyberSecurity Malaysia bagi menangani penipuan *online*.

Secara keseluruhannya kita, kementerian juga ada beberapa nasihat kepada orang ramai untuk mengelakkan penipuan atas talian. *Tips* yang kita bagi kepada pembeli-pembeli atau orang awam yang ingin melaksanakan, menjalankan transaksi atau membeli barang atau perkhidmatan atas transaksi, ada beberapa *tips* yang kita telah senaraikan.

Pertamanya, iaitu semak harga. Kalau transaksi atau barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan atas talian itu *sound too good to be true*, terlalu murah untuk barangan itu memang ia perlu lebih berhati-hati

■1120

Keduanya, semak rekod jual. Sekiranya penjual berkenaan pernah dilaporkan menipu pelanggan lain sebelum ini di atas talian.

Ketiganya, jangan bayar penuh atau sebagai pembeli boleh menegaskan bahawa *cash on delivery*, terima barang barulah kita bayar. Ini juga akan mengelakkan penipuan atas talian; dan juga semakan butiran penjual. Nombor telefon, alamat email, nombor akaun bank, nombor pendaftaran syarikat atau peniagaan yang digunakan penjual. Elakkan penjual yang menggunakan butiran-butiran atau akaun bank yang didaftarkan atas nama pihak lain. Banyak kes berlaku di mana penjual menggunakan identiti palsu dan akaun bank berdaftar atas orang lain yang dikenali juga sebagai *mirror account*.

Kelimanya beli di platform atau dengan penjual yang memberi kemudahan tawaran wang dikembalikan atau *money back guarantee* ke atas transaksi yang berlaku. Akhirnya berurus niaga di platform atau dengan penjual yang telah mendapat reputasi yang baik dan juga mempunyai populariti, *reliability* dan integriti yang tinggi.

Itulah nasihat-nasihat kementerian bagi kepada pembeli-pembeli yang berniat untuk menjalankan pembelian atas talian supaya untuk mengelakkan penipuan yang mungkin akan dilakukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Menyebut tentang e-dagang dan sebagainya kita melihat banyak benda yang dihantar melalui pos. Dia bila sudah pos itu *packaging* itu macam-macamlah dengan guna *bubble wrap*, gunakan *polystyrene nuggets* dan sebagainya. Jadi, ini adalah satu lagi punca pencemaran kepada dunia. Jadi adakah kementerian bercadang untuk mengawal penggunaan ataupun adakah ingin memperkenalkan *alternative* kepada *packaging* plastik ini untuk memastikan bahawa industri e-dagang ini dapat berterusan tanpa diganggu oleh isu-isu pencemaran alam. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya rasa bagaimana barang yang akan dihantar, *packaging* akan dibuat itu terpulang kepada peniaga-peniaga yang menentukannya. Setakat ini belum ada lagi apa-apa polisi dan peraturan yang ditetapkan oleh kementerian

untuk mengharamkan penggunaan plastik dalam *packaging* atau cara hantaran barangan itu. Sekian, terima kasih.

6. Datuk Theodore Douglas Lind minta Perdana Menteri menyatakan, apakah yang telah dicapai melalui beberapa perbincangan yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengumumkannya secara terbuka memandangkan perkara ini dinanti-nantikan oleh penduduk Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas Lind.

Izinkan saya untuk menjawab soalan kepada Yang Berhormat Senator bertarikh 10 Disember 2018 bersekali dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose bertarikh 10 Disember, soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing bertarikh 10 Disember 2019 dan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong bertarikh 17 Disember 2019. Memandangkan persoalan-soalan yang dibangkitkan daripada mengenai perkara yang sama iaitu mengenai Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia atau *Malaysian Agreement 1993*.

Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia yang terakhir iaitu kali yang keempat telah diadakan pada 18 November 2019 yang lalu. Perkara ini telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan telah dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa iaitu daripada Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet Persekutuan, Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Persekutuan Sarawak dan Sabah.

Jawatankuasa Khas Kabinet adalah dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Kerja serta diurus setia kan oleh pasukan petugas khas. Jawatankuasa ini telah membincangkan serta meneliti isu-isu yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Sebanyak 21 perkara telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah, di mana perkara tersebut telah dikaji, disemak dan dibincangkan oleh jawatankuasa khas ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 perkara telah mendapat persetujuan bersama iaitu:

- (i) tuntutan duti eksport balak dan hasil hutan di negeri Sabah;
- (ii) pengaliran gas dan juga kuasa kawal selia elektrik dan gas di negeri Sarawak dan Sabah;
- (iii) pelaksanaan Kerja Raya Persekutuan di negeri Sarawak dan Sabah;

- (iv) tenaga buruh di negeri Sarawak dan Sabah;
- (v) kuasa negeri ke atas isu kesihatan di negeri Sarawak dan Sabah;
- (vi) pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan di negeri Sabah;
- (vii) isu pertanian dan perhutanan;
- (viii) obligasi Kewangan Persekutuan di bawah senarai bersama;
- (ix) semakan semula pemberian khas;
- (x) penangkapan ikan perikanan laut dan muara;
- (xi) tanah diberi hak milik persekutuan di negeri;
- (xii) kuasa baki perundangan mengenai alam sekitar dan pelancongan;
- (xiii) Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan, Pertambahan Perjawatan;
- (xiv) penurunan kuasa kepada Mahkamah Sabah dan Sarawak;
- (xv) bidang kuasa Hakim Besar Sabah dan Sarawak autonomi pentadbiran Mahkamah Sabah dan Sarawak dan pengalaman kehakiman di Borneo di Mahkamah Rayuan bagi mendengar kes difailkan di Borneo;
- (xvi) pelantikan Ketua Kehakiman; dan
- (xvii) duti setem yang dikenakan ke atas instrumen pemindahan caj menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sarawak dan Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, baki empat lagi perkara masih dibincangkan secara tiga penjurong di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama yang Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah iaitu:

- (i) royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum;
- (ii) mineral minyak dan medan minyak;
- (iii) Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*]; dan
- (iv) hak negeri ke atas pelantar benua.

Saya difahamkan telah pun dapat tarikh pada bulan Disember ini akan bertemu. Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet akan dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat, seterusnya akan disusuli dengan pengumuman khas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Diharap pihak Yang Berhormat dapat bersabar. Sekian, terima kasih.

Datuk Theodore Douglas Lind: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah seperti berikut.

Seperti mana kita semua sedia maklum PETRONAS diberikan kuasa untuk minyak di Sabah dan Sarawak melalui dua akta. Satu ialah *Petroleum Development Act* iaitu Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan kedua, Akta Wilayah Laut 2012 di mana

dengan kedua akta ini PETRONAS diberikan kuasa penuh untuk mencari, mengeluarkan dan menjual minyak dan gas di seluruh negara.

Jadi soalan tambahan saya adalah, apakah kerajaan akan mansuhkan kedua-dua akta ini kerana akta kedua-dua ini bercanggah dengan Perjanjian MA63 dan juga dengan fasal 1 Perenggan 3 Perlembagaan Persekutuan. Di mana kedua-dua dokumen dicatatkan bahawa Wilayah Sabah dan Sarawak adalah wilayah yang dimiliki sebelum Malaysia ditubuhkan.

Kita dapati bahawa dalam kedua-dua wilayah yang saya sebutkan tadi, di Sabah dan Sarawak diletakkan semua telaga minyak dan gas yang sekarang dikerjakan atau dimiliki oleh PETRONAS. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pertamanya saya bersetuju dengan Yang Berhormat ada dua akta itu iaitu *Petroleum Development Act* (PDA) dan juga Akta Wilayah Laut 2012.

■1130

Jadi soalan Yang Berhormat, adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan kedua-dua akta itu? Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini lah, saya rasa tidak ada apa-apa keputusan daripada pihak kerajaan. Akan tetapi Yang Berhormat, saya ingin tekankan di sini Yang Berhormat, sebenarnya akta ini Yang Berhormat bukan sahaja merangkumi negeri Sabah dan Sarawak sahaja, ia juga merangkumi negeri-negeri yang lain. Jadi, semua negeri menandatangani perjanjian dengan pihak PETRONAS.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa kerajaan khususnya menggubal PDA 1994 itu, pada masa itu Yang Berhormat kita punya hasrat bukan sahaja melibatkan Sabah dan Sarawak tetapi seluruh negara. Hal negara tidak ada minyak pun Yang Berhormat pun akan-kita tidak tahu bahawa masa akan datang kemungkinan- minyak ini Yang Berhormat kita tidak boleh hendak ramalkan bila akan- mungkin pada tahun ini, pada 10 tahun, 20 tahun tidak ada tetapi pada masa akan datang kemungkinan akan ada minyak.

Ini benda-benda yang kita tidak boleh kita hendak buat satu ramalan tetap bahawa ada negeri-negeri yang ada sekarang contohnya Terengganu, Sarawak dan Sabah, Kelantan tetapi di negeri lain mungkin akan datang mungkin juga ada minyak. Kita tidak tahu Yang Berhormat sebab petroleum ini dia boleh dihasilkan bukan sahaja oleh negeri-negeri yang sekarang ini tetapi juga negeri lain.

Sebab itu lah pada masa ini kerajaan merasakan bahawa kedua-dua akta ini perlu ada untuk mengawal supaya PETRONAS pertama diberikan hak untuk mencari gali dan sebagainya. Setakat ini Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tahu bahawa PETRONAS

ini adalah salah satu syarikat yang sebenarnya bagi saya lah, kalau ikut orang yang profesional dan mereka ini memang telah banyak membantu pihak kerajaan dan juga semua negeri-negeri. Sebab itu lah kita merasakan bahawa tidak wajar sebenarnya akta-akta ini untuk dimansuhkan pun.

Akan tetapi bagaimanapun Yang Berhormat, kalau sekiranya Yang Berhormat berpendapat bahawa akta ini bercanggah dengan *Malaysian Agreement*, tidak ada mana-mana pihak yang boleh dihalang daripada untuk mencabar. Ini adalah hak negeri masing-masing. Akan tetapi buat masa ini, kita merasakan bahawa akta ini adalah perlu untuk dikekalkan.

7. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, ke manakah hala tuju kerajaan dalam mengawal penggunaan plastik dalam kehidupan hari ini kerana ia menyebabkan punca pencemaran alam terutama hidupan laut.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan amat memandang serius akan isu pencemaran plastik yang bukan sahaja menjejaskan manusia tetapi juga hidupan laut. Menyedari keperluan untuk menyeragamkan tindakan dan usaha menangani isu pencemaran plastik di peringkat Persekutuan dan juga kerajaan negeri, MESTECC bersama rakan strategik dari kalangan kementerian, agensi, kerajaan negeri, industri dan badan bukan kerajaan telah membangunkan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030.

Pelan ini dilaksanakan dalam tiga fasa di mana antara pelan tindakan yang diperkenalkan adalah amalan tiada beg plastik percuma dan pemberian straw atas permintaan sahaja, serta penyelidikan dan pembangunan produk alternatif kepada plastik yang memerlukan tindakan di peringkat kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan serta industri. Yang Berhormat Senator boleh mendapat maklumat yang lebih lanjut di laman web MESTECC bit.ly/zerosup2030.

Selain itu, kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta agensi kerajaan yang lain akan terus mengadakan, yang kita katakan *communication, education and public awareness* (CEPA) untuk mendidik masyarakat supaya menghindari plastik sekali guna. Pelbagai aktiviti kesedaran mengenai pentingnya menghindari plastik sekali guna kepada pelajar sekolah telah pun dilaksanakan oleh agensi di bawah kementerian ini iaitu Yayasan Hijau. Ianya termasuk *Green Guardian*, Karnival Inovasi Teknologi Hijau, Program *Green Technology Themed*

Science Camps, program pelaksanaan audit hijau di sekolah, Karnival Hijau dan juga program Pembangunan dan Pelaksanaan Modul Teknologi Hijau.

Pada tahun 2019, melalui aktiviti kesedaran oleh agensi YaHijau telah pun melibatkan lebih daripada 25 ribu pelajar melalui program *Green Guardian*, 2,000 pelajar melalui Karnival Inovasi Teknologi Hijau dan lebih daripada 100 ribu melalui program-program sempena Hari Alam Sekitar dan akhirnya lebih daripada 160 ribu melalui program ESTECC *Education in Schools*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, pada 10 September 2019 yang lalu, MESTECC telah bekerjasama dengan *British High Commissioner* dalam menganjurkan tayangan filem episod terakhir dokumentari bertajuk '*Blue Planet II*' yang amat terkenal di dunia mengenai kesan pencemaran terutamanya plastik ke atas alam sekitar. Siri dokumentari ini juga telah pun ditayangkan di RTM untuk tontonan secara percuma oleh rakyat Malaysia pada September dan juga Oktober tahun ini.

Kementerian ini juga dalam rancangan untuk tayangan semula pada awal tahun 2020 supaya rakyat Malaysia boleh tahu bahawa betapa pentingnya kita mengurangkan pencemaran plastik di Malaysia. Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2019, MESTECC juga telah melaksanakan Kempen Hindari Plastik Sekali Guna selama sebulan bermula 16 September hingga 20 Oktober 2019. Seramai 30,000 peserta telah pun menghadiri aktiviti ini pada tahun ini.

Di samping langkah-langkah ini yang bertujuan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, MESTECC juga giat memastikan penyeludupan haram sisa plastik dari luar negara dihentikan dan sisa ini kita hantar balik ke negara-negara asal. Sisa-sisa plastik yang kotor ini menyumbang kepada pencemaran negara sama ada pencemaran udara disebabkan oleh proses pembakaran atau pun pencemaran air apabila sisa-sisa plastik ini tidak diproses dengan baik.

Antara tindakan yang telah pun kita ambil adalah seperti berikut, kita meningkatkan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan ke atas kilang kitar semula plastik yang haram ataupun berlesen tetapi tidak mematuhi undang-undang. Dengan sukacitanya saya hendak maklumkan dengan Dewan yang mulia ini sehingga 30 November 2019, kerajaan telah berjaya untuk mengenakan tindakan tahan operasi kilang kitar semula sebanyak 175 kilang kitar semula plastik yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kedua, kita menjalankan operasi bersepadu di pelabuhan-pelabuhan utama supaya kita menyekat kemasukan sisa-sisa plastik ini yang haram ke Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu *marine litter* bukan sahaja mendapat pandangan serius oleh Kerajaan Malaysia tetapi di peringkat Asian juga. Pada tahun hadapan ya,

MESTECC akan membangunkan polisi *marine litter*, *marine debris* yang memfokuskan kepada pencemaran sisa plastik di lautan marin dan persisiran pantai yang berpunca daripada pengurusan sisa plastik yang tidak berkesan. *Land source* atau pun *sea source*. Polisi ini akan membantu mengawal isu ini dengan lebih menyeluruh di samping tindakan tegas yang sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar.

Langkah ini adalah selaras dengan *Bangkok Declaration on Combating Marine Debris in ASEAN Region* dan *ASEAN Framework of Action on Marine Debris* yang telah pun diumumkan pada 22 Jun 2019 semasa sidang kemuncak ASEAN di Bangkok, Thailand. MESTECC adalah *focal point* untuk *ASEAN Declaration on Combating Marine Debris in ASEAN Region*.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Soalan tambahan saya, sebelum itu saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian yang nampaknya mempunyai pelan jangka panjang yang komprehensif untuk mengatasi masalah ini. Akan tetapi ada beberapa isu yang saya rasa yang agak mendesak pada waktu ini iaitu pencemaran plastik di kebanyakan pantai di Malaysia. Saya rasa amat kritikal buat masa ini. Begitu juga di Cameron Highlands, terutamanya dalam perjalanan dari Simpang Pulai, jalan belakang ya ke Cameron Highlands, saya rasa terlalu kotor dicemari oleh polistirena dan plastik sepanjang jalan.

Jadi saya rasa perlu ada tindakan segera daripada kementerian ataupun pihak-pihak yang berwajib untuk mengatasi masalah ini terutamanya di pantai-pantai dan juga di Cameron Highlands. Ini kerana tempat-tempat sebegini adalah menjadi tempat-tempat tarikan pelancong yang saya rasa amat-amat mencemarkan nama baik negara.

Jadi, saya rasa apakah ada tindakan daripada kementerian segera untuk mengatasi masalah ini kerana saya rasa situasi ini amat kritikal terutamanya di Cameron Highlands di pasar malam, longkang besar itu dipenuhi oleh plastik. Jadi, mohon penjelasan.

■1140

Puan Yeo Bee Yin: Yang Berhormat Senator perlu bezakan antara pencemaran plastik secara keseluruhannya dengan pengurusan sisa pepejal. Ada perkara-perkara di mana apabila kita tengok banyak pembuangan plastik di pasar malam, di longkang dan lain-lain, ia adalah kerana pengurusan sisa pepejal oleh pihak berkuasa tempatan yang tidak sempurna. Itu perlu diatasi oleh pihak berkuasa tempatan di mana kalau Cameron Highlands ada isu ini, di mana saya rasa pihak berkuasa tempatan perlu mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal.

Kalau kita tengok pengurusan sisa-sisa plastik yang datang daripada pantai, ia ada dua punca. Satu adalah kerana *transboundary pollution* di mana sisa-sisa plastik ini

sumbernya bukan daripada negara kita tetapi negara lain kerana sebenarnya kita berkongsi ya lautan-lautan dengan negara-negara jiran kita.

Yang kedua adalah di mana ada banyak *island* ataupun banyak pulau di Malaysia di mana mereka tiada pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh. Untuk yang ini, kita akan bekerjasama dengan KPKT untuk memastikan bahawa di pulau-pulau, masing-masing ada pengurusan sisa pepejal yang *decentralized*.

Ini adalah kita sekarang- untuk tahun depan, saya akan bekerjasama dengan beberapa Yang Berhormat ya supaya kita boleh mencari jalan apakah *decentralized solution* untuk pulau-pulau. Ini kerana kalau kita tiada pengurusan sisa pepejal di pulau-pulau ini, maka mereka akan buang sampah mereka ke dalam lautan dan lepas itu kita akan dapat semua sisa-sisa ini di pinggir pantai.

Saya hendak katakan di sini bahawa MESTECC perlu bekerjasama dengan KPKT kerana banyak di mana pencemaran ini adalah daripada pengurusan sisa pepejal yang tidak menyeluruh. Saya rasa bahawa KPKT amat ada semangat dan mereka sudah ada banyak rancangan untuk mengatasi masalah ini.

Untuk kita, kita lebih kepada sama ada dalam secara menyeluruhnya bagaimana kita boleh mengadakan 3R iaitu *reduce, reuse, recycle* di mana kita hendak mengurangkan penggunaan *single-use plastics* (SUP) atau plastik sekali guna dan bagaimana kita boleh *recycle*. *Recycle* juga kita akan bekerjasama dengan KPKT kerana pengagihan ataupun pengasingan sisa pepejal adalah di bawah KPKT juga. So, kedua-dua kementerian perlu bekerjasama dan kita sedang pun bekerjasama untuk mengatasi masalah ini sama ada dalam jangka masa pendek ataupun panjang.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Demikianlah tadi pertanyaan bagi jawapan lisan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh soalan tambahan? Saya dapati usaha...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf ya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020 Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[9 Disember 2019]**

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Senator Dato' Dr Ananthan a/l Somasundaram. Dipersilakan.

11.33 pg.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam hormat. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 11 Oktober 2019.

Sesungguhnya bajet yang bertemakan, 'Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama' dibentangkan kali kedua oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini akan dapat memenuhi keperluan rakyat dengan mengambil kira kemakmuran yang merangkumi semua segmen masyarakat. Kerajaan juga harus lebih teliti dengan membuat pemantauan terhadap prestasi kewangan dan perbelanjaan yang dibuat oleh semua agensi kerajaan supaya setiap sen wang rakyat yang dibelanjakan nanti akan memberikan faedah secara langsung kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang mencerminkan komitmen terhadap rakyat, pendidikan dan kesihatan merupakan dua aspek yang perlu diberikan keutamaan. Minda yang dinamik dan tubuh badan yang sihat merupakan teras bagi memastikan negara berkembang maju seiring dengan tuntutan dunia sejagat.

Justeru, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah menyediakan jumlah peruntukan yang agak besar untuk kedua-dua sektor dalam Bajet 2020. Peruntukan sebanyak RM64.1 bilion untuk pendidikan dan RM30.6 bilion untuk kesihatan menunjukkan kerajaan amat prihatin terhadap kedua-dua sektor ini. Dalam pada itu, saya ingin menegaskan agar peruntukan yang disalurkan ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin dan benar-benar menyelesaikan masalah rakyat di semua peringkat dan bukannya untuk kumpulan B40 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih mendengar keluhan daripada warga pendidik bahawa beban guru di sekolah masih di tahap yang membimbangkan. Murid di bilik darjah

masih melebihi bilangan yang sepatutnya. Rutin lama dihapuskan tetapi digantikan rutin yang baharu. Apakah ini yang dikatakan Yang Berhormat Menteri bahawa beban guru turun 25 peratus? Saya minta pegawai-pegawai yang terlibat dalam penggubalan dasar pendidikan hadir ke sekolah dan lihat sendiri tanggungjawab yang dilaksanakan oleh seseorang guru.

Pada pendapat saya, penyelesaian isu-isu seperti ini boleh diatasi jika bilangan guru dapat ditambah di semua sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia harus mencari satu formula yang sesuai bagi menambah bilangan guru di sekolah. Saya percaya penggunaan formula baharu untuk menentukan norma perjawatan harus diperkenalkan kerana saya percaya selagi bilangan guru tidak ditambah di sekolah, selagi itulah beban guru akan kekal bersama mereka. Jangan gunakan alasan bahawa bilangan penjawat awam terlalu ramai di negara kita. Gunakan kebijaksanaan anda untuk mencari jalan dalam menyelesaikan isu ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan yang menyediakan peruntukan sebanyak RM30.6 bilion untuk sektor kesihatan bagi memastikan rakyat memperoleh akses penjagaan kesihatan berkualiti untuk semua selaras dengan aspirasi masyarakat yang inklusif. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia perlu menguruskan kewangan dengan lebih cekap dan telus bagi menyelesaikan isu-isu asas seperti menambah bilangan doktor perubatan di hospital dan menyediakan ubat-ubatan yang mencukupi untuk pesakit-pesakit yang ingin mendapatkan rawatan.

Saya amat serius terhadap sebarang langkah penjimatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia nanti dalam usaha untuk menjimatkan kos perubatan seseorang pesakit seperti mengurangkan bilangan rawatan susulan pesakit dan memberikan ubat-ubatan generik kepada pesakit. Saya ingin menyeru kepada Kementerian Kesihatan Malaysia supaya jangan hanya menggunakan peruntukan kewangan untuk menambah prasarana hospital, tetapi bilangan kakitangan, doktor, serta pakar perubatan masih dalam bilangan yang sama.

Kementerian Kesihatan Malaysia harus mengambil langkah proaktif untuk berbincang dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menambah bilangan pegawai perubatan di hospital. Bilangan pegawai perubatan yang tidak mencukupi memberikan kesan terhadap produktiviti mereka dan turut menjejaskan kualiti rawatan.

Saya juga dimaklumkan bahawa seorang pegawai perubatan siswazah, *houseman*, dengan izin, yang menjalani latihan di hospital terpaksa bertugas selama 12 jam.

■1150

Kalau ini benar, saya merasa amat sedih dan prihatin terhadap mereka kerana mereka terpaksa melaksanakan tanggungjawab mereka dalam keadaan tertekan. Saya minta Menteri Kesihatan untuk memberikan jawapan tentang waktu bertugas seseorang pegawai perubatan siswazah di hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak MIC ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan yang telah menyempurnakan usaha pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Taman Keladi, Sungai Petani Kedah. Saya juga ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pembinaan sekolah ini adalah hasil usaha MIC dan Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi ada satu perkara yang saya rasa Kementerian Pendidikan harus mengambil tindakan yang segera.

Pada 6 Mei 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyerahkan surat kelulusan peruntukan Pakej Rangsangan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bernilai RM4 juta untuk projek relokasi SJK(T) Ladang Kuala Muda, Bahagia Home, Sungai Petani Kedah. Dalam pada itu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah Darul Aman telah mengeluarkan satu surat bertarikh 18 September 2018 ini semasa Pakatan Harapan ya, 18 September 2018.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sekejap Yang Berhormat ya. Maaf ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pada itu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah Darul Aman telah mengeluarkan satu surat bertarikh 18 September 2018 di mana jabatan tidak menyokong untuk permohonan pecahan sempadan bagi tujuan relokasi SJK(T) Ladang Kuala Muda ini. Sebenarnya apa yang telah berlaku, semasa Barisan Nasional dan juga MIC telah pun mendapat tiga ekar tanah daripada kerajaan, sokongan daripada kerajaan dan OSK *development* Bandar Puteri Jaya, dengan perbincangan.

Jadi, selepas itu kita berbincang dengan pihak Kementerian Pendidikan dan juga pihak SEDIC masa itu dengan MIC, jadi kita dapat RM4 *million* untuk peruntukan dan telah pun diberikan semasa itu.

Jadi, kelmarin saya dapati bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengatakan bahawa duit itu adalah satu peruntukan yang tidak dapat di apa...

Tuan Yang di-Pertua: Semalam.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: ...Saya tidak tahulah apa jawapan sebenar.

Tuan Yang di-Pertua: Semalam, semalam Yang Berhormat. Semalam.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Semalam. Wang peruntukan tersebut tidak disalurkan dan mungkin disalurkan daripada LPS. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah perkara-perkara ini telah pun dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan dan apakah tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyelesaikan masalah dan ke manakah perginya peruntukan RM4 juta ini? Ini harus dijawab oleh Kementerian Pendidikan supaya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ini- adalah relokasi. Ini projek relokasi telah pun diselesaikan pada masa Barisan Nasional dan MIC di 2018 sebelum PRU-14.

Jadi sekali lagi saya minta perkara serius ini harus dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kita sedia maklum bahawa klasifikasi pendapatan di Malaysia dibahagikan kepada tiga golongan iaitu T20, M40 dan B40, T20, M40 *and* B40. Kerajaan menyediakan pelbagai insentif menangani kos sara hidup untuk kumpulan B40 sahaja tanpa mengambil kira keperluan kumpulan M40. Saya percaya keluarga yang tergolong dalam kumpulan M40 juga perlu diberikan perhatian yang khusus kerana kumpulan ini sering kali diabaikan apabila kerajaan mengumumkan sebarang insentif untuk rakyat.

Di sini saya ingin mencadangkan agar klasifikasi M40 dikaji semula berdasarkan kriteria-kriteria seperti kawasan yang mereka mendiami kerana ia memberikan kesan kepada mereka dalam menangani kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan dalam Bajet 2020 juga telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM100 juta kepada Unit Transformasi India Malaysia (MITRA) bagi menambah baik sosioekonomi, kesihatan, pendidikan dan pemerksaan wanita serta pembangunan kemahiran masyarakat India. Akan tetapi dalam pada itu saya dapati bahawa hanya MITRA ini menumpukan kepada kemahiran masyarakat India sahaja. Tidak ada program yang saya dapat lihatlah dari- pendapat saya, tidak ada program kesihatan ataupun pemerksaan wanita dalam program mereka.

Saya juga menyambut baik langkah kerajaan yang mendapatkan respons daripada Menteri bertanggungjawab iaitu adakah pihak kerajaan khususnya MITRA di bawah Jabatan Perdana Menteri boleh menyediakan sebilangan daripada peruntukan ini untuk disediakan sebagai pinjaman ataupun biasiswa pendidikan kepada pelajar-pelajar India yang mengikuti pengajian di universiti-universiti tempatan.

Ini adalah kerana agensi-agensi yang menyediakan bantuan kewangan untuk pelajar India amatlah terhad. Ini kita sedia maklum bahawa tidak ada memberikan biasiswa ataupun bantuan kepada masyarakat India di negara ini yang ada hanya adalah

seperti MIED. MIED memberikan pinjaman dan juga biasiswa dan sebagainya. Jadi saya minta- dan juga saya amat berterima kasih kepada MITRA jika sekiranya dapat memenuhi permintaan ini setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Taman Songket merupakan salah sebuah kawasan perumahan di bandar Sungai Petani, Kedah. Baru-baru ini berlaku banjir. Pembangunan pesat di kawasan sekelilingnya telah memberikan kesan di mana kawasan ini sering kali banjir kilat. Sistem perparitan yang lemah dan pembinaan tembok yang kurang mantap adalah punca kepada berlakunya banjir kilat sejak 10 tahun yang lampau dan sering kali mengancam keselamatan penduduk di sini.

Walaupun laporan dibuat kepada pihak yang bertanggungjawab, akan tetapi tidak ada sebarang tindakan untuk menangani isu tersebut. Oleh yang demikian, saya mohon Menteri yang bertanggungjawab terhadap agensi-agensi seperti Institut Tadbiran Awam Negara Kampus Wilayah Utara (INTAN) dan Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Kuala Muda dengan segera membuat satu kajian bagi menyelesaikan isu ini kerana sistem perparitan yang dibina di kawasan inilah yang mengakibatkan berlakunya banjir kilat di kawasan perumahan Taman Songket, Sungai Petani, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbahasan ini dengan satu peringatan kepada semua agensi kerajaan supaya dapat menggunakan peruntukan yang disalurkan dengan lebih beramanah dan berintegriti dan jangan sekali-sekali menyalahgunakan wang rakyat yang disalurkan bagi tujuan untuk menyejahterakan negara dan rakyat. Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

11.59 pg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]*

■1200

Pertama, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Sebelum saya meneruskan, terlebih dahulu saya mengalu-alukan kedatangan delegasi Pertubuhan Kebajikan Kaum Hindu Daerah Tampin, Negeri Sembilan ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan perbahasan pada hari ini dengan sepotong ayat firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] Maksudnya, "Kemudian kami jadikan kamu wahai umat Muhammad SAW, khalifah-khalifah di muka bumi bagi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu supaya kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan".*

Hari ini setelah rakyat menolak kerajaan terdahulu dan memberi mandat yang besar kepada kerajaan baharu dengan berlakunya peralihan kuasa yang besar, kita melihat kerajaan yang ada pada hari ini yang telah berkuasa setahun tujuh bulan lebih kurang, masih lagi tidak banyak melakukan perubahan-perubahan besar yang dapat meringankan beban hidup rakyat berikutan dengan kos sara hidup yang kian mencabar. Lebih malang lagi, apabila dilihat tidak mampu untuk menangani pelbagai isu kontroversi yang berlaku dalam negara kita yang mampu mencetuskan ketidakharmonian dan tidak kepuasan hati kaum khususnya di kalangan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira tema Belanjawan 2020 iaitu, 'Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke arah Kemakmuran Bersama' adalah bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang seimbang. Namun begitu, sejauh manakah pembentangan belanjawan kali ini benar-benar seimbang, adil dan holistik sama ada dari segi kebajikan, pembangunan dan sosioekonomi rakyat lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman dan luar bandar terutamanya di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak agar tidak sama sekali dipinggirkan dan dianaktirikan.

Dalam kesempatan masa yang diperuntukkan ini, pertama saya tumpukan perhatian dan perbahasan di negeri Pantai Timur, Semenanjung khususnya di Terengganu dan Kelantan. Oleh sebab rakyat Terengganu dan Kelantan ramai yang bergantung hidup kepada sektor nelayan dan pertanian. Maka, saya menyokong cadangan supaya elaun sara hidup nelayan dan petani tersebut diteruskan. Bahkan, sepatutnya dinaikkan dan bukannya dikurangkan.

Dalam pembentangan bajet pada 11 September di Dewan Rakyat dan juga kelmarin di Dewan Negara ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan bantuan sara hidup kepada nelayan sebanyak RM250 iaitu kurang RM50 daripada yang pernah diberikan oleh kerajaan terdahulu iaitu sebanyak RM300. Kerajaan Pakatan Harapan yang diuar-uarkan sebagai kerajaan yang prihatin terhadap nasib rakyat bawahan, sepatutnya menaikkan kadar elaun ini kepada lebih tinggi daripada yang sedia yang pernah diberikan oleh kerajaan terdahulu.

Akan tetapi, malangnya apa yang berlaku golongan kaya dan warga asing pula nampaknya yang mendapat lebih banyak manfaat daripada Bajet 2020 yang dibentangkan. Contohnya, mengumumkan harga rumah yang boleh dibeli oleh warga

asing diturunkan daripada RM1 juta kepada RM600 ribu. Dasar ini hanya bertujuan membantu para pemaju menjual rumah-rumah mereka yang tidak terjual selama ini,

Saya berharap kerajaan menarik-balik keputusan cadangan ini dan kerajaan hendaklah mendengar pandangan daripada berbagai pihak yang melihat kesan negatif kepada rakyat dan negara. Dasar yang diambil ini menjurus ke arah membela golongan korporat dan golongan kaya. Siapakah mereka? Sama ada penjual, golongan korporat dan pembelinya adalah golongan asing. Mereka ini adalah warga asing dan mereka ini tidak wajar sepatutnya diberikan kemudahan yang sebegini.

Saya faham apa yang diputuskan ini tidak melibatkan wang kerajaan tetapi ia membuka ruang kepada warga asing memiliki aset negara dengan cara yang mudah dan lebih terbuka. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh strategi pembangunan inklusif yang diperuntukkan sejumlah RM10.9 bilion dalam pembangunan luar bandar. Sewajarnya, pembangunan luar bandar perlu seimbang selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar walaupun peruntukan dalam belanjawan ditingkatkan sebanyak RM1.2 bilion.

Kita melihat sendiri, negeri-negeri Pantai Timur masih dianggap mundur tetapi masih juga tidak diberikan peruntukan yang besar dalam belanjawan kali ini melainkan Sabah dan Sarawak. Malahan, belanjawan kalai ini juga masih menumpukan pembangunan di Pantai Barat yang sudah pun maju tanpa diberikan perhatian yang serupa kepada negeri-negeri di Pantai Timur.

Oleh itu, saya harap, kerajaan tidak sekali-kali meminggirkan pembangunan kawasan luar bandar khususnya negeri-negeri Pantai Timur. Kerajaan hendaklah merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi yang berlaku antara bandar dan luar bandar dengan lebih efektif, menyeluruh dan seimbang. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah dasar dan konsep, 'Wawasan Kemakmuran Bersama' berperanan dalam mengurangkan dan merapatkan jarak antara yang miskin dengan yang kaya, antara bandar dan luar bandar dan antara kaum dengan kaum lain benar-benar direalisasikan.

Ini dapat dilihat dalam peruntukan Bajet 2020 di mana Terengganu yang dikategorikan sebagai sebuah negeri yang kurang maju dan ketinggalan dari sudut pembangunan dan kemajuan tetapi masih dipinggirkan daripada nikmat pembangunan yang sewajarnya. Tiada satu pun projek yang berimpak tinggi diumumkan dalam bajet kali ini. Hanya dapat sebuah klinik dan sebuah sekolah. Jirannya di Kelantan juga mengalami nasib yang hampir sama.

Oleh itu diharapkan, kita rakyat dan negara yang merdeka lebih daripada 60 tahun, supaya bersikap matang, adil dan berpegang dengan semangat federalisme tanpa

membeza-bezakan di antara negeri-negeri di atas sebab perbezaan kecenderungan dan juga sikap politik. Perbezaan sikap ini, adalah ruang yang diambil dan dimanfaatkan rakyat menerusi amalan demokrasi yang dihalalkan oleh perlembagaan negara. Maka, konsep demokrasi dan federalisme ini hendaklah dihayati dan dihormati. Ini termasuk dalam soal agihan kemajuan dan pembangunan adalah diharapkan kesilapan pentadbiran lalu tidak ditiru dan diulangi.

•1210

Sebagai contoh setelah 60 tahun lebih merdeka, Jalan Raya Persekutuan yang menghubungkan dua buah negeri Kelantan dan Terengganu bermula daripada Bulatan Batu 6 Kuala Nerus sehinggalah ke Kota Bharu masih lagi sekelas dan setaraf dengan zaman awal kemerdekaan. Padahal jalan tersebut adalah perhubungan antarabangsa Thailand dari utara dan Singapura dari selatan. Tahun 2020 adalah tahun Kempen Melawat Malaysia, ini kah wajah kemajuan, pembangunan dan keadilan yang hendak ditunjukkan dan dipertontonkan kepada masyarakat antarabangsa.

Selain itu, diharap juga kerajaan dapat mengadakan satu peruntukan yang lebih munasabah dan praktikal untuk mengatasi masalah hakisan pantai yang berlaku di sepanjang pantai negeri Terengganu khususnya di daerah Kuala Nerus, Dungun dan Kemaman. Antara kawasan yang paling kritikal sehingga ke tahap mengancam keselamatan penduduk yang tinggal berhampiran pantai. Demi kepentingan rakyat, diharapkan Kerajaan Persekutuan dan negeri dapat terus eratkan kerjasama ke arah mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah tersebut.

Maka dengan dasar dan konsep Wawasan Kemakmuran Bersama yang dilancarkan baru-baru ini, adalah diharapkan ianya benar-benar berperanan mengurangkan bahkan merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi antara bandar dan luar bandar, antara kaum dengan kaum lain dan antara negeri dengan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyentuh mengenai isu royalti petroleum yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Kita sedia maklum tentang komitmen Kerajaan Pusat untuk membayar apa yang dinamakan wang royalti kepada Terengganu. Terima kasih di atas janji dan komitmen tersebut.

Kita juga sedia maklum bahawa bayaran sepanjang tahun 2018 sejumlah RM1.05 bilion iaitu RM603 juta dibayar sebelum Pilihanraya Umum Keempat Belas oleh pentadbiran lama. Manakala di bawah Kerajaan Pakatan Harapan pembayaran juga telah dilaksanakan RM100 juta pada 21 Ogos 2018, RM200 juta pada 8 Oktober 2018 dan RM150 juta pada 12 Disember 2018 dan Kerajaan Terengganu juga telah menerima RM193.18 juta pada Januari tahun ini, 2019.

Apa yang mahu saya bangkitkan ialah mengenai beberapa perkara yang bersifat teknikal, mengenai proses pembayaran tersebut. Pertama, mengenai pemotongan sebanyak 25 peratus daripada jumlah royalti tersebut sebagai bayaran hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Kita tidak nafi bahawa hutang wajib dibayar walaupun kita yakin bahawa cara tersebut akan menjadikan Terengganu bakal menjadi negeri bebas hutang dalam masa yang singkat memandangkan hutang Terengganu kepada Kerajaan Pusat berbaki sejumlah RM425 juta sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Menteri Besar Terengganu ketika membentangkan Bajet 2020 di Dewan Negeri pada 24 November yang lalu.

Akan tetapi dari sudut lain, ianya memberi kesan kepada perancangan kewangan dan pembangunan kerajaan negeri. Justeru diharapkan semoga kerajaan dapat mempertimbangkan semula jumlah pemotongan itu pada kadar yang lebih rendah dan munasabah apatah lagi Kerajaan Persekutuan juga turut mempunyai hutang kepada kerajaan negeri sebanyak RM1.43 bilion yang sepatutnya diambil kira dalam menetapkan kadar pemotongan tersebut.

Seterusnya saya menyambut baik dan berterima kasih mengenai dengan keputusan baru kerajaan seperti mana yang diumumkan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi di Parlimen bahawa pembayaran royalti akan dibayar terus oleh PETRONAS kepada kerajaan negeri sebagaimana termaktub dalam Perjanjian Petroleum 1975 adalah diharapkan akan terlaksana tanpa apa-apa kerenah birokrasi, *politicking* atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini berbagai isu kontroversi telah berlaku dalam negara sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan yang mencetuskan ketegangan ataupun yang mampu mencetuskan ketegangan antara kaum dan menimbulkan perpecahan serta keadaan yang tidak harmoni dalam negara. Saya yakin semua pihak menyambut baik usaha kerajaan dalam membina semula Malaysia agar menjadi suatu negara yang lebih maju, bebas rasuah dan hidup aman-damai.

Namun begitu, sebagai rakyat merdeka dan berpegang kepada prinsip perlembagaan dan Rukun Negara, kita menentang sekeras-kerasnya sebarang ancaman komunisme, liberalisme dan mana-mana pihak yang cuba menodai Perlembagaan, menodai Rukun Negara serta budaya dan resam negara Malaysia khususnya kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, LTTE iaitu kumpulan barisan Harimau Pembebasan Tamil Eelam, baru-baru ini negara kita dihebohkan dengan penangkapan ahli politik yang didakwa terlibat dengan gerakan LTTE. Saya kira perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius agar Gerakan LTTE ini bukan wadah ke arah kehancuran kedamaian yang negara kita telah kecapai sejak sekian lama.

Seperti sedia maklum, LTTE ini disenaraikan sebagai kumpulan pemisah dan pengganas oleh banyak negara dunia dan tujuan gerakan ini ditubuhkan untuk membina sokongan bagi mewujudkan wilayah bebas daripada Sri Lanka. Kumpulan yang didapati terlibat menyokong Gerakan LTTE tidak harus dibiarkan hidup kembali dengan menjadikan Malaysia sebagai tapak dan pangkalan atau cawangan operasi. Ia tidak boleh dibiarkan bersarang atau berada di negara yang merdeka dan tercinta ini.

Kita hendaklah mempersoalkan dan bertindak terhadap beberapa Wakil Rakyat yang dilihat mencabar tugas PDRM ketika pihak berkuasa itu menjalankan siasatan. Selain itu saya melihat penglibatan beberapa pemimpin parti politik di Malaysia dalam LTTE seharusnya disiasat, sejauh mana mereka menyokong gerakan bersenjata itu di Malaysia.

Kalau dahulu, Kumpulan Al-Ma'unah di Sauk, Perak, ia hanya kumpulan oleh beberapa kerat rakyat yang dikatakan sebagai ajaran sesat dan menyeleweng, bukan pertubuhan yang menjadi cawangan atau tali barut kepada gerakan daripada luar negara. Itu pun Kementerian Dalam Negeri telah bertindak dengan begitu pantas dan tegas.

■1220

Mereka telah ditangkap dan mereka telah diperangi oleh pasukan keselamatan negara. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan berkenaan isu abu mayat Chin Peng yang di seludup masuk ke tanah air kita. Tindakan membawa masuk abu mayat bekas pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM) juga merupakan satu pencabulan dan pengkhianatan yang besar kepada negara kerana ia disifatkan seolah-olah tidak menghargai perjuangan pahlawan yang bermati-matian menentang komunis. Seperti sedia maklum, gerakan PKM adalah satu gerakan yang mengembangkan fahaman komunisme satu ketika dahulu dan ia adalah satu penderhakaan kepada negara. Fahaman yang diasaskan, dipelopori oleh *Karl Marx*, fahaman yang menolak Tuhan dan agama. Fahaman yang bercanggah sama sekali dengan semangat Perlembagaan dan Rukun Negara.

Selain itu, pertemuan membabitkan bekas ahli-ahli Parti Komunis Malaya di Kajang juga perlu diambil tindakan yang tegas dan sewajarnya. Perkara yang dikhuatiri mengancam keamanan itu tidak boleh dibiarkan berlaku, apatah lagi jika pertemuan itu cenderung untuk menghidupkan kembali semangat dan fahaman komunisme di negara ini.

Sejauh mana usaha atau langkah-langkah kerajaan dalam menepis sebarang gerakan komunis mahupun fahaman komunisme ini daripada terus menular di negara ini. Kita juga jangan lupa bahawa isu seperti penerbitan buku komik yang mengandungi fahaman komunisme yang cuba disebar di sekolah-sekolah beberapa bulan lalu dan

isu simbol bintang berbucu lima pada bendera kebangsaan kita juga adalah bukti wujudnya golongan tertentu di negara ini yang cuba untuk menghidupkan kembali fahaman komunisme.

Ia perlu dicegah segera sebelum menjadi semakin parah. Dulu pejuang kemerdekaan negara, ahli politik, pegawai kerajaan, tentera, polis, bahkan rakyat biasa, sebut sahaja komunis, semuanya rasa jijik, semuanya menganggap musuh agama, musuh kemanusiaan, musuh keamanan. Sehingga bencikan PAS pun di luah dan dikaitkan dengan komunis.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya ingin menarik perhatian semua pihak dan Dewan yang mulia ini. Apakah pemimpin kita yang terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Tun Sambathan, Tun Tan Siew Sin, pemimpin-pemimpin lama, orang tua macam saya ini ingatlah. Mereka ini memimpin negara. Mereka memerintah, mengendalikan dan mengarahkan pasukan keselamatan, memerintahkan pasukan tentera dan polis serta membuat kerahan rakyat supaya rakyat bangkit menyertai pasukan pengawal kampung, *home guard*.

Apa yang dilakukan itu satu tindakan salah. Apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang saya sebutkan tadi sebagai satu tindakan yang salah, tindakan yang zalim, tindakan yang sia-sia, bodoh. Sehingga sekarang, mereka yang dahulunya diburu dan yang membunuh pasukan keselamatan, membunuh rakyat dan sebagainya ini hendak diberi sambutan dan hendak diberi sanjungan serta diraikan.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat? Yang Berhormat. Datuk Razali hendak...

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan nama-nama yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Pada ketika saya memang belum ada, belum lahir. Kita baru lagi. Cuma saya hendak tanya di sini, apakah pada ketika itu PAS bersama-sama dengan nama-nama yang disebutkan tadi, pada masa itu? PAS menyokong ataupun PAS di luar? PAS sudah menjadi pembangkang kah ataupun PAS bersama? Itu yang saya hendak pastikan.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam berita kan?

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih. PAS tidak bersama dengan parti UMNO tetapi PAS bersama dengan kerajaan untuk membina sebuah negara yang aman makmur dan menolak fahaman komunisme. Itu jelas berlaku. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Razali bin Idris: Maksud saya tadi Yang Berhormat Dato', maksud saya tadi, dalam kumpulan Perikatan pada masa itu, PAS berada bersama-sama dengan

kerajaan menentang komunis ataupun PAS sudah di luar sebagai pembangkang? Itu soalan saya.

Dato' Haji Husain bin Awang: PAS sebagai rakyat bersama-sama dengan kerajaan untuk menghapuskan, menentang komunis.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat Datuk Razali, duduk.

Dato' Haji Husain bin Awang: Okey Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit mengenai dengan isu- sebenarnya perkara ini isu lama. Iaitu isu penutupan institusi ataupun Institut Pendidikan Guru (IPG), di mana isu ini telah penutupan ini adalah suatu yang diura-urakan sebelum daripada ini tetapi akhirnya ditarik balik.

Akan tetapi kesan daripada ura-ura itu masih lagi tidak berakhir, masih lagi dirasai. Pihak yang terkesan ialah kalangan pelajar, kalangan ibu bapa dan juga tenaga akademik sendiri. Mereka terkesan oleh masalah kewangan, kebajikan dan keselesaan. Pelajar diminta tinggal di luar asrama, situasi ini berlaku apabila 10 kampus IPG yang di cadang ditutup telah tidak ditempatkan pelajar sejak tahun 2016. Pelajar ambilan baru IPG dihantar hanya ke 17 IPG kampus sahaja. Ini menjadikan 17 IPG tersebut dilimpahi dengan pelajar yang ramai sehingga melebihi daripada kemampuan tempat tinggal di asrama. Lalu pelajar yang lebih, terpaksa tinggal menyewa di luar asrama ataupun di luar kampus.

17 IPG kampus ini kebanyakannya terletak di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru, Pulau Pinang dan seumpamanya.

Oleh kerana itu, timbul berbagai masalah yang terpaksa ditanggung dan dihadapi mereka. Antaranya masalah perbelanjaan, masalah kebajikan, sakit, pengangkutan dan kemudahan pembelajaran yang tidak mendapat perhatian dan kemudahan IPG.

Sedangkan pada masa yang sama, terdapat 10 IPG yang masih kekurangan pelajar yang juga memiliki pensyarah dan kelayakan MQA dalam bidang-bidang yang sama sebagaimana 17 IPG tersebut. Dengan memindahkan pelajar daripada 17 IPG ke 10 IPG kampus juga- ataupun dengan cadangan memindahkan pelajar dari 17 IPG ke 10 IPG kampus juga dapat menyelesaikan masalah perpindahan pensyarah yang dilakukan bagi memenuhi keperluan di 17 IPG sebagaimana yang sebutkan tadi.

Perpindahan pensyarah ini menimbulkan pensyarah duka lara dan ia menjadi masalah besar kepada kementerian. Apa yang berlaku sekarang, ramai pensyarah daripada 10 IPG yang kurang pelajar ini dipindahkan ke 17 IPG secara arahan, bukan secara pilihan atau sukarela.

■1230

Maka saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah hasrat dan cadangan penutupan sebahagian daripada IPG itu masih lagi berkuat kuasa? Kalau tidak, apakah halangan yang menyebabkan 10 IPG itu tidak boleh ditempatkan pelajar-pelajar baharu atau diselaraskan penempatan mereka?

Dengan isu yang saya sebutkan tadi, maka itulah sebahagian daripada ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas memberi peluang kepada saya. Akhirnya, saya sudahi dengan *wabillahi taufiq, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Sepatutnya Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, tetapi beliau telah- dia tidak ada dalam Dewan?

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tengok, dia minta awal tetapi tidak ada. Silakan Yang Berhormat.

12.31 tgh.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Saya teruskan [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk terus berbahas atas Rang Undang-undang Perbekalan 2020 yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sebelum ini dan kali ini dibentangkan di Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Bajet 2020 iaitu Rang Undang-undang Perbekalan 2020 khasnya saya hendak sentuh isu pertama yang saya lihat dari segi Bajet 2020 adalah bajet ini boleh digelar sebagai bajet berdigital. Ini di mana kerajaan berhasrat untuk mewujudkan masyarakat digital.

Di samping masyarakat digital, tetapi juga kepada sektor perniagaan supaya kita dapat menghadapi cabaran-cabaran dari segi Revolusi Industri Keempat. Di sini saya hendak sentuh adalah satu konsep yang terbaharu yang diperkenalkan dalam bajet ini adalah DSR (Tanggungjawab Sosial Digital).

Dahulu kita selalu dengar CSR- *Corporate Social Responsibility*, tetapi *this is something new*, dengan izin, *Digital Social Responsibility* di mana syarikat-syarikat yang melabur wang untuk *to prepared* pekerja-pekerja mereka ataupun menyokong usaha-usaha digital, maka akan diberi potongan cukai dari segi itu. Oleh itu, saya harap pihak-pihak syarikat ataupun pihak-pihak syarikat yang dapat menikmati DSR ini untuk menikmati potongan cukai yang ditawarkan oleh kerajaan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya lihat ada juga satu inisiatif iaitu penggunaan eDompnet ataupun eWallet *in English*, dengan izin, di mana mulai tahun hadapan iaitu 1 Januari 2020 sehingga 29 Februari 2020, sejumlah RM30 akan dimasukkan kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai pendapatan kurang daripada RM100 ribu setahun. *This money will go into the eWallet of that individual* untuk mereka membeli-belah secara *online*.

Saya harap rakyat kita menikmati apa yang dibekalkan dan wang ini akan disalurkan oleh Khazanah dan jumlahnya adalah sebanyak RM450 juta untuk memanfaatkan lebih kurang 15 juta rakyat Malaysia. *Those who are under RM100 thousand per year* dan umur 18 tahun ke atas. Inilah satu inisiatif yang baharu yang dapat memperkukuhkan ataupun menyediakan Malaysia ke satu tahap digital, cabaran yang baharu, di mana tahun hadapan saya sedia maklum Malaysia adalah tuan rumah kepada APEC. Saya harap kita semua bersiap sedia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pemerhatian yang saya ingin berkongsi adalah mengenai isu '*deep state*' di kalangan penjawat awam ini yang baru-baru- saya ingat semalam baru sahaja dibangkitkan oleh Perdana Menteri yang dihormati, di mana beliau berkata beliau akan- *he will study*, beliau akan *study* dan mencari penyelesaian. Saya rasa saya hendak menyerulah kepada semua penjawat awam, memang kerajaan semasa sekarang ini menghormati dan memberi sokongan padu kepada semua penjawat awam dan kita memerlukan semua kerjasama daripada penjawat awam untuk melaksanakan dasar-dasar baik kerajaan semasa, Kerajaan Pakatan Harapan. Merekalah tulang belakang kepada kerajaan semasa. Saya menyeru supaya kerjasama yang padu diberikan kepada pentadbiran sekarang.

Juga, saya ingin memberi sedikit cadangan supaya mungkin secara dalaman daripada kementerian-kementerian, kita boleh mengadakan dialog dalaman untuk kita memahami, mengetahui apa kekeluhan ataupun pandangan, ketidakpuasan hati di kalangan penjawat awam terhadap pentadbiran kita. Ini kerana sekiranya tidak ada kerjasama yang baik di antara Menteri atau Timbalan Menteri dengan penjawat awam, maka dasar-dasar baik yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan sampai atau memanfaatkan masyarakat secara berkesan.

Saya harap isu ini harus cepat ditangani supaya masyarakat kita merasai semua dasar secara berkesan dapat disampaikan kepada akar umbi kita. Itu Tuan Yang di-Pertua, isu ini agak serius dan saya harap boleh ditangani dengan secepat mungkin supaya ia tidak menjejaskan prestasi kerajaan semasa.

Satu lagi prinsip yang penting Tuan Yang di-Pertua, adalah saya berharap penjawat-penjawat awam tunjukkan taat setia kepada kerajaan semasa. Itu adalah satu-

that is the rule. Sebagai sebuah syarikat pun kita kena ada pekerja kita yang taat setia kepada hala tuju sesebuah syarikat itu. So dalam sistem penjawat awam, kita harus menunjukkan taat setia kepada kerajaan semasa. *I think that is the rule.* Kalau tidak, maka keadaan itu tidak mesra dan akan mengakibatkan menjejaskan prestasi semasa.

Satu lagi yang saya lihat adalah rang undang-undang IPCMC Tuan Yang di-Pertua, yang telah lama dibahaskan, dibuat dialog, dibuat sesi libat urus. Saya sendiri pun pernah menghadiri sesi libat urus yang dikendalikan oleh Menteri, Datuk Liew Vui Keong sebelum ini. Saya pun rasa amat terkejut semasa rang undang-undang ini diumumkan oleh Menteri untuk ditangguhkan ke tahun hadapan. Saya difahamkan ada beberapa aspek yang perlu dihalusi ataupun ditambah baik.

Akan tetapi pokoknya untuk saya, bil ini, rang undang-undang ini adalah baik untuk semua. Walaupun saya mengakui ada kerisauan, kebimbangan daripada anggota-anggota polis kita, mereka ada kerisauan kerana bil ini dianggap sebagai satu undang-undang yang mencari salah kuasa mereka. Akan tetapi bagi saya, bil IPCMC ini juga baik untuk kita melindungi hak mereka.

Di samping IPCMC, saya juga harap Kementerian Dalam Negeri mengambil berat terhadap kebajikan mereka dari segi yang pertama adalah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, kuarters-kuarters penjawat awam khususnya polis yang begitu teruk. Di Sarawak juga, ada juga di Miri, saya sudah bangkitkan isu Balai Polis Pusat Miri, Balai Polis Lutong, Balai Polis Tanjung Lobang.

■1240

Balai Polis Lutong dengan Balai Polis Tanjung Lobang itu masih bertingkat tinggi, bangunan berkayu. Ini sudah Wawasan 2020, *but our building in the police station is still wooden building* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Ini sangat memalukan. Ini dibina waktu zaman British dan kita masih pakai. Saya pergi, saya naik tangga pun saya risau akan jatuh. So, *I think* kita mesti mahu mengambil berat terhadap balai polis kita.

Baru-baru ini, semalam saya terima maklumat daripada *Facebook* IPD Miri ada wang sejumlah RM270 ribu sahaja diguna pakai untuk membaik pulih balai polis pusat Miri. *That is for* dinding, cat yang rosak, yang kita tukar bumbung dan sebagainya untuk memperbaiki tandas-tandas di Balai Polis Pusat Miri. Itu tidak cukup Tuan Yang di-Pertua. Saya harap saya jemputlah Menteri Dalam Negeri yang semakin sihat sekarang dan Timbalan Menteri Dalam Negeri yang sudah sembuh daripada kecederaan kaki, datang ke Miri. Saya akan bawa Menteri Dalam Negeri untuk membuat lawatan kerja ke Balai Polis Pusat Miri. *That is 60 years building.* Saya rasa Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing dia tahu keadaan balai Polis Miri begitu teruk.

Dahulu, semasa saya menjadi ADUN di Sarawak saya selalu membangkitkan isu itu. Sekarang ini kami di pihak kerajaan, saya inginkan bahawa projek pembinaan Balai Polis Pusat Miri dan Balai Polis Tanjung Lobang dan Balai Polis Lutong diprioritizkan, diutamakan. Kita Miri ini bandar raya kedua terbesar di Sarawak tetapi balai polis kita satu tingkat masuk air dan sudah banyak rosak. Saya rasa saya minta satu perhatian dan saya telah menerima jawapan rasmi, *I think to me that is the standard reply from the officer with due respect. We will look into this. This will put under RMK but I don't want to listen to all that. I think you have to give priority this can be classified as a high impact project*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi yang saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua adalah di Dewan Rakyat, kehadiran para Ahli Parlimen yang mungkin kurang memuaskan. Saya hendak ingin tahu daripada kerajaan, sama ada kita ada hasrat untuk mewujudkan jawatan Setiausaha Parlimen seperti dahulu supaya kehadiran itu dapat dipertingkatkan. Dengan adanya jawatan Setiausaha Parlimen, maka kita dapat sekali lagi menunjukkan kita memartabatkan dan meningkatkan institusi Parlimen kita.

Saya lihat di Dewan Negara ini saya sudah di sini setahun lebih, kebanyakan kali Yang Berhormat Menteri penuh tidak hadir. Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja yang selalu ke Dewan negara. Sepatutnya terbalik. Dewan Negara lebih tinggi, Menteri penuh kena hadir ke Dewan Negara, betul? Timbalan Menteri pergi ke Dewan Rakyat... [Tepuk] Lebih ramai yang hadir. Itulah sebab rakyat jelata tengok Dewan Negara ini *not relevant*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Setiausaha Parlimen ada, lagi pula dia tidak datang.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tidak apa. untuk memperkasakan lagi dan membantu supaya memastikan kehadiran dan sebagainya. Kalau dia hadir, itu sebab dia tidak hadir. Saya cadangkan untuk Setiausaha Parlimen. Kalau dia hadir, itulah dia tidak hadir. Saya cadangkan untuk Setiausaha Parlimen. Kalau dia hadir saya tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Parlimen hadir, yang lain tidak hadir [Ketawa] Silakan Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dulu pernah menjadi Setiausaha Parlimen bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Itulah saya buat cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak pernah keluar Parlimen [Ketawa] Okey.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: So, saya cuma hendak tahu. Begitu juga ada rombakan Kabinet dan sebagainya. *That is what we call in English we will reshuffle*. Ada

atau tidak saya tidak tahu. Akan tetapi saya haraplah prestasi Ahli-ahli Jemaah Kabinet kita dapat meningkatkan supaya kita dapat sama-sama membantu rakyat dalam ekonomi yang susah ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah saya hendak sentuh sedikit mengenai Kementerian Pengangkutan- *Ministry of Transport*. Saya dari Miri, saya dari Sarawak, ada kadangkala tambang penerbangan murah, betul. Ya, *it's very cheap but* ada kadang-kala pun terkejut, sakit jantung. Tambangnya *economy class* dari Miri ke Kuala Lumpur *two hours flight*, dua jam sahaja. *Economy class* mendadak sampai RM1,300 Tuan Yang di-Pertua. Others Yang Berhormat Senator dari Sabah dia tahu, *they knock their head*, RM1,300.

Kadang-kadang-kadang-kadang mesyuarat kita *last minute* bukan. *We have to buy the ticket*. Saya pun rasa sakit hati hendak *claim* dengan Parlimen tahu. Kalau saya *claim* dengan Parlimen pun tinggal bulan empat kadang-kadang hujung tahun lagi teruk, *no budget*. Kena *wait for three months to four months*. So, *one way*.

Lepas itu, itu contoh yang betul. *Business class* RM1,500. *Economy class* RM1,300 daripada *Malaysia Airlines*. *AirAsia* RM800 *one way, two hours*. Saya rasa mungkinlah kerajaan meneliti isu ini supaya kita menetapkan kenapa *economy class* dua jam boleh sampai RM1,300? Tuan Yang di-Pertua, ini tidak masuk akal dan ini tidak munasabah untuk saya. Kita kena tetapkan walaupun saya tahu ada rasionalnya tidak meletakkan syiling *price* kerana ini satu pasaran terbuka. Akan tetapi saya rasa dalam keadaan sebegitu, campur tangan ataupun satu usaha perlu diadakan daripada pihak MAVCOM ataupun kementerian.

Begitu juga saya ingin bangkitkan ke Dewan yang mulia ini supaya kita menaik taraf Lapangan Terbang Miri. Lapangan Terbang Miri ia belum bertaraf antarabangsa untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini. Akan tetapi Miri lokasinya adalah pintu masuk utama untuk utara Sarawak. Saya rasa sekarang ini kapasiti sudah mencapai tahap yang maksimum.

Akan tetapi MAHB ataupun dikenali sebagai Malaysia Airports Holding Berhad, dengan izin, mereka mempunyai inisiatif sendiri untuk menaik taraf tetapi itu bagi saya Tuan Yang di-Pertua tidak mencukupi. Apa yang saya hendak mohon adalah supaya dilihat adakan satu projek untuk kita membina satu lapangan terbang kerana di Miri oleh sebab lokasinya kita di utara Sarawak, maka kita ada penerbangan ke destinasi seperti Mulu, Marudi, Limbang, Lawas dan sebagainya. Untuk memajukan industri pelancongan di sekitar Sarawak, maka kita memerlukan sesebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa untuk *more direct flights to come in to Miri* untuk perkembangan ekonomi di negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai Kementerian Pendidikan. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana sekali lagi memperuntukkan perbelanjaan yang paling banyak kepada Kementerian Pendidikan pada tahun depan. Daripada segi ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana ada sejumlah wang yang mencukupi untuk setakat ini untuk tahun 2020 bagi memperbaiki sekolah-sekolah daif di Sarawak ataupun di Sabah.

Saya ingin tahu daripada kementerian tentang status dua buah sekolah, yang satu adalah sekolah SJK(C) North. *that is my school* di pusat bandar Miri, di mana ada permohonan untuk mendirikan sebuah blok baru SJK(C) North. Adakah kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan boleh membantu sebab *this is a full-fledged government primary school*.

SJK(C) North juga dibekalkan sebidang tanah oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Apakah rancangan Kementerian Pendidikan untuk mendirikan sebuah lagi sekolah baru untuk SJK(C) North di tapak yang baru itu.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sebuah sekolah SJK(C) Chiao Nam telah pada tahun 2013 dipindah dari Marudi ke Taman Tunku, Miri dan ada permohonan telah dibuat untuk peruntukkan membina SJK(C) Chiao Nam di Taman Tunku.

■1250

Saya ingin tahu sama ada Kementerian Pendidikan dapat memberi sedikit sebanyak bantuan dan apakah status terkini untuk sekolah-sekolah tersebut. Masih ada lagi masa. Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ucapkan terima kasih juga daripada Bajet 2020, saya nampak ada elaun khas untuk anggota bomba kita. Ini pihak agensi lain *jealous* lah, RM200 sebulan untuk anggota tanpa mengira pangkat mereka. *Every month RM200 bank in* untuk setiap bulan tahun depan, setiap anggota bomba akan menerima *extra* elaun khas RM200 dan ini akan memberi manfaat kepada lebih kurang 14,400 anggota bomba kita. Kita ucapkan ini sebagai tanda penghargaan kerajaan terhadap pengorbanan dan perkhidmatan yang diberikan oleh anggota bomba kita.

Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan atas elaun khas yang diberikan. Saya ingin tahu, saya ingin kementerian menyenaraikan stesen bomba di Sarawak dan mengikut maklumat yang saya terima Tuan Yang di-Pertua, sedarkah sekarang tahun ini kita akan mencapai bilangan stesen sejumlah 36 stesen bomba di Sarawak. Akan tetapi mengikut maklumat di Sarawak ini oleh sebab keluasan dia kita memerlukan stesen bomba sebanyak 50 bomba *station* in Sarawak. Saya rasa, saya harap KPKT dapat mengambil perhatian dan menambah fasiliti kebombaanan dan penyelamat di Sarawak.

Saya ingin tahu daripada KPKT supaya mereka menyenaraikan untuk tahun 2020 senarai projek mampu milik, projek perumahan mampu milik yang akan dilaksanakan di Sarawak. Ini kerana saya tahu kerajaan berhasrat *I think we want 10 millions* mampu milik rumah *within 10 years. Is it 10 million, or 1 million within 10 years, so* adalah satu hasrat dan Sarawak ini kita memang memerlukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membina lebih banyak rumah mampu-milik. Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah mengenai cukai jualan Petronas yang dituntut oleh kerajaan negeri.

Saya ingin mengetahui pendirian daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai isu ini kerana kita dari parti DAP Sarawak di Dewan Undangan Negeri Sarawak sudah menyokong sepenuh-penuh tindakan kerajaan negeri untuk menyaman Petronas *on this 5 percent sales tax* yang tertunggak oleh PETRONAS. Itu tak patut seperti yang saya dimaklumkan *Shell* dan satu lagi syarikat sudah bayar cukai itu tetapi Petronas tunggak, terpaksa kita menyokong dan kerajaan negeri telah pada 21 November kalau tak saya telah memfailkan saman terhadap Petronas.

Saya harap isu ini boleh dipandang dan diambil berat dan mungkin PETRONAS sebagai sebuah syarikat kerajaan GLC dapat menyelesaikan masalah ini untuk menghormati juga ordinan yang dikuatkuasakan di mana kita telah mengehendaki syarikat-syarikat petroleum untuk membayar 5 peratus cukai ke atas produk petroleum mereka yang dikeluarkan di negeri kita mulai 1 Januari.

Akan tetapi PETRONAS dengan dukacitanya telah tunggak dan tidak bayar. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia kerana mengikut laporan yang saya terima mereka telah berjaya dalam tahun ini dan sejak tahun lepas kita mengambil alih turunkan kadar caj *for the internet*.

Selain itu, meningkatkan *speed* kelajuan internet di negara kita dan dalam bajet ini juga saya nampak ada satu Projek *National Fiberisation and Connectivity Plan* yang akan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM21.6 bilion yang akan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun. Ini adalah satu projek yang begitu baik merangsang khususnya kepada negeri Sabah dan Sarawak yang terutamanya mereka-mereka di luar bandar. Seperti semalam, saya telah bangkitkan isu untuk kru Mandarin dan *English* di Sarawak. Saya hendak memperjelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar ada berita TV dalam bahasa *English* dan bahasa Mandarin *that is national*.

In fact, ada berita khusus Sarawak. Setiap hari jam pukul 7 pagi dan jam pukul 5 petang *that is for Sarawak section*. Apa yang saya ingin bercadang kepada KKMM adalah untuk menambah kru TV Sarawak, berita Sarawak dalam bahasa Inggeris dan juga

bahasa Mandarin dimasukkan sebagai khusus untuk Sarawak. Itu cadangan saya sebab *English is also official language in Sarawak* dan juga kita ada ramai masyarakat Tionghoa di Sarawak, di mana kalau kita dapat meningkat, menambah nilai TV kita, maka kita akan meningkatkan audiens dan juga kementerian dilihat, RTM dilihat dapat menepati keperluan mengikut keadaan tempatan di Sarawak. Itu cadangan saya, *I'm fully aware, there is national Chinese news and also English. But that section is just for Sarawak* dengan izin. Yang Berhormat *I have to finish before 1 right?*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh habiskan...

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tak apa, tak apa. Saya akan berhenti, *coming to the end already*. Tuan Yang di-Pertua, dan satu pesanan saya lagi untuk mencapai kemakmuran bersama tahun 2030, saya menjemputlah rakan-rakan Jemaah Menteri persekutuan sila melawat Sarawak ataupun Sabah sekurang-kurangnya sekali sebulan, sekurang-kurang kita pergi, khususnya Sarawak kita masih negeri pembangkang. Rakyat tak berasa dasar-dasar daripada Kerajaan Persekutuan ataupun kadang-kadang dia orang *confuse* tetapi dengan kedatangan ataupun acara-acara yang diadakan di Sarawak oleh Menteri ataupun Timbalan Menteri Persekutuan di Sarawak, maka mereka akan merasai apa yang dibawa, apa perubahan dasar...

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, hendak mencelah sikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Boleh sebelum pukul 1 ya. Ringkas ya.

Tuan Manolan bin Mohamad: Sebab itu hendak ambil masa sikit. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Alan. Saya hendak tanya, tadi ada sebut siaran TV di Sarawak ada bahasa Iban dan sebagainya. Ada tak dasar-dasar Kerajaan Persekutuan, apa yang kerajaan telah lakukan sekarang ini yang baik sebenarnya banyak yang baik disiarkan di siaran di Sarawak dalam bahasa-bahasa ibunda di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Bob Manolan. Selalu kita panggil Bob. Terima kasih, memang ada saya mengakui ada diwujudkan Okey TV khusus untuk Iban. Kita ada sesi berita Iban di Sarawak. Itu satu usaha yang baik yang dilakukan tetapi saya hendak tambah nilai lagi supaya kita wujudkan Mandarin dan *English* selain daripada bahasa Melayu, Iban dan sebagainya. Ini kepelbagaian Malaysia, ini keistimewaan Malaysia. Malaysia berwarna-warni kerana dia dibentuk oleh pelbagai kaum. Itu harus kita martabatkan dan saya sambung tadi, saya menjemput Menteri-menteri gerak pergi Sarawak dan bukan pergi untuk dua jam sahaja dan balik. Pergi sekurang-kurangnya pergi Sarawak tiga hari dua malam.

Untuk kita nampak impak dia berkesan, *you don't come in morning and rushing for the flight and we are only seeing in the airport waiting for you and sending you off also*

the time and you go and rush. No need to rush, come here. Sarawak is a beautiful place, kita memerlukan, kita perlukan Menteri-menteri persekutuan datang kerap kali. Sekarang ini di Sarawak ini *we have only one full Minister* Yang Berhormat Tuan Baru Bian dan pengerusi saya Timbalan Menteri tak cukup mereka. Mereka tak cukup, kita perlukan sebanyak mungkin Menteri pergi ke Sarawak dan memahami apa yang kita perlu di sana. *That's what we want in Sarawak.* Setuju ya?

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dan saya ucapkan Selamat Hari Krismas kepada penganut Kristian dan Selamat Tahun Baru untuk semua. Sekian terima kasih. *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.32 ptg

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu.* Kita sambung perbincangan kita dan bagi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk berbincang, cakaplah sebanyak mungkin. Keluarkan pendapat yang sebaik-baiknya. Sekarang saya mula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Dipersilakan.

2.33 ptg

Dr. Nuing Jeluing: Selamat petang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab memberi saya peluang untuk berbincang Bajet 2020. Bajet yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 11 Oktober dan semalam di Dewan yang mulia ini. Tema Belanjawan 2020 ialah, "Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama".

Seperti semua yang kita sedia maklum, bajet keseluruhannya ialah RM297 bilion untuk 2020. Daripada jumlah itu RM240 bilion untuk perbelanjaan mengurus iaitu kurang lebih 81 peratus dan RM56 bilion untuk belanjawan pembangunan atau 18.5 peratus. Bajet ini merupakan bajet defisit sekali lagi iaitu defisit kurang lebih 3.2 peratus.

Kalau saya bandingkan bajet ini dengan Belanjawan Sarawak yang berjumlah RM9.8 bilion dan untuk pembangunan di Sarawak ada jumlah RM6.6 bilion atau 67

peratus dan untuk mengurus ialah RM3.3 bilion atau 33 peratus. Belanjawan Sarawak merupakan belanjawan lebihan atau *surplus budget* dengan jumlah RM300 juta.

Saya bandingkan bajet ini sebab jika kita banding belanjawan Persekutuan dan Sarawak, kita dapat melihat perbezaan yang jelas iaitu sebaiknya lebih banyak peruntukan bagi pembangunan untuk merangsang pertumbuhan pembangunan seperti Bajet Sarawak di mana Belanjawan Persekutuan adalah sebaliknya, lebih daripada 80 peratus adalah untuk mengurus. Ini akan menyebabkan kekurangan perkembangan ekonomi negara kerana sebahagian besar belanjawan diperuntukkan untuk pentadbiran seharian dan tidak akan merangsang ekonomi.

Dalam Bajet 2020, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM4 bilion untuk pembangunan di Sarawak atau bersamaan dengan 7.1 peratus sahaja. Akan tetapi, yang dijanjikan oleh pemimpin kerajaan adalah 30 peratus. Saya menyeru akan Kerajaan Persekutuan untuk menghormati dan memenuhi segala kewajipan dan janji mereka untuk Sarawak. Ini termasuk royalti minyak 20 peratus yang merupakan salah satu janji dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan di Sarawak juga berjanji bahawa 50 peratus dari hasil kutipan cukai dari Sarawak akan dikembalikan kepada Sarawak apabila Pakatan Harapan membentuk Kerajaan Persekutuan. Janji ini dibuat di Dewan Undangan Sarawak sebelum PRU14. Sekarang, di manakah 50 peratus itu? Apa yang terjadi dengan janji tersebut? Buat waktu sekarang nampaknya janji itu janji kosong sahaja.

Berkenaan dengan bajet pembangunan dalam Bajet 2020. Daripada jumlah RM56 bilion yang diperuntukkan untuk pembangunan hanya RM4 bilion seperti mana yang saya sebut tadi sahaja diperuntukkan untuk Sarawak. Ini tidak mencukupi dan menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mengabaikan sumbangan Sarawak kepada ekonomi negara dan tabung persekutuan. Hasil minyak dan gas dari Sarawak nampaknya tidak diambil kira.

Justeru itu, saya menyeru agar Kerajaan Persekutuan menunaikan janji untuk memperuntukkan 30 peratus bajet pembangunan kepada Sarawak. Berdasarkan jumlah bajet untuk pembangunan adalah RM56 bilion, jumlah untuk Sarawak sepatutnya RM16.8 bilion atau bersamaan dengan 30 peratus dan bukan RM4 bilion seperti mana kita tahu.

Sekarang saya pergi terus ke seksyen dalam bajet yang dibentangkan. Satu, berkenaan dengan subsidi.

■1440

Saya berterima kasih kepada kerajaan sebab memperuntukkan banyak subsidi untuk badan-badan tertentu misalnya untuk pekebun getah sebanyak RM200 juta diperuntukkan untuk Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil di bawah RISDA

dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Saya ingin bertanya macam mana untuk pekebun getah kecil di Sarawak, adakah mereka tergolong dalam RISDA atau persendirian? Jika persendirian, saya meminta mereka juga diberikan peruntukan seperti Lembaga Industri Getah Sabah.

FELDA juga ada diperuntukkan dengan keseluruhannya RM810 juta dan RM250 juta untuk program bagi meningkatkan pendapatan peneroka. Begitu juga FELCRA yang diperuntukkan RM738 juta. Soalan saya, mengapa tidak ada bantuan dalam Bajet 2020 untuk SALCRA yang juga mengalami kesukaran penebatan. SALCRA iaitu *Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority*. Ia merupakan satu badan di bawah kerajaan Sarawak.

Untuk nelayan, elaun sara hidup dalam Bajet 2020 juga ditingkatkan dari RM200 juta kepada RM250 juta sebulan. Mengapa tidak ada peruntukan untuk penanam lada? Harga komoditi ini pun telah turun menjunam menyebabkan kesukaran kepada penanam lada, mereka juga perlu dibantu. Sama juga penanam padi bukit, yang sering berlaku di Sarawak. Mereka juga tiada diberikan subsidi. Saya menyeru supaya peruntukan akan disediakan untuk dua golongan pekebun ini.

Berkenaan dengan pembangunan infrastruktur. Apabila memegang tampuk Kerajaan Persekutuan, Pakatan Harapan telah membatalkan beberapa projek infrastruktur utama di Sarawak yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelumnya. Pertama, jambatan Rambungan, kedua ialah jambatan Batang Lupar dan dua lagi jambatan yang lain.

Saya ingin bertanya apa yang berlaku kepada peruntukan yang dimaksudkan untuk projek-projek ini? Adakah ia diperuntukkan ke tempat lain? Pada awal bulan November, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengumumkan 425 kilometer jalan menghubungkan Sarawak dan Sabah atau *Sarawak-Sabah Link Road (SSLR)* yang dianggarkan bernilai RM5.2 bilion dan akan siap menjelang tahun 2300.

Dari manakah belanjawan ini datang? Sebab saya tidak nampak peruntukan untuk jalan ini dalam Belanjawan 2020. Mengikut Bajet 2020, Kementerian Kerja Raya hanya diperuntukkan RM4.7 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Menteri berkenaan juga mendedahkan bahawa tender itu telah dipanggil dan ditutup akhir bulan lepas iaitu bulan November untuk pakej satu, yang meliputi 90 kilometer dari Lawas melalui Long Sukang kemudian ke Long Lupeng dan Pa' Berunut. Pembinaan akan bermula pada Oktober 2020 dan akan siap pada tahun 2024.

Soalan saya, adakah rundingan dengan kerajaan negeri telah dibuat mengenai projek ini? Saya mempersoalkan projek ini bukan sebab saya tidak bersetuju dengan pembinaan jalan raya ini, malah saya sangat bersetuju sebab jalan raya ini akan

meningkatkan pembangunan di kawasan luar bandar. Saya hanya ingin hendak tahu jika peruntukan untuk jalan ini ada atau tidak ada. Kalau ada, di mana peruntukan itu datang sebab saya tidak nampak peruntukan itu dalam Bajet 2020 yang dibentangkan. Saya harap dapat penjelasan daripada kementerian.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya juga ada mengumumkan penjimatan berjumlah RM1.2 bilion selepas cara-cara mengendalikan pembinaan jalan Pan Borneo dikaji semula. Saya ingin bertanya dari mana punca penjimatan ini? Soalan ini pernah dikemukakan di Dewan Rakyat baru-baru ini akan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak memberi jawapan secara lisan. Yang Berhormat Menteri berjanji untuk memberi jawapan secara bertulis. Saya minta Yang Berhormat Menteri kongsi kan jawapan secara lisan di Dewan yang mulia ini.

Sekarang saya pergi kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ini berkenaan dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk melancarkan badan yang dinamakan MPKKP iaitu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan di Sarawak. Saya sangat tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan MPKKP ini di rumah panjang. Ketua masyarakat dan ketua kaum di seluruh Sarawak sudah melahirkan pandangan mereka yang telah tidak bersetuju dengan penubuhan MPKKP ini sebab ia akan memecahbelahkan penduduk di rumah panjang.

Saya sendiri berasal dari rumah panjang dan tidak masuk akal satu rumah panjang ada dua tuai rumah atau dua ketua iaitu tuai rumah yang sedia ada yang juga pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan an Kemajuan Kampung yang sedia ada iaitu JKKK dan MPKKP ada lagi satu tuai rumah di rumah panjang yang sama. Ini pastinya memecahbelahkan penduduk di rumah panjang.

Jika Kerajaan Persekutuan hendak memberikan khidmat dan peruntukan pembangunan kepada penduduk rumah panjang, carilah cara yang lain yang lebih munasabah. Jika Pakatan Harapan degil dan tidak mengambil kira perasaan penduduk rumah panjang dan terus mengadakan MPKKP di rumah panjang yang mengakibatkan pecah belah penduduk, Pakatan Harapan akan dikutuk oleh rakyat selama-lamanya.

■1450

Justeru itu, saya menyeru rakan-rakan saya dalam Pakatan Harapan untuk mengkaji semula penubuhan MPKK di rumah panjang.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Yang Berhormat boleh? Minta penjelasan sedikit dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Nuing sahabat saya dari Sarawak. Saya hendak tanya Yang Berhormat Senator, kenapa Pejabat Residen ataupun daerah di Sarawak ini menghadkan ketua kaum dan ketua

kampung untuk menghadiri ke program-program yang dianjurkan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.

Inilah sebabnya banyak program ataupun dasar yang baik yang ingin disampaikan kepada akar umbi di Sarawak tidak sampai. Penubuhan MPKKP saya hendak tegaskan di sini untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah memberi manfaat kepada orang-orang kapung dan tidak wujud di kedua-dua ketua kampung di sesebuah rumah panjang. Oleh sebab ini entiti berlainan, saya hendak minta kenapa Pejabat Residen mengehendkan kehadiran ketua-ketua kaum ke program yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya mungkin tidak dapat menjawab bagi pihak residen. Akan tetapi, ada juga saya dengar itu sebab kita kluatir sekali dengan penubuhan MPKK itu akan memecahbelahkan penduduk rumah panjang, itu *point* saya. Jikalau MPKK itu membawa pembangunan dan apa-apa projek ke rumah panjang dan tidak memecah belah penduduk rumah panjang, *welcome* datanglah. Akan tetapi jangan memecahbelahkan penduduk rumah panjang. Oleh sebab saya tidak boleh fikir macam mana satu rumah panjang ada dua ketua, macam satu kampung ada dua ketua kampung, itu sahaja.

Baru-baru ini pemimpin Pakatan Harapan di Sarawak telah mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan menghentikan pembiayaan kepada JKK atau Jawatankuasa Keselamatan Kampung. JKK adalah naungan kerajaan negeri dan pada masa sekarang Kerajaan Persekutuan ada menyumbangkan sebanyak RM500 sebulan untuk Pengerusi JKK. Namun saya dengar ini akan ditarik balik sekarang.

So, saya persoalkan, apakah justifikasi untuk menarik balik sumbangan ini. Mungkin Menteri Pembangunan Luar Bandar boleh memberi penjelasan.

Sekarang saya pergi ke Kementerian Kesihatan. Ini berkenaan dengan Pegawai Perubatan kontrak. Baru-baru ini Menteri Kesihatan mengatakan bahawa Kementerian Kesihatan tidak mampu mengambil semua pegawai perubatan ke perkhidmatan tetap atau *permanent employment* sebab jawatan tidak mencukupi. Mereka akan diambil sebagai pegawai kontrak or *contract officer*. Masalahnya pegawai kontrak akan dibayar gaji lebih rendah dari pegawai tetap. Jika berita ini betul, saya menyeru agar keadaan ini diperbetulkan. Iaitu jadi pegawai kontrak patut diberi gaji yang sama dengan pegawai tetapi. Oleh sebab tugas-tugas dan tanggungjawab mereka adalah sama.

Berkenaan dengan hospital pengajar di UNIMAS atau Universiti Malaysia Sarawak yang dibangkitkan oleh rakan saya semalam, saya nampak ada peruntukan berjumlah RM1.3 bilion di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Soalnya, adakah

peruntukan untuk hospital pengajar UNIMAS ini termasuk dalam peruntukan ini. Minta penjelasan dari Menteri Kewangan berkenaan dengan ini.

Sekarang saya pergi ke Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkenaan dengan sekolah-sekolah daif di Sarawak yang sering disebut-sebutkan di Dewan yang mulia ini. Mengikut apa yang telah diberitahu kelmarin atau semalam, memang betul sebanyak 1,000 lebih buah sekolah yang daif di Sarawak. Apa yang menyedihkan, apabila Sarawak minta peruntukan dari Kerajaan Persekutuan, jawapannya adalah tidak ada peruntukan. Apabila Kerajaan Sarawak cadangkan menggunakan dana sendiri dan kontra dengan hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan, mula-mula cadangan itu ditolak.

Justeru itu, Kerajaan Sarawak membayar secara awal, *early payment, advanced payment* dengan izin sebanyak RM350 juta kepada Kerajaan Pusat. Dana itu telah digunakan oleh Kerajaan Pusat untuk membaik pulih sekolah-sekolah yang daif. Jumlah ini iaitu sebanyak RM350 juta ada dimasukkan di dalam Bajet 2020. Menteri Pendidikan menyatakan di Dewan Rakyat baru-baru ini bahawa sebanyak RM350 juta ini hadiah dari Kerajaan Pusat, itu bukan hadiah sebab jumlah itu adalah datang dari Sarawak sendiri. Saya minta kalau boleh Menteri Pendidikan menarik balik kenyataan beliau.

Sekarang saya berpindah kepada Kementerian Kewangan. Satu audit oleh Jabatan Audit Negara atau *National Audit Department (NAD)* untuk 47 buah syarikat Menteri Kewangan *Incorporated* atau *MOF Incorporated*, dengan izin, mendapati hanya empat buah sahaja syarikat yang kukuh, sebanyak 33 buah syarikat stabil dan 10 buah syarikat tidak stabil. Apakah 10 buah syarikat yang tidak stabil dan jumlah liabiliti mereka? Apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap 10 buah syarikat ini?

Laporan audit menyatakan liabiliti sangat tinggi iaitu berjumlah RM13.1 bilion dan sebanyak 26 buah syarikat dari 47 buah syarikat memerlukan dana dari kerajaan untuk operasi mereka.

■1500

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini berkenaan dengan subsidi dan insentif peladang. Jabatan Audit Negara juga mengatakan bahawa skim subsidi dan galakan subsidi dan *incentive scheme* untuk meningkatkan pengeluaran padi untuk negara tidak diurus dengan hemat, cekap dan berkesan. Ada terdapat kelemahan daripada segi implementasi dan kelambatan menguruskan skim, kualiti benih padi juga tidak mengikut spesifikasi dan kelambatan pembahagian baja kepada petani. Inilah kesimpulan yang dicapai sebagai hasil Audit Negara.

Keadaan ini menyebabkan kekurangan pengeluaran padi berbanding dengan sasaran. *Less than what it is targeted*, dengan izin. Pengeluaran padi dari tahun 2016 kepada 2018 tidak mencapai sasaran. Sasaran atau *self-sufficiency level (SSL)*

ditentukan adalah 85 peratus dan 80 peratus untuk 2016, 2017 dan 2018. Akan tetapi *target* ini tidak tercapai dengan kekurangan 7.6 peratus hingga 14.7 peratus. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengatasi keadaan ini?

Kementerian Dalam Negeri, berkenaan dengan dadah. Baru-baru ini Ketua Polis Negara (IGP) mendedahkan bahawa dalam tempoh dua bulan yang lalu, kira-kira 260 pegawai dan anggota polis telah ditangkap kerana penyalahgunaan dadah. Beliau berpendapat bahawa jumlah ini adalah setengah daripada kes yang ada. Keadaan ini sangat membahayakan. Masalah penyalahgunaan dadah semakin meningkat dan di sini kita diberitahu bahawa anggota polis juga terlibat sebagai penagih dadah. Ini disebabkan saya tidak ada nampak peruntukan khas untuk masalah ini. Saya menyeru supaya Kementerian Dalam Negeri mengadakan peruntukan khas untuk membendung gejala ini.

Semalam rakan Yang Berhormat Senator saya ada menyentuh berkenaan dengan bekalan air untuk penduduk di Sarawak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya telah mendapat maklumat daripada Kementerian Utiliti Kerajaan Sarawak semalam. So untuk bekalan air secara amnya, 81 peratus kawasan-kawasan Sarawak sudah ada bekalan air.

Akan tetapi untuk kawasan bandar, peratusnya adalah 99 peratus, yang masalahnya adalah kawasan di luar bandar, hanya 62.4 peratus. Akan tetapi Kerajaan Negeri Sarawak sudah memperuntukkan RM2.8 bilion untuk meningkatkan liputan atau *coverage* kepada 100 peratus menjelang tahun 2025. Dana RM2.8 bilion ini adalah dana daripada Kerajaan Negeri Sarawak, bukan daripada Kerajaan Persekutuan. Diharapkan kita tidak lagi melihat tangki biru menjelang tahun 2025.

Saya mengakhiri perbahasan saya dengan harapan Bajet 2020 akan memberi kesan yang positif yang boleh dinikmati oleh rakyat. Tidak ada guna kita bercakap berbilion-bilion jika rakyat masih hidup sengsara. Dengan itu, Selamat Hari Krismas kepada rakan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru kepada semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Silakan.

3.06 ptg.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Belanjawan 2020 pada hari ini. Inilah pembentangan belanjawan negara yang kedua oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Namun rakyat masih lagi menunggu 'Wow factor' yang mampu membawa sinar cahaya kepada seluruh lapisan masyarakat di Malaysia untuk terus maju. Rakyat masih menunggu satu belanjawan yang komprehensif seperti yang dijanjikan oleh Malaysia Baharu dan Manifesto Ubah. Lebih-lebih lagi 95 peratus pengundi Cina yang terasa tertipu oleh janji-janji palsu DAP dalam Deklarasi Setapak, dan naratif politik mereka selama ini.

*Sembilan belas bulan sengsara tak henti,
Rakyat mengeluh saban hari,
Rezeki pemerintahan Barisan Nasional kini dinostalgiai,
Rakyat terus disindir dan dipersendai,
Inikah rupanya reformasi?*

*Rupanya bergelut-gelut nak jadi Perdana Menteri,
Nasib rakyat merana siapa akan belai,
Janji-janji politik sudah pun tidak ditunai,
Kereta terbang pula dijanji,
Secawan minyak kelapa sawit ganti kopi,
Inilah hakikat hari ini.*

Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada 2 Disember 2019 bahawa kerajaan sudah tidak boleh membantu rakyat miskin amatlah dikesali. Ia amat melukakan hati rakyat. Peranan kerajaan sememangnya untuk membantu golongan miskin, perlulah mengutamakan dan diutamakan dan bukannya industri kereta terbang atau mesra pemaju-pemaju perumahan semata-mata. Sudahlah yang miskin papa tidak dibantu, kerajaan pula mempersalahkan yang masih terjat dalam *vicious circle*, dengan izin, kemiskinan.

Ketidakpekaan Pakatan Harapan terhadap kesengsaraan rakyat jelas apabila calon Pakatan Harapan di Tanjong Piai mengejek dengan kata-kata, "Satu ribu pun sudah cukup untuk hidup dan rakyat seharusnya bersyukur". Di manakah simpati dan sifat empati seorang pemimpin dan kerajaan? Inikah kepimpinan yang dijanji? Jawapannya dalam bentuk undi majoriti yang dipungut daripada kekalahan 500 lebih undi, majoriti Barisan Nasional mencecah 15 ribu kembali. Hidup muafakat rakyat. Sudahlah mereka yang miskin papa tidak dibantu secukupnya, malah kerajaan seakan-akan mempersalahkan mereka lagi kerana masih terperangkap dalam kemiskinan. Berani pula kata bekas calon Tanjong Piai bahawa mereka harus bersyukur.

Ekonomi. Menyentuh perihal ekonomi pula, dengan pengurangan RM17.6 bilion daripada jumlah keseluruhan Belanjawan 2020 sebanyak RM297 bilion berbanding Belanjawan 2019, sudah cukup untuk memberikan gambaran kasar kepada rakyat betapa mundur dan terbelakang ekonomi negara di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.

■1510

Segala retorik dan janji-janji politik Pakatan Harapan cuma omong-omong kosong belaka. Aset yang dijual sejak Pakatan Harapan mengambil alih kuasa seperti IHH Healthcare Berhad, Sapura Upstream Sdn. Berhad, CIMB Group Holdings Berhad, Acibadem Sigorta, Boustead Plantation dan lain-lain semakin berlambak. Pinjaman bon yang tidak terhenti-henti dan hutang yang semakin tinggi seakan-akan sudah menjadi norma dan amalan SOP Kerajaan Pakatan Harapan. Setelah penjualan aset-aset negara, hutang negara yang patut berkurangan menjadi semakin tinggi. Ke mana perginya wang ringgit dan hasil jualan- ke *piggy bank*?

Mengimbas kembali menteri-menteri Pakatan Harapan setelah memungkiri janji, mempersendakan rakyat dengan membuaikan dan menggantikan janji lama kepada kereta terbang dan saranan minum segelas minyak kelapa sawit mengganti segelas kopi. Menteri-menteri Pakatan Harapan tidak segan silu kerana mereka mempunyai alasan *readymade*, mudah sedia, yakni semuanya dan segala-galanya adalah salah Kerajaan Barisan Nasional.

Namun begitu, rakyat sudah semakin jemu, cemuh dan meluat dengan sebuah kerajaan yang gagal melaksanakan tugas-tugas pentadbiran negara dan senantiasa menyalahkan Barisan Nasional yang hakikatnya diterajui 22 tahun oleh Perdana Menteri yang Pakatan Harapan telah *recycle*, dengan izin, daripada Barisan Nasional ataupun tiruan semula.

Mereka inilah yang berpakat untuk menjatuhkannya pada zaman saya di kampus universiti dahulu tetapi kini mereka mengagungkan dan mengembalikan Perdana Menteri yang sama. Saya pun jadi pelik dan hairan. Mereka yang membantah Proton kini jadi *moron* dan memberi alasan palsu untuk menjustifikasikan pengenalan kereta nasional ketiga. *Oh, my god*, dengan izin.

Setakat penghujung November 2019 sahaja, Kerajaan Pakatan Harapan telah pun terlebih pinjam RM19.6 bilion dan hutang negara baru sahaja mencecah kepada RM813 bilion berbanding dengan RM686 bilion ketika zaman Barisan Nasional. Persoalan saya, di manakah pengurangan hutang negara yang sering diuar-uarkan? Di manakah pulangan aset-aset negara yang telah dijual? Dahulu kita boleh perah susu lagi, kini lembu pun kita jual. Harapan rakyat setinggi gunung sudah jatuh berkecai menjadi debu.

Untuk menggambarkan betapa kroniknya ekonomi negara, nisbah hutang berbanding KDNK telah pun mencapai 53 peratus pada suku ketiga tahun 2019. Dengan hanya dua peratus lagi di bawah had *statutory* 55 peratus yang ditetapkan oleh Akta Pinjaman Tempatan 1959, dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983. Apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini? Memandangkan syarikat penarafan antarabangsa seperti Moody's juga menyangkakan bahawa nisbah hutang tersebut bakal mencecah 55 peratus pada tahun hadapan dan seterusnya mengakibatkan Pakatan Harapan bakal melanggar undang-undang kerajaan sendiri.

Tidak cukup dengan itu, laporan media turut menyebut jumlah nilai dana asing yang telah ditarik keluar daripada pasaran saham Malaysia setakat tahun 2019 ini sudah pun mencecah RM9.17 bilion. Meskipun nilai ini masih rendah berbanding dengan nilai RM11.69 bilion yang dikeluarkan oleh pelabur asing pada tahun 2019, namun kita berjaya meraih tempat pertama dalam kalangan negara-negara ASEAN sebagai negara yang paling tinggi aliran keluar bersih dana asing.

Lebih memburukkan lagi keadaan, Bursa Malaysia telah ditakrifkan sebagai bursa dengan prestasi paling lemah di Asia dan berkemungkinan paling corot di dunia. Indeks bursa kita telah menjunam ke paras 1,561 poin pada penghujung November 2019, jatuh 80 poin berbanding dengan 1,640 poin pada April 2019. Tatkala prestasi pasaran saham gergasi seperti Amerika Syarikat, China, Jepun, *United Kingdom*, Singapura dan sebagainya meningkat, kita pula mengalami penurunan. Apa sebenarnya yang telah berlaku ini? Saya menuntut pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan yang sebenarnya dan yang sewajarnya.

Kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan langsung asing (FDI) global melalui kajian yang dilakukan oleh firma strategi jenama global, *BAV Consulting* dan *Wharton School of the University of Pennsylvania* juga telah jatuh merudum ke tangga 13 pada tahun ini. Sedangkan kita mempunyai rekod yang cemerlang dengan pernah menduduki tangga pertama dalam tahun 2017. Apakah ini satu pencapaian yang perlu kita banggakan?

Sejauh manakah kerajaan menilai siri-siri keputusan *flip flop* dan *U-turn* seperti penangguhan atau pembatalan projek infrastruktur mega, kelemahan Ringgit serta ketidaktentuan peralihan kuasa oleh Yang Amat Berhormat Langkawi kepada Yang Berhormat Port Dickson yang dikatakan adalah antara sentimen yang telah banyak mempengaruhi kurang minat pelabur asing untuk terus kekal melabur di negara kita?

Pada tanggal 29 Ogos 2018, dalam ucapan pertama saya dalam Dewan yang mulia ini, saya telah memperlihatkan senario kucar-kacir peralihan kuasa yang tidak jelas dan percaturan politik yang akan membebaskan rakyat dan negara seperti nukilan ini.

*Manifesto bukan lagi satu janji,
Janji pada rakyat boleh dimungkir,
Dua tahun lagi Anwar jadi Perdana Menteri,
Adakah Anwar akan ditipu lagi?*

Kenangan pada tahun 90-an apabila Anwar dipecat jawatan, negara dilanda demonstrasi jalanan. Harapan rakyat, negara kita terus sihat dan aman. Sekali lagi saya ingin menyatakan hasrat rakyat khususnya generasi saya agar percaturan politik tahun 80-an dan 90-an tidak dikembalikan. Contohnya dan teladanilah pemimpin-pemimpin tua dari negeri China dalam dekad yang sama. Mereka semua bersara untuk menghentikan sengketa lama mereka dan memberi laluan kepada pemimpin alaf baru dan generasi baru yang akhirnya berjaya memajukan Negara China dari “*The sick man of Asia*”, kepada, “*The economic giant of the world.*”

Maka, saya ingin menyeru agar pemimpin-pemimpin kita yang terlalu lama dan telah menjadi bebanan kepada negara dan rakyat supaya undur semua sekali. Jangan lagi tinggal dengan terus bercakaran dan membebankan rakyat dalam pelbagai politik dan percaturan politik.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman iaitu mengenai peruntukan RM40 juta setahun dalam tabung amanah yang dikendalikan oleh *Tunku Abdul Rahman Alumni Association* dan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Peruntukan yang datang secara tiba-tiba terutama selepas kekalahan 15 ribu undi di Tanjung Piai ini berbau busuk dan mempunyai politik niat jahat, mala fide, dengan izin, atau *in bad faith*. Rakyat khususnya pengundi Cina bukannya bodoh dan boleh ditipu bersiri-siri dengan tindakan Menteri Kewangan yang berbaur dan menangkap politik 2D yakni dendam dan dengki.

Sejak dari awal dahulu lagi, MCA sentiasa konsisten bersuara demi masa depan kuota mengenai peruntukan yang telah dipotong kerajaan hanya kerana kuota secara kebetulan mempunyai hubungan dengan MCA. Apabila MCA sebagai sebuah parti mengambil inisiatif untuk menyelesaikan kemelut kekurangan tempat dan peluang pendidikan akibat pengenalan kuota kemasukan di universiti tanpa universiti ekoran pengenalan kuota untuk membantu masyarakat bumiputera, MCA langsung tidak mengambil satu sen pun keuntungan daripada TAR. Kesemuanya sebagai pemegang amanah untuk membantu pelajar-pelajar yang miskin dan sederhana.

MCA dipersendakan, diejek oleh DAP kerana terpaksa mencari jalan penyelesaian atau alternatif pada rakyat dan pelajar bukan bumiputera yang dinafikan tempat pendidikan *Form 6*- Tingkatan 6 dan di universiti tempatan atas kelayakan *kulif-ication*. Inilah yang DAP katakan *kulit- skin*, *kulif-ication* dan bukannya *qualification*

seperti yang sering diprovokasikan oleh DAP untuk memanaskan atau mengapiakan emosi masyarakat Cina supaya membenci dan menyalahkan MCA yang terpaksa mencari jalan penyelesaian untuk meredai sentimen ketidakpuasan terhadap pengenalan kuota dan *intake* berlandaskan kaum. MCA melalui keringat, tenaga dan wang ringgit umum telah berjaya menjadikan TAR sebagai satu institusi yang disegani dan terus menjaga keharmonian negara.

■1520

Apabila mereka yang ditolak dan dinafikan peluang pendidikan dalam Tingkatan 6 dan universiti dapat diserap dalam Institusi TAR, seterusnya meredai keadaan ketegangan kaum serta terus memupuk persefahaman, keseimbangan dan keharmonian perkauman untuk memahami dasar kuota yang diperkenalkan.

Lagi menghairankan geran padanan RM40 juta yang diberikan ini disalurkan pula kepada sebuah persatuan alumni yang mempunyai kekurangan dana dan tiada bukti integriti, profesionalisme ataupun kepakaran dalam pentadbiran institusi pendidikan seperti yang telah dibuktikan dan terbukti oleh Lembaga Pelantikan MCA secara kebetulan dan disebabkan oleh latar belakang sejarah.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, sejak bilakah geran padanan sesebuah universiti dijaga ataupun disalurkan kepada persatuan alumni? Apakah hasrat Menteri memecahbelahkan *TAR University* kepada lembaga pengurusan dan menjemput persatuan alumni untuk campur tangan dalam pengurusan TAR UC yang telah licin, berprestasi dan penuh integriti selama ini? Bukankah ini satu tindakan yang tidak suci, berniat kacau daun dan menjolok buah cempedak di atas pagar?

Tuan Nga Hock Cheh: Yang Berhormat, minta laluan. Saya ada menerima maklumat bahawa ada satu *philanthropist* Koon Yew Yin memberi *donation* sebanyak RM30 juta kepada UTAR untuk membina asrama bagi pelajar-pelajar tinggal dan fasiliti untuk mereka. Kenapa donation tersebut ditolak? Adakah sebab ada pihak tertentu ada *vested interest to develop the land there and deny the asrama for the students?*

Dato' Sri Ti Lian Ker: Bagus, saudara saya memberi saya peluang untuk menjelaskan. Sebenarnya persoalan yang diberi oleh Yang Berhormat agak cetek. Ini kerana sebagai seorang peguam, saya telah pun- saya tidak terlibat mahupun MCA. UTAR dan KTAR adalah berbeza. TAR UC, MCA melantik *the trustees into the board of trustee*. UTAR adalah satu perbadanan yang dibuat oleh bekas presiden dan bekas presiden Tun Ling, dia dan juga *trustee* adalah dua entiti yang berbeza.

Maka, apabila UTAR telah menolak *philanthropist* yang kononnya memberi derma, seorang penyokong kuat DAP yang telah menguar-uarkan isu dalam media sosial seakan-akan MCA terlibat dan MCA bersalah. Walhal apabila saya membaca syarat-

syarat yang dikenakan dalam pemberian derma tersebut mesti menjamin keuntungan berapa juta, mesti memberi dia kuasa untuk melantik *trustees majority* dan sebagainya.

Kalau kita imbas kembali, nasib baik *board of directors* masa itu tidak terima syarat sedemikian. Ini kerana sekarang pelajar-pelajar telah menyewa dengan sewa yang lebih rendah daripada yang dikenakan oleh *philanthropist*. Maka kalaulah wang itu diterima dan projek itu dijalankan, mungkin gagal. Lagi pun kita boleh persoalkan *philanthropist* tersebut. Kenapa tidak salurkan wang itu kepada banyak lagi institusi? Apabila UTAR tidak memerlukan, banyak lagi institusi memerlukan kewangan tersebut. Mengapa menjadikan MCA sebagai sasaran? Itulah peliknya.

Sebagai seorang peguam, bolehlah cuba teliti apakah *trust document* yang telah diberi dan sebagainya supaya memahami, supaya mendidik khususnya pemimpin-pemimpin DAP jangan mempolitikkan *philanthropist* yang mahu menderma kepada UTAR walhal ia tidak ada kena mengena dengan *TAR University* ataupun MCA.

Jadi, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Apakah relevannya persatuan alumni ini di sini? Apakah kementerian mempunyai agenda politik yang tersendiri? Apakah hanya kerana pengerusi tersebut telah menyumbangkan RM100,000 kepada Menteri DAP untuk tabung harapan telah memberikan beliau kuli-*fication* untuk menjaga geran padanan sebuah universiti.

Peliknya persatuan alumni yang dipilih dan ingin diserahkan geran padanan ini adalah persatuan yang paling baharu. Ada tiga persatuan alumni, inilah yang paling baharu dan paling kecil dengan 7,000 ahli sahaja berbanding dengan gabungan Persatuan Alumni Sekolah Sastera dan Sains Kolej Tunku Abdul Rahman Kuala Lumpur, persatuan bekas-bekas penuntut Sekolah Kebangsaan Kolej Tunku Abdul Rahman Kuala Lumpur dan Persatuan Alumni Kejuruteraan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman Selangor yang mempunyai seramai 116,393 ahli alumni UTAR.

Persoalan saya, bagaimana sebuah persatuan yang cuma ada aset bernilai RM10 ribu dengan defisit RM7,000 tetapi telah diberi tanggungjawab yang besar untuk memegang peruntukan sebanyak RM40 juta daripada kerajaan? Sejak bilakah kerajaan menyumbang kepada persatuan alumni wang sebanyak itu? Manakah presiden dan manalah nasnya ataupun autoritinya, dengan izin.

Kalau mahu pun, mengapa tidak disalurkan kepada persatuan alumni KUTAR yang jauh lebih besar dan lebih kukuh berbanding dengan TAA? Adakah hubungan kronisme ataupun nepotisme di sini? Sejauh manakah peranan kementerian dalam memantau kredibiliti serta integriti persatuan ini dan apakah jaminan kementerian bahawa persatuan ini mampu menyalurkan secara ikhlas dan setulus hati mereka kesemua peruntukan yang diberikan kepada pembangunan para pelajar di KUTAR?

Saya juga ingin melanjutkan pertanyaan saya kerana sekiranya kementerian benar-benar mahu KUTAR bebas daripada penglibatan mana-mana parti politik dan kerajaan, maka saya ingin bertanya atas kapasiti apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menghadiri sidang media TAA itu? Lagi bertambah pelik, bagaimanakah kerajaan boleh mencadangkan penubuhan satu tabung amanah KUTAR yang seolah-olah mahu menggantikan badan pengurusan sedia ada dengan satu badan pengurusan yang baharu sedangkan pemiliknya sendiri pun tidak tahu mengenai kewujudan cadangan tabung amanah tersebut.

Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta atau Akta 555 ini hanya semata-mata untuk mewujudkan satu struktur organisasi yang boleh mengikut kehendak dan nekad pihak-pihak tertentu?

Persoalan yang paling pokok, dari manakah jumlah peruntukan RM40 juta ini datang memandangkan ia tidak termaktub di dalam peruntukan Belanjawan 2020 yang sedia ada? Tambahan pula, kita ada dua Menteri dan satu Ketua Menteri, tiga Menteri dari Pakatan dan satu Ketua Menteri yang mendapat pendidikan daripada *TAR College*. Maka, amatlah sedihnya apabila mereka menutup mata dan menutup telinga, menutup mulut apabila tindakan menjadikan TAR sebagai mangsa hanya semata-mata ia ada hubung kait dengan MCA secara kebetulan tetapi telah ditadbir dengan baik, diuruskan dengan licin dan penuh amanah. Sedihnya dan kesalnya. Ini kah hakikat Malaysia Baharu, dendam dan dengki.

Perpaduan negara. Seterusnya saya ingin mengalihkan tumpuan Dewan kepada isu perpaduan negara yang semakin hari semakin ketegangan, merunsingkan dan membimbangkan ini. Dari isu kematian Adib, isu Negaraku dalam Bahasa Arab dan Mandarin hingga kepada isu Jalur Gemilang yang telah disabotaj dan isu abu Chin Peng. Bekas pemimpin Komunis yang telah dibawa pulang telah mengancam, meruncingkan dan merosakkan keharmonian rakyat di negara ini.

Semua orang tahu, kekejaman komunis suatu ketika dahulu dan orang-orang Cina khususnya juga menjadi mangsa dan sasaran mereka. Insiden pembunuhan Detektif Konstabel Lee See Kaw di Malim Nawar, Detektif Sarjan Lee Yoon Chin dan Detektif Konstabel Ong Soon Chua oleh Parti Komunis Malaya sudah cukup menjadi sebab mengapa orang Cina juga menyimpan duka yang cukup pedih dan sedih terhadap komunis ini. Terdapat juga pembunuhan akar umbi MCA yang mendaftarkan kewarganegaraan masyarakat Cina atas tuduhan mereka adalah tali barut kerajaan dan sebagainya.

Maka tidak ada sebab untuk kita meraikan kedatangan ideologi komunis ini. Perhimpunan 400 bekas ahli PKM di Kajang baru-baru ini, wajar disiasat oleh kerajaan

dan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pelek yang juga ahli Jawatankuasa Pusat DAP juga wajar disiasat dan dipersoalkan.

Penglibatan ahli jawatankuasa kerja pusat DAP tersebut telah menggambarkan seolah-olah pucuk kepimpinan DAP merestui perjuangan komunis apabila pucuk pimpinan parti DAP enggan membuat penjelasan atau gagal membetulkan tanggapan umum dengan kehadiran pemimpin mereka yang tanpa menghormati perasaan dan sensitiviti anggota polis, rakyat yang terkorban dan keluarga mereka dalam mempertahankan negara ini.

■1530

Persoalan saya dalam perkembangan ini, sejauh manakah status siasatan kerajaan terhadap mereka yang terlibat? Apakah tindakan kerajaan terhadap usaha-usaha kelompok tertentu yang dilihat cuba mengembalikan dan mengembangkan semula ideologi komunis di negara ini. Apakah tidak terdapat sebarang inisiatif yang akan dilaksanakan menerusi Belanjawan 2020...

Tuan Nga Hock Cheh: Minta laluan. Adakah benar pada beberapa tahun dahulu pemimpin MCA pun ada pergi ke negeri China menerima *training*. Itu pun komunis.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya rasa persoalan Yang Berhormat lari daripada isu yang saya ingin bangkitkan. Apabila kita belajar daripada musuh, tidak semestinya kita akan menjadi atau akan *join* musuh. Mungkin *to learn from your enemy is part of education*, dan sebagainya.

Saya rasa itu kita boleh kalau Yang Berhormat minat, kita boleh minum kopi saya ceritalah apakah latar belakang sebab Yang Berhormat nampak tidak faham sangat politik dan polemik negara. Adakah tidak...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah? Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak terangkan apakah perbezaan antara perkataan komunis di Malaysia ini dan komunis di China? Ingin saya terangkan sedikit sebelum Yang Berhormat terangkan.

Pada pandangan saya, kita tidak boleh samakan komunis China adalah *a form of government*, satu kerajaan yang *legitimate* yang telah memerintah negara China dengan begitu hebat, teratur sebagai sebuah kerajaan yang telah membawa China ke arah yang cukup hebat, negara yang teragung di dunia pada hari ini. Itu komunis China. *Is a form of government*.

Komunis di Malaysia *is not a form of government, can be considered as extremist and terrorist*. Saya ingin menyarankan di dalam konteks kita rakyat Malaysia berbagai-bagai kaum saya lebih suka kita jangan menyebut komunis, puak-puak yang terlibat ni walaupun mereka *camouflage*. Saya akan ungitkan satu buku perkataan *camouflage* ini

ya. Mereka *camouflage* dengan nama komunis yang sebenarnya parti politik demikian adalah merupakan parti politik yang bersandarkan kepada *terrorism, extremism*. Saya akan buktikan dengan buku kemudian kelak. Terima kasih.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Yang Berhormat Senator, dalam membuat soalan telah menjawab soalan sendiri. Akan tetapi, *simple* sahaja jawapan saya. Satu adalah *terrorist* yang berlandaskan keganasan. Satu adalah *statement* yang berlandaskan kepimpinan. Itulah perbezaan yang besar.

Jadi, saya ingin mengakhiri dengan mengatakan apakah tindakan dan inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Belanjawan 2020 bagi menambah baik serta memperkukuhkan kembali perpaduan dalam kalangan rakyat agar anasir-anasir seperti ini yang boleh mengganggu gugat keharmonian negara yang telah dipupuk oleh Barisan Nasional selama 60 tahun lebih tidak dipatahkan dan dirosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut mengenai kos sara hidup ataupun program subsidi petrol. Mengenai kos sara hidup pula susulan pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini bahawa harga bahan api akan dinaikkan sebanyak satu sen setiap minggu sehingga harga petrol RON95 mencapai harga pasaran.

Sejujurnya saya masih tertanya-tanya, bagaimanakah peningkatan satu sen hingga dua sen harga petrol setiap minggu boleh membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dan mengelakkan harga barang daripada terus naik?

Saya berpandangan semua orang faham akan konsep sekiranya harga petrol mengalami kenaikan. Maka, ia secara langsung turut akan memberi tindak balas rantaian dengan mengakibatkan harga semua jenis barangan dan komoditi akan terkesan. Ini adalah asas ekonomi yang saya pasti semua orang tahu.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan tentang sejauh manakah subsidi petrol yang diberikan kepada setiap penerima iaitu sebanyak RM30 sebulan untuk pemilik kereta dan sebanyak RM12 sebulan untuk pemilik motosikal adalah signifikan atau boleh mengurangkan kos sara hidup rakyat. Apakah ini hasil inisiatif peruntukan sebanyak RM2 bilion yang dibentangkan kerajaan pada Belanjawan 2019. Setelah 12 bulan kajian yang dibuat, ini kah jawapannya?

Apa yang telah berlaku kepada nilai sejumlah RM25 juta yang diperuntukkan kerajaan kepada syarikat GHL Transact Sdn. Berhad. untuk pembangunan aplikasi perisian serta perkakasan membabitkan subsidi petrol RON95 sebelum ini.

Seterusnya, adakah kerelevanan pembangunan sistem baru yang bernilai RM25 juta tersebut jika pada akhirnya kerajaan tetap menggunakan data BSH dan data JPJ bagi menyalurkan bantuan subsidi kepada penerima. Saya begitu musykil tentang apakah

kelemahan sistem data penerima BSH sedia ada sehingga kerajaan mengambil masa berbulan-bulan untuk membuat kajian dan hasilnya tidak pun memberi penyelesaian secara menyeluruh kepada seluruh lapisan rakyat yang memerlukannya.

Dahulu semasa pemimpin Pakatan Harapan menjadi pembangkang, Bantuan Rakyat 1Malaysia digelar sebagai dedak. Apa pula gelaran Bantuan Sara Hidup. Jumlah subsidi yang diberi kepada para nelayan, petani dan peneroka menerusi Belanjawan 2020 ini menunjukkan kerajaan tidak serius dalam menangani isu dan kelemahan struktur industri perikanan, pertanian dan pekebun kecil yang memberi keuntungan besar kepada orang tengah dan syarikat logistik.

Kelemahan seperti inilah yang menyebabkan wujudnya seperti pemberian tender rundingan terus sebanyak RM1.4 bilion oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan seperti yang didedahkan di Dewan Rakyat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Mohon penjelasan. Mohon penjelasan. Yang Berhormat boleh rujuk fakta dengan betul. Saya yang *sign agreement* itu, bukan sebanyak RM1.4 bilion tetapi sebanyak RM900 juta. Sebab peruntukan kerajaan hanya sekitar sejumlah RM900 juta. Dari mana dapat sebanyak RM1.4 bilion itu? Sebab saya yang *sign*.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Bagus. Inilah kita bangkitkan tanggapan rakyat supaya dijelaskan. Kalau ini tidak dijelaskan maka tanggapan rakyat akan berterusan. Akan tetapi, saya cuma utarakan persepsi sahaja.

Dr. Yaakob bin Sapari: Ya sedikit. Oleh sebab Yang Berhormat bercakap di Dewan Negara. Fakta kena betul. Saya akan bercakap, saya bawa buku, saya tunjuk data semua. Yang Berhormat tunjuk data daripada sini. Peruntukan untuk petani, padi hanya sebanyak RM855 juta dan datang daripada mana sebanyak RM1.4 bilion? Buku dari mana, rujukan di mana? Oleh sebab Yang Berhormat akan *lead* Dewan. Ini Dewan Negara. Bawa bukunya, buka faktanya, RM1.4 bilion. Bawa mana bukunya sejumlah RM1.4 bilion itu.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam itu kita boleh minta Yang Berhormat Senator tarik balik tidak apa yang dikatakan tadi? Mengelirukan Dewan?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya sedia terima apabila kerajaan menjawab apabila salah, saya terima. Akan tetapi, inilah fahaman saya. Kalau saya dalam lembaga dan kalau saya memang mempunyai semua fakta, saya jadi pakar. Jadi, saya sedia dalam Dewan ini kita selalu diperbetulkan. Ini perbahasan, ini perbahasan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Yang Berhormat, sedikit, sedikit.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya tidak memberi laluan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Sedikit, sedikit. Kita di Dewan Negara tidak seperti Dewan Rakyat. Mereka hendak mencari pengaruh dan sebagainya. Kalau boleh kita di Dewan Negara biar berhujah dengan fakta. Saya buat rujukan, saya baca satu-satu hari ini. Kalau boleh Yang Berhormat baca. Peruntukan setahun cuma sebanyak RM855 juta. Datang dari mana sejumlah RM1.4 bilion dan kalau boleh Dewan Negara ini berhujah dengan fakta, teratur bukan buat *perception* supaya kita *lead* Dewan dengan baik. Ini pandangan saya Yang Berhormat.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya terima kasih bagi teguran. Kalau salah saya tarik balik tetapi fakta ialah tanggapan saya dan saya akan kaji dengan lebih teliti. Saya teruskan. Kita tidak menafikan hak mana-mana kaum yang memperoleh manfaat menerusi tender tersebut tetapi apa yang kita persoalkan adalah mengapa tender tersebut diberi secara terus.

■1540

Bukankah selama ini Pakatan beria-ia mahu melaksanakan semua perkara secara tender terbuka. Jika dari awal mahu melaksanakan tender ini dengan terus, mengapa diadakan tender terbuka sejak dari awal? Kenapa membatalkan kelayakan syarikat yang telah berjaya dan layak dalam tender terbuka bukannya ia satu lagi penganiayaan.

Akan tetapi kini apa yang rakyat rasa pucuk kepimpinan sudah *out of touch*, dengan situasi semasa rakyat. Para Menteri pula sibuk bermain politik parti yang akhirnya menjadi mangsa adalah rakyat. Gajah sama gajah bertempur, kancil mati di tengah-tengah. Tidakkannya hendak tunggu sehingga ada PRK baharu, kerajaan sibuk hendak umumkan subsidi baharu, peruntukan baharu untuk rakyat. Ini macam apa yang berlaku di Tanjung Piai. Sampai bila kerajaan ini akan sedar akan kesilapan dan kekhilafan mereka dalam membela nasib rakyat.

Mari kita bersama-sama tunggu dan lihat. Sebelum penutupan perbahasan Belanjawan 2020, saya ingin akhiri dengan beberapa rangkap pantun. Ini untuk kurangkan kepanasan yang ada.

*Bangun pagi pergi bersenam;
Masa berlari tersadung ke parit;
Sudahlah Pakatan henti politik dendam;
Rakyat sudah sedar mereka tertipu dan berasa pahit.*

*Saya budak miskin dari Kampung Simpalit;
Mandi sungai sebelum matahari terbenam;
Belanjawan Pakatan menyempit dan rakyat terpalit;
Saham merudum ekonomi terus menjunam.*

*Bercabang tiga si Gunung Daik;
Kubur pandang nampak di pinggir;
Sudah dua tahun prestasi Pakatan kurang baik;
Rakyat sudah lemas dan mula menggigil.*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin. Dipersilakan.

3.42 ptg.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk berbahas dalam pembentangan Bajet 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita berterima kasih atas usaha Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan serta kesejahteraan kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin membahaskan mengenai dengan cadangan Kementerian Dalam Negeri untuk mengeluarkan Pas Sementara Sabah (PSS).

Cadangan kerajaan untuk mengeluarkan PSS ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah dan ia telah menerima pelbagai reaksi dan isu ini masih hangat lagi di kalangan rakyat negeri Sabah hinggalah kini. Kementerian Dalam Negeri telah membuat beberapa penjelasan mengenai pengeluaran pas ataupun PSS tersebut. Namun reaksi kebanyakan rakyat di negeri Sabah masih ragu-ragu malah ada yang mempunyai reaksi yang begitu negatif, ada juga reaksi yang begitu marah.

Nyata cadangan ini berniat baik. Walau demikian pendekatan yang digunakan tidak sesuai. Isu pendatang asing tanpa izin ini yang telah berleluasa selama lebih empat dekad sangat sensitif kepada rakyat tulen negeri Sabah. Apabila cadangan untuk mengeluarkan PSS ini telah diumumkan oleh Menteri KDN sewaktu melawat ke negeri Sabah bulan September yang lalu, pengumuman itu mengejutkan rakyat dan telah menerima pelbagai kritikan daripada pelbagai pihak dan menimbulkan pelbagai persoalan, pelbagai prasangka yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah saya ulas di sini perkara-perkara yang telah dan sedang di debatkan dari kampung-kampung, di kedai-kedai kopi, di Dewan Undangan Negeri Sabah hinggalah ke Parlimen ini. Memadailah antara satu daripadanya adalah sangkaan bahawa cadangan ini adalah kaedah secara tidak langsung atau *indirect* untuk memberi status kewarganegaraan kepada pendatang asing tanpa izin, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *not only legalizing the illegals, but giving them citizenship.*

Apa yang saya ingin nyatakan di sini adalah Kementerian Dalam Negeri seharusnya tidak mengumumkan *dateline* untuk, dengan izin, mengimplementasikan pengeluaran PSS ini sebelum mengadakan *engagement* ataupun perbincangan, ataupun dialog dengan rakyat majmuk negeri Sabah, sama ada melalui *townhall* di setiap daerah di negeri Sabah, dengan NGO ataupun perbincangan dengan parti-parti politik tidak kira kerajaan atau pembangkang.

Ini akan menunjukkan *transparency* dan keikhlasan Kerajaan Pusat dalam menangani masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the government must involve the rakyat from the word go*. Rakyat adalah *stakeholders* dalam masalah PATI ini atau pendatang asing tanpa izin. Masalah ini melibatkan keselamatan, ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan rakyat tulen di Sabah. Saya sedar bahawa Kementerian Dalam Negeri mempunyai rancangan untuk mengadakan *public engagement* dengan rakyat. Walau demikian ini hanya akan berlaku selepas dasar polisi mekanisme sudah diputus atau ditentukan.

Dasar polisi dan mekanisme seharusnya hanya digubal selepas *engagement* dengan *stakeholders* tersebut. Sensitiviti yang teramat sangat terhadap isu pendatang asing tanpa izin di Sabah seharusnya diambil kira oleh pihak Kerajaan Pusat. Jika dasar polisi dan mekanisme diputuskan sebelum *engagement* tersebut, saya khuatir reaksi dan respons daripada rakyat tulen di Sabah akan menjadi lebih teruk dan lebih negatif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya amat percaya bahawa pihak KDN akan mendapat manfaat dalam perbincangan awam atau dialog dengan pelbagai pihak. Mungkin ada cadangan-cadangan munasabah daripada mereka. Mungkin juga ada idea-idea atau alternatif-alternatif yang dapat dipertimbangkan oleh pihak KDN dan akan membantu dalam penggubalan dasar polisi dan mekanisme mengenai penyelesaian masalah ini.

Sesi *town hall* amat genting untuk mengurangkan reaksi negatif. Kerajaan harus terbuka dan *transparent* daripada mula. *Please I implore the government don't take the genuine people of Sabah for granted. Don't shaft a decision down our throats without consulting us*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apa-apa cadangan penyelesaian masalah PATI ini haruslah *bottom up* dan bukan *top down*. Saya mintalah di sini semua pihak untuk menghentikan *blame game* mengenai perkara ini.

Perkara ini juga tidak harus diguna sebagai *political tool*. Sabah mempunyai masalah yang besar mengenai pendatang asing tanpa izin ini. *The mother of all problem from Sabah*. Marilah kita bersama-sama menjadikan diri kita sebahagian daripada penyelesaiannya. Kepada Kementerian Dalam Negeri, kita mintalah untuk membuat jadual *town hall* di seluruh pelosok Sabah secepat mungkin dan selepas itu ambillah masa

untuk meneliti semua dialog-dialog, cadangan-cadangan, idea-idea sebelum menyatakan *dateline* untuk pengimplementasian PSS ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini juga sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini saya mencadangkan proses penganugerahan status kewarganegaraan harus juga dilaksanakan secara lebih *transparent* dan terbuka. Sebagai contoh sebelum kelulusan apa-apa permohonan kewarganegaraan, senarai pemohon-pemohon haruslah dipaparkan selama suatu tempoh mungkin tiga bulan di tempat yang *accessible*, dengan izin, kepada orang awam seperti di Pejabat Daerah atau Majlis Daerah.

■1550

Dengan cara ini, ia terbuka kepada bantahan atau serta *feedback* kepada Jabatan Pendaftaran Negara. Jika tiada masalah, kelulusan muktamad hanya diberi selepas pemohon-pemohon yang berjaya dijemput berkumpul di sebuah dewan khas yang terbuka kepada orang awam sebagai saksi supaya pemohon-pemohon ini dapat melafazkan taat setia kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, keterbukaan dalam proses permohonan kewarganegaraan ini akan saya yakin mengurangkan persepsi negatif atau *sense of distrust*, dengan izin, di kalangan rakyat Malaysia terutamanya di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbincangan saya dan saya tidak akan campur aduk dengan lain-lain isu kerana isu ini amat penting kepada saya, seorang anak watan Sabah. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan mengambil kira cadangan di mana *public engagement should come before implementation before coming up with policy and any pindaan* dalam undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Natal kepada saudara-saudara saya yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baharu kepada semua rakan di Dewan Negara yang mulia ini. Terima kasih.

Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin. Terima kasih banyak atas pandangan perbincangan tadi dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind. Silakan.

Datuk Theodore Douglas Lind: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2020. Salam sejahtera dan salam semangat perpaduan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan Pakatan Harapan kerana dapat memperkukuhkan dan menstabilkan kedudukan kewangan negara biarpun ekonomi dunia ketika ini agak merosot, begitu mencabar dan *work* kualitinya berpunca daripada perang perdagangan antarabangsa Amerika Syarikat dan Negara China.

Kejatuhan harga minyak dan gas juga memberikan impak yang negatif terhadap kedudukan ekonomi negara.

Kerajaan Pakatan Harapan harus berbangga di atas kejayaan dan pencapaian ini dalam menstabilkan kewangan ekonomi negara biarpun telah mewarisi isu kewangan yang teruk yang ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu. Ini punca daripada penyelewengan dan ketirisan besar-besaran serta tindakan melanggar undang-undang oleh beberapa pemimpin tinggi kerajaan dahulu seperti skandal yang melibatkan syarikat GLC seperti 1MDB, FELDA, Tabung Haji, KWAP dan lain-lain yang melibatkan berbilion-bilion Ringgit.

Maka wang berbilion-bilion ringgit ini Tuan Yang di-Pertua yang sepatutnya digunakan untuk kepentingan rakyat telah terpaksa digunakan oleh kerajaan semasa untuk menjelaskan menutup masalah kewangan syarikat GLC tersebut seperti ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Lee mengenai kerajaan menjual aset. Ini memang kerajaan tidak berniat untuk menjual aset kecuali untuk membayarkan hutang yang diwarisi daripada kerajaan dahulu. Meskipun dalam keadaan kewangan yang gawat ini, Kerajaan Pakatan Harapan.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Minta laluan. Saya ingin mempersoalkan bagaimanakah kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dapat membayar wang yang kononnya tidak dapat dibayar dan tidak pula membebankan ataupun menjual aset-aset akan tetapi masih lagi dapat *maintain* hutang kita, macam mana? Saya pun pelik.

Datuk Theodore Douglas Lind: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya hutang ini belum lagi wujud pada kerajaan dahulu hanya selepas kerajaan sudah ambil alih oleh kerajaan baharu, baru ini wujud. Terima kasih.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tidak betul, tidak betul, tidak betul.

Datuk Theodore Douglas Lind: Meskipun dalam keadaan kewangan yang gawat ini kerajaan Pakatan Harapan masih dapat memperuntukkan peruntukan RM10.9 bilion untuk pembangunan luar bandar.

Di sini saya sebagai wakil penduduk Sabah mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dengan murah hati memberikan kepada negeri Sabah sebahagian besar daripada peruntukan RM10.9 bilion itu. Ini juga Tuan Yang di-Pertua adalah selaras dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen ke-14 pada 11 Mac 2019.

Titah Tuanku adalah seperti berikut, "Kerajaan beta akan terus berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat luar bandar, Orang Asal Sabah dan Sarawak serta Orang Asli dengan mengambil pendekatan dengan menyeluruh meliputi pembangunan ekonomi, modal insan dan infrastruktur di samping itu, pembangunan wilayah yang lebih

seimbang dan inklusif juga akan diberi keutamaan, tumpuan agar dapat mengurangkan jurang pembangunan antara negeri-negeri serta kawasan bandar dan luar bandar”.

Dengan mematuhi Titah Duli Tuanku maka Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan untuk negeri Sabah seperti berikut:

- (i) kira-kira RM587 juta yang diperuntukkan untuk projek bantuan air luar bandar di mana RM470 juta telah diperuntukkan untuk negeri Sabah dan Sarawak;
- (ii) kerajaan akan peruntukkan RM500 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar yang mana dikatakan akan manfaat kepada lebih 30 ribu isi rumah luar bandar di mana majoriti dikatakan menerima faedah adalah dari Sabah dan Sarawak;
- (iii) kerajaan juga akan peruntukkan RM1 bilion untuk membina jalan di luar bandar di seluruh negara dan daripada ini kerajaan telah memperuntukkan kepada negeri Sabah RM326 juta; dan
- (iv) kerajaan juga prihatin kerana akan meneruskan dengan pembinaan *Trans Borneo* dan bagi negeri Sabah telah diperuntukkan RM600 juta untuk membuat jalan 40 kilometer antara Kalabakan dan Serudung, ini di kawasan Tawau yang berdekatan dengan sempadan dengan Kalimantan.

Di samping itu, kerajaan juga memberikan kepada sebagai pemberian Kerajaan Persekutuan RM1.14 bilion.

■1600

Selain daripada itu juga, bahawa Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan untuk tahun 2020 sebanyak RM5.2 bilion untuk pembangunan negeri Sabah. Jadi, satu lagi yang Kerajaan Persekutuan akan peruntukan ialah RM50 juta untuk menaikkan taraf landasan kereta api antara Halogilat dan stesen Tenom. Ini adalah antara Pekan Beaufort dengan Tenom. Tiap-tiap tahun bila ada musim hujan, memang tanah runtuh di kawasan ini dan selalunya berminggu-minggu kereta api tidak boleh lintas. Dengan peruntukan ini, saya ucapkan terima kasih lah pada kerajaan kerana prihatin untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkan tiap-tiap tahun.

Selain daripada itu, kerajaan juga memperuntukkan khas RM106 juta di bawah Perkara 112(b) Perlembagaan Persekutuan. Biar pun kerajaan memperuntukkan begitu tinggi peruntukan kepada negeri Sabah, tetapi seperti mana kita semua sedia maklum, Sabah seperti Sarawak jauh ketinggalan dari segi pembangunan infrastruktur seperti jalan, bekalan air dan elektrik dan kebanyakan penduduk yang tinggal di luar bandar masih dibelenggu kemiskinan yang teruk.

Oleh yang demikian, biar pun Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2020 telah memberikan Sabah peruntukan yang tinggi, negeri Sabah masih memerlukan banyak dana dan peruntukan untuk mempercepatkan pembangunan di luar bandar supaya jurang perbezaan hidup antara penduduk Sabah dan penduduk dari lain negeri yang lebih maju, boleh dikurangkan.

Oleh sebab demikian, Sabah tetap perlu menuntut 40 peratus daripada cukai atau hasil yang dikutip oleh Sabah yang diperuntukkan dalam Bahagian 4, Jadual 10, Fasal 112(d), Perlembagaan Persekutuan. Kegagalan Kerajaan Persekutuan untuk menjelaskan dan kembalikan 40 peratus hasil daripada tahun 1963 hingga sekarang tahun 2019 memang menjadi satu perkara yang menyebabkan orang Sabah, marah dan kecewa.

Saya dan lain-lain Senator dari Sabah telah sering kali menimbulkan perkara ini di Dewan yang mulia ini tetapi malangnya tidak ada apa-apa tindakan telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan atau oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyelesaikan perkara ini yang sudah begitu lama dibiarkan sehingga ianya menjadi duri dalam daging bagi orang Sabah. Sekali lagi saya dengan rendah hati ingin mencadangkan sebagai langkah pertama ke arah ini, perlu diadakan segera rundingan antara Kementerian Kewangan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk mengenal pasti jumlah atau berapa banyak hasil 40 peratus ini yang belum diselesaikan atau dijelaskan.

Langkah kedua pula, saya mencadangkan selepas jumlah ini dikenal pasti, maka Kerajaan Persekutuan harus mengemukakan cadangan apakah kaedah dan bagaimana hutang itu boleh dan akan dijelaskan. Kerajaan Persekutuan tidak ada pilihan lain kerana ini adalah hak negeri Sabah yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu undang-undang pertama negara Malaysia. Oleh yang demikian, suka atau tidak Kerajaan Persekutuan mesti menjelaskan hutang ini kerana kehendak undang-undang atau Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengakui secara umum bahawa Kerajaan Persekutuan berhutang 40 peratus hasil itu kepada negeri Sabah tetapi tidak dapat dijelaskan oleh kerana kekurangan kewangan. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan agar menjelaskan hutang ini dengan membayar dengan cara ansuran atau menggantikan dengan aset-aset Kerajaan Persekutuan seperti tanah, saham atau aset lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi adalah penting bagi kami dari negeri Sabah ialah mengenai royalti minyak yang dijanjikan dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan iaitu membahagikan negeri Sabah 20 peratus. Di sini saya juga ingin menyentuh

berkenaan soal 20 peratus hasil minyak dan gas yang dikeluarkan dari Wilayah Sabah yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan akan diberikan pada Sabah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah secara umum menyatakan bahawa PETRONAS tidak mampu memberikan 20 peratus hasil minyak dan gas itu kerana akan mengancam kedudukan PETRONAS sebagai satu syarikat global. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bagi tujuan mencapai 20 peratus itu, bahawa selain daripada lima peratus yang Sabah terima ini, bahawa Kerajaan Persekutuan menyerahkan lima peratus yang Kerajaan Persekutuan sekarang ini menerima dari hasil ini.

Jadi, kalau kita campur lima yang Sabah terima pada masa ini dan kalau Kerajaan Persekutuan menyerahkan lima peratus yang kerajaan menerima pada masa ini, maka PETRONAS hanya perlu membayar 10 peratus. Dengan cara ini Tuan Yang di-Pertua, maka PETRONAS hanya perlu memberi 10 peratus daripada *target* 20 peratus itu dan ini perlu dicapai tanpa menjejaskan kedudukan PETRONAS.

Tuan Yang di-Pertua, kami tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Pertama hingga ke-11 telah membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk pembangunan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak. Atas usaha Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, telah membawa pembangunan fizikal di luar bandar di seluruh negeri Sabah seperti jalan, bekalan air dan elektrik. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, kita dapati masih banyak lagi penduduk di luar bandar dibelenggu kemiskinan yang teruk dan pendapatan peribadi mereka yang masih dalam paras yang rendah.

■1610

Nampaknya dasar dan usaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam hal ini telah gagal. Maka Kementerian Pembangunan Luar Bandar harus membuat satu kajian yang terperinci apakah sebab masih ramai penduduk di luar bandar di Sabah yang hidup dalam keadaan kemiskinan dan daif biarpun berbilion-bilion Ringgit telah dibelanjakan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Disember Jabatan Audit Negara telah melaporkan bahawa beribu-ribu penanam padi yang telah meninggal dunia masih menerima subsidi kerajaan yang berjumlah RM5.2 juta pada tahun 2016 hingga 2018. Menurut Laporan Ketua Audit Negara, subsidi tersebut adalah untuk baja dan ubat serangga dan kemungkinan penerima subsidi ini adalah saudara terdekat kepada petani padi yang telah meninggal dunia itu. Perkara ini berlaku kerana kita dapati terdapat segelintir rakyat Malaysia tidak kira kaum atau agama yang memiliki moral dan integriti yang rendah.

Inilah sebab kita dapati lazimnya rasuah dan penyelewengan duit kerajaan di seluruh lapisan pentadbiran kerajaan di negara kita ini. Dengan wang Ringgit kita boleh memperoleh kontrak kerajaan dan menutup kes-kes jenayah dan melarikan diri daripada membayar segala cukai kerajaan dan menjalankan aktiviti haram dan lain-lain. Kalau negara kita ini mahu ke hadapan kerajaan harus mempengaruhi rakyat untuk mengikis nilai-nilai negatif tersebut dari mula di peringkat sekolah.

Oleh itu Kementerian Pendidikan harus mengadakan program-program di sekolah-sekolah seluruh negara bagi menanam nilai-nilai murni, moral dan integriti yang tinggi di kalangan murid sekolah supaya kita dapat melahirkan rakyat yang baik dan bertanggungjawab sekali gus dapat menjamin masa depan negara yang lebih baik. Saya berpendapat kerjasama yang rapat bersama SPRM dalam hal ini amatlah penting sekali. Di sini Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua anggota SPRM atas kejayaan mereka dalam usaha membanteras rasuah di negara kita.

Bukti usaha mereka ditunjukkan dengan beberapa pemimpin kerajaan terdahulu diheret ke mahkamah atas tuduhan rasuah dan salah guna kuasa. Oleh sebab peranan SPRM begitu penting untuk membanteras rasuah iaitu musuh nombor satu negara dan menjamin masa depan negara, maka saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan memberikan elaun khas kepada semua anggota SPRM untuk memberi motivasi serta perangsang kepada mereka untuk lebih berusaha dalam membanteras rasuah di negara kita.

Saya ingin mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk mencegah rasuah dengan menambah 100 anggota SPRM pada tahun 2020 dan mewujudkan unit integriti semua kementerian dan agensi. Di sini juga saya ingin menyokong ucapan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas semalam di mana beliau telah mencadangkan bahawa kerajaan ambil tindakan untuk memperbaiki keadaan kehidupan anggota PDRM.

Saya setuju dengan cadangan kerana peranan mereka adalah penting untuk menjaga keselamatan, keamanan di negara kita. Saya juga setuju dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Kesavadas bahawa kerajaan harus ambil tindakan untuk memperbaiki balai-balai polis dan pejabat polis yang kurang selesa untuk buat satu rancangan secara besar-besaran seluruh negara untuk memperbaiki semua pejabat-pejabat PDRM dan juga tambahkan aset PDRM supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan lebih senang.

Pada akhirnya, saya juga ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana dapat membentangkan belanjawan yang kedua di bawah Kerajaan Pakatan Harapan dan dapat juga menyediakan satu belanjawan yang begitu komprehensif yang akan membawa manfaat dan kesan positif kepada kehidupan semua

lapisan rakyat dan kumpulan-kumpulan tertentu dan dapat juga membantu mengembangkan lagi sektor ekonomi negara. Usaha kerajaan menyediakan RM5 bilion bagi Skim Bantuan Sara Hidup untuk faedah 5.1 juta isi rumah dan diperluaskan untuk beri bantuan RM300 sebulan kepada 1.1 juta individual bujang melebihi umur 40 tahun dan OKU yang pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan harus dipuji.

Saya ingin juga mengalu-alukan tindakan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menambah peruntukan untuk Kementerian Kesihatan daripada RM20.27 juta ke RM30.6 bilion yang mencerminkan keprihatinan kerajaan dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang baik untuk rakyat jelata keseluruhannya. Saya ingin juga memuji kerajaan kerana telah melancarkan Skim Rumah Mampu Milik dan Skim Pembiayaan Sewa untuk membantu golongan berpendapatan rendah untuk membeli dan memiliki rumah. Ini adalah satu usaha yang penting dan perlu diteruskan kerana didapati banyak golongan yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah.

Saya ingin juga mengalu-alukan pendirian kerajaan yang serius terhadap kedaulatan negara dan keselamatan awam dengan menambah peruntukan Kementerian Dalam Negeri daripada RM15.6 bilion kepada RM16.9 bilion dan Kementerian Pertahanan daripada RM13.9 bilion kepada RM15.6 bilion.

Sepertimana Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari telah utarakan semalam Tuan Yang di-Pertua, satu kebimbangan saya dalam belanjawan ini menunjukkan bahawa perbelanjaan operasi mengurus iaitu *operating cost* begitu tinggi iaitu berjumlah RM241 bilion berbanding dengan perbelanjaan pembangunan hanya RM56 bilion. Jauh bezanya Tuan Yang di-Pertua.

■1620

Oleh yang demikian, seperti disyorkan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari semalam kerajaan mesti ambil tindakan dan ikhtiarkan bagaimana kerajaan boleh mengurangkan perbelanjaan. Saya percaya kebanyakan memang membazir- banyak kementerian-kementerian dan banyak jabatan-jabatan kerajaan. Jadi kerajaan mesti mahu cari jalan bagaimana kita boleh kurangkan wang yang dibazirkan ini. Mana kita boleh jimatkan? Ini kita boleh gunakan untuk pembangunan, untuk manfaat rakyat.

Sebelum saya akhirkkan diri Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua anggota pasukan keselamatan seperti anggota PDRM dan anggota ATM kerana atas jasa dan pengorbanan mereka, kita negara selamat dan aman. Rakyat tetap boleh hidup dengan bahagia dan juga aman. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong penuh Belanjawan 2020. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind. Terima kasih banyak dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif. Dipersilakan.

4.22 ptg.

Puan Sopiah binti Sharif: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Puan Sopiah binti Sharif: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan kali ini. Sebelum ini, ingin saya menyatakan kesyukuran saya ke Allah kerana hari ini kita sama-sama untuk membahaskan Belanjawan 2020.

Saya tidak menyangka kita akan bertemu dalam tahun 2020 yang dahulu pernah dikenali Wawasan 2020. Walaupun kemajuan 2020 tidak kesampaian tetapi apa pun, negara kita masih aman damai serta kita semua dapat berpeluang meneruskan perjuangan di bumi Malaysia ini. Belanjawan ini merupakan belanjawan yang dinantikan oleh rakyat. Ini kerana merupakan belanjawan tahun kedua di bawah kerajaan baharu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020 adalah permulaan bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Keduabelas dengan menitikberatkan kemakmuran bersama rakyat. Belanjawan ini menjurus aktiviti, menjana ekonomi yang mampan. Perbandingan dengan tahun lepas, kali ini saya melihat kerajaan lebih tertumpu kepada peningkatan sumber yang ada termasuk ke arah melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Namun, ada beberapa perkara yang juga harus kerajaan tumpu ketika ini. Antaranya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf. Yang Berhormat minta maaf ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Sopiah binti Sharif: Ya saya sambung. Di antaranya masalah pengangguran di kalangan pelajar, kos saraan hidup yang meningkat, seolah-olah berlaku ketidakseimbangan dalam pembahagian peruntukan kepada kaum-kaum di Malaysia dan pengurusan pemberian bantuan kepada golongan yang memerlukan. Bagi saya, ini antara perkara-perkara yang harus diberi penekanan oleh kerajaan. Dalam memastikan semua segenap lapisan rakyat dapat hidup aman dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbicara mengenai ekonomi negara kita tidak boleh lari daripada membicarakan mengenai nilai keupayaan duit ringgit kita. Ramai pakar melihat nilai duit kita tidak kuat seperti dahulu. Nilai Ringgit yang tidak stabil boleh menjejaskan ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan industri di dalam merancang dan mengambil keputusan yang wajar di waktu ekonomi merosot.

Sehubungan itu, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia harus memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar, mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan untuk memastikan kecairan mencukupi pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti buruk dalam pasaran. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit Malaysia di banding mata wang asing dan beberapa banyak rizab wang asing yang telah digunakan untuk mempertahankan nilai ringgit kita pada tahun ini.

Dengan bertemakan Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama, Ke Arah Kemakmuran Bersama, belanjawan ini bertunjangkan empat teras terutama dalam usaha menstabilkan semula kedudukan wang negara kerajaan. Belanjawan ini membabitkan peruntukan sebanyak RM292 bilion dan angka 80 peratus perbelanjaan mengurus dan 19 peratus perbelanjaan pembangunan.

Sekiranya kita lihat kepada kejayaan kerajaan dahulu telah berjaya menaikkan pertumbuhan ekonomi dari 5.2 peratus hingga kepada 5.7 peratus pada tahun 2017. Ekonomi negara terus berkembang positif dari separuh pertama 2017. Langkah transformasi ekonomi yang dilaksanakan kerajaan perlu membuahkan hasil dengan 2.2 juta pekerjaan baharu berjaya diwujudkan. Malah import negara juga buat pertama kali mencapai antara paras tertinggi dengan melebihi RM80 bilion.

Maka saya ingin tahu, apakah pertumbuhan kejayaan yang berjaya di kecapai oleh kerajaan sekarang yang mana sudah hampir lebih kurang satu tahun tujuh bulan pemerintahan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan berkaitan dengan projek penambakan laut atau Projek PSR di Pulau Pinang. Saya faham projek menambak laut merupakan projek di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membentuk tiga buah pulau buatan di perairan selatan Pulau Pinang. Seterusnya tiga pulau buatan itu kemudiannya akan dijual sebagai modal bagi menampung kos pelan induk pengangkutan negeri yang dianggarkan bernilai RM46 bilion iaitu pulau yang akan dibina, rumah-rumah mewah yang rakyat Pulau Pinang tak mampu beli, yang melibatkan kawasan nelayan.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun kesan daripada projek ini boleh menjejaskan persekitaran dan sumber ikan di laut. Perkara ini dimaklumkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Soalan saya, sejauh manakah kajian kementerian di bawah projek ini sebenarnya boleh menjejaskan pendapatan nelayan dan juga memusnahkan alam sekitar? Adakah projek diteruskan juga dan apakah langkah-langkah diambil bagi menjamin sumber pendapatan nelayan tidak terjejas bagi kawasan yang terlibat? Begitu juga keselamatan mereka sekiranya berlaku malapetaka di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai isu perumahan yang saya anggap semakin runcing di Malaysia. Saya khuatir melihat pemilikan perumahan bumiputera merosot di negara kita. Negara- Rakyat masih tidak mampu untuk memiliki rumah dengan harga yang sepatutnya.

Kini, mereka ditimpa nasib malang dengan hanya menyewa rumah-rumah sepanjang hayat khasnya di negeri Pulau Pinang. Ada pihak luar yang mengatakan kerajaan lebih memihak kepada pemaju perumahan dan bukan memihak kepada rakyat. Ditambah pula dengan pandangan bahawa dasar yang digubal oleh Kementerian Kewangan, adalah berbeza dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini seolah-olah tidak muafakat di kalangan Ahli Kabinet kerajaan.

Sekiranya tidak benar, maka saya rasa kerajaan harus berusaha untuk menukarkan pandangan ini. Program-program bantuan harus diberi kepada rakyat bagi memiliki rumah sendiri. Soalan saya lagi, apakah langkah kerajaan sekarang membantu pembeli rumah tempatan? Adakah langkah Kerajaan Pakatan Harapan menganjurkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) adalah hanya untuk pembeli luar negara? Mengapakah kerajaan seolah-olah melihat sebagai tidak membantu menyelesaikan masalah lambakan rumah dengan hanya mampu menjual kepada orang-orang asing dan bukan rakyat tempatan? Seterusnya, apakah kesan lambakan rumah kepada ekonomi negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih mengenai isu kos sara hidup. Saya ingin merujuk di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, mutakhir ini, saya merasa khuatir dengan harga barang melambung dengan tidak menentu. Adakala seimbang dan adakala menurun dengan mendadak. Akan tetapi, realitinya apa yang berlaku ialah peningkatan harga barang yang mendadak di pasaran. Pelbagai alasan telah diberikan oleh peniaga daripada syarikat besar. Antaranya, apabila harga minyak diapungkan naik atau turun dan akan menjadi punca kepada harga barang-barang mentah meningkat.

Alasan lain pula dan yang paling utama adalah SST. Walau apa pun alasan dan helah, ada pihak yang percaya bahawa SST adalah penentu kepada harga pasaran. Sebaliknya, apa yang berlaku adalah golongan peniaga dan pemborong serta syarikat besar yang mengambil kesempatan dengan harga barangan di pasaran. Keseimbangan harga pasaran harus diwujudkan.

Sekiranya kita rujuk kepada Belanjawan 2020 ini, kementerian akan menerima imbuhan sebanyak RM1 bilion. Soalan saya, dari peruntukan ini, berapakah yang telah diagihkan untuk tujuan penguatkuasaan dan latihan pegawai serta kos bagi pemantauan harga barangan di pasaran? Apakah kaedah dan strategi baharu yang dilaksanakan oleh kementerian ini untuk mengawal harga pasaran? Saya risau sekiranya kita membiarkan golongan yang tidak bertanggungjawab menguasai pasaran dan mengaut keuntungan sewenang-wenangnya, kelak akan membebankan rakyat dan merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Dalam Negeri mengenai kadar jenayah dan keselamatan negara kita. Isu keselamatan pasti menjadi keutamaan kementerian. Kita sekarang menghadapi masalah yang sukar menjadikan Malaysia sebagai pusat kegiatan mereka. Apakah langkah tegas kementerian dalam menangkap dan membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan?

Telah tersebar di media sosial, mengenai kumpulan orang berarak di jalan raya dengan membawa bendera kumpulan pengganas dari negara lain. Perkara ini telah berlaku secara terang-terangan dan telah mereka dengan bangganya mengibarkan bendera kumpulan pengganas yang jelas diharamkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kebimbangan saya adalah menjadi negara kita sebagai pusat operasi jenayah dunia. Apakah langkah PDRM di dalam memperkasakan bahagian perisik PDRM untuk mencari, menyekat dan membanteras kumpulan-kumpulan pengganas hingga ke lubang cacing? Semalam pun saya tengok pengganas di Pulau Pinang berleluasa. Baru semalam berlaku lagi. Paling banyak, saya takut di Pulau Pinang, itu pusatnya.

Tidak lupa juga mengenai masalah samseng dan jenayah terancang, masih lagi berleluasa di negara kita. Dari *Ah long* memberi pinjaman wang haram hingga kepada rumah pelacuran. Malahannya, hingga kepada aktiviti pengedaran dadah, kegiatan jenayah di negara kita seolah-olah tiada kesudahan.

Pada pandangan saya, kekuatan dan kelengkapan polis untuk memerangi jenayah harus dipertingkatkan. Kementerian dibekalkan dengan menerima imbuhan sebanyak RM16 bilion daripada Belanjawan 2020. Dari angka tersebut, saya ingin tahu, aset-aset dan kelengkapan baharu yang bakal dibeli untuk memerangi jenayah negara kita. Perisikan juga harus diutamakan bagi mengenal pasti lubang-lubang jenayah dan menghalang mereka dari bermaharajalela di negara kita.

Saya juga ingin tahu mengenai kadar penjenayah di Pulau Pinang. Adakah masih berada di tahap yang terkawal? Ini bukan baru. Ini kerana baru-baru ini polis telah berjaya menyekat penyeludup yang besar di Pulau Pinang. Syabas kepada Polis Diraja Malaysia. Namun begitu, saya bimbang dan kluatir mereka akan jadikan *Penang* sebagai sarang pengedar dadah di negara kita. Sekiranya perkara ini benar, apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam menangani perkara ini?

■1640

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih mengenai pelancongan dan kebudayaan. Kementerian Pelancongan bakal menerima imbuhan kurang daripada RM1.1 bilion peruntukan untuk diberi adalah bagi kementerian untuk menjalankan program-program bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2020. Pelancongan merupakan satu industri yang harus diperkasakan. Pelancongan bukan sahaja merencanakan ekonomi malah menambah pendapatan negara dengan penambahan termasuk bilangan pelancong di negara kita.

Saya difahamkan setiap tahun Kementerian Pelancongan akan menjalankan promosi-promosi pelancongan dalam negeri ataupun MITA setiap bulan April. Saya ingin tahu perancangan MITA bagi tahun 2020 dan apakah pertambahan pembaikan yang bakal dianjurkan pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas? Saya juga ingin tahu, sejauh mana sambutan rakyat kepada aktiviti promosi yang telah dijalankan oleh pihak kementerian?

Saya juga mencadangkan kementerian agar dapat menjemput lebih banyak syarikat-syarikat kecil, sederhana dan besar dalam industri pelancongan dari Pulau Pinang untuk menyertai MITA pada tahun hadapan. Apakah langkah pembaharuan yang telah diambil oleh kementerian dalam program-program jualan pakej pelancongan dalam negeri?

Saya juga ingin menumpu kepada pelancongan khususnya *homestay* yang terdapat banyak di Pulau Pinang iaitu *homestay* di kampung-kampung kerana ramai pengusaha *homestay* turut serta dalam penganjuran program pelancongan jualan dalam negeri tetapi mereka tidak ada ruang untuk promosi produk-produk *homestay*.

Soalan saya, sejauh mana kementerian melihat perkara ini? Apakah kementerian bersedia menimbang untuk membantu *homestay* di Pulau Pinang terutamanya di kawasan Nibong Tebal? Yang mana saya rasa sebahagian daripada *homestay-homestay* dalam kawasan Nibong Tebal berjaya di dalam setiap pertandingan mendapat kenderaan bot, van dan sebagainya tetapi bila *mai* pelancongan tidak pernah dibawa di dalam kawasan Nibong Tebal. Pelancongan hanya dibawa dalam kawasan-kawasan pekan

sahaja sedangkan di dalam kampung pun adalah tempat yang telah dibuat oleh *homestay*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua: Lama lagikah, Yang Berhormat?

Puan Sopiah binti Sharif: Sedikit lagi hendak habis sudah. Penjawat awam ini kenalah tolong *depa*. Saya pun *depa* suruh bawa kepada kerajaan kerana pelbagai hadiah dan ganjaran dalam Belanjawan ini. Secara ringkasnya seperti kenaikan elaun RELA- saya ingat ada termasuk sudah. Elaun bomba ada kita kata hendak masuk tetapi hari itu kita tidak masuk elaun bomba kepada bomba sukarelawan yang kita bawa dalam perbahasan sebelum kita kalah. Kita minta supaya bomba sukarela ini kalau dia jadi berlaku kecemasan, tidak ada apa-apa tetapi kalau bomba kerajaan, dia ada juga gaji dan sebagainya.

Jadi, saya rasa perlu kita ambil perhatian dan saya berharap supaya juga- satu lagi diminta iaitu berkaitan dengan COLA iaitu sumbangan- saya sudah langkau sedikit ini. Saya cuma ingin menyentuh satu perkara iaitu mengenai kenaikan kadar bantuan sara hidup COLA sebanyak RM50 sebulan bagi kumpulan pelaksana dengan peruntukan tambahan sebanyak RM350 juta setahun. Saya menyokong perkara ini. Walau bagaimanapun, saya pohon kepada kerajaan menaikkan COLA kepada pegawai Gred 41 ke atas. COLA ini kita simpatilah kerja-kerja mereka.

Saya rasa dengan ini- saya pun sudah langkau, sudah tidak tahu sudah. Dengan ini, itu sahajalah perbahasan saya demi untuk rakyat dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin.

4.46 ptg.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sayangi Malaysiaku. Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan redha-Nya. Terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang untuk menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, suka untuk saya mengulas sedikit mengenai tema Belanjawan 2020 iaitu 'Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama'. Berbaki kurang sebulan sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun 2020. Mengimbau kembali sejarah 28 tahun yang lalu iaitu pada tahun 1991, Yang

Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang juga selaku Perdana Menteri pada ketika itu pernah melancarkan Wawasan 2020. Kini, demi meneruskan usaha murni tersebut, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah dilancarkan sebagai fokus atau agenda utama negara dalam menghadapi era globalisasi yang semakin mencabar.

Terus kepada isi utama yang ingin saya kupas pada hari ini iaitu berkenaan dengan empat teras yang menunjangi Belanjawan 2020.

Pertama, memacu pertumbuhan ekonomi dalam ekonomi baharu dan era digital. Dalam teras pertama ini terkandung empat strategi utama yang dirangka dan akan dilaksanakan.

Pertama, menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama destinasi pelaburan; kedua, mempercepatkan ekonomi digital; ketiga, memperkukuh akses kepada pembiayaan perniagaan; dan keempat, mengukuhkan kepelbagaian ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa dalam teras pertama ini, majoriti rakyat menyokong usaha kerajaan khususnya dalam mendepani zaman era ekonomi digital yang semakin pesat membangun.

Membawa suara segelintir kumpulan daripada rakyat jelata di luar bandar, saya ingin pihak kementerian yang terlibat seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan kementerian-kementerian lain serta agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam tadbir urus untuk melaksanakan teras pertama ini supaya dapat menggembeleng tenaga sama-sama berusaha melakukan sesuatu khususnya kepada semua kawasan di luar bandar terutama mengenai liputan rangkaian *internet* yang masih bermasalah dan dalam usaha membina jalan raya atau laluan perhubungan yang lebih holistik terutama sekali untuk negeri di Sabah dan di Sarawak.

Suka saya mengambil contoh di tempat saya sendiri di kawasan pedalaman Pensiangan, Sabah yang bersempadan dengan Kalimantan. Tidak perlu kita bicara tentang akses *internet* yang pantas seperti adanya 3G dan 4G kerana realitinya di sana masih wujud kawasan yang belum mendapat liputan rangkaian *internet* yang begitu baik.

Selain itu, jika di bandar kita sering kali mendengar kesesakan lalu lintas yang berjam-jam, tetapi di luar bandar atau pedalaman, masalahnya adalah jalan perhubungan yang daif dan menyukarkan perhubungan masyarakat bandar dan luar bandar sehinggakan perjalanan tersebut bukan sahaja memakan berjam-jam malah boleh berhari-hari terutama pada musim hujan kerana laluan jalan dan juga jambatan-jambatan yang daif tidak dapat dilalui oleh kenderaan.

■1650

Oleh itu saya memohon perkara-perkara sedemikian perlu untuk diselesaikan secara lebih serius dan teliti dalam menyahut Revolusi Industri 4.0 ini terutamanya dalam era ekonomi digital yang boleh memberi manfaat baik kepada rakyat di luar bandar. Jadi masalah sebegini mestilah diambil perhatian untuk diselesaikan secepatnya seperti membangunkan infrastruktur rangkaian internet dan membangunkan jalan-jalan perhubungan yang boleh memudahkan untuk menghubungkan masyarakat di luar bandar dan bandar serta pembangunan lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua menyentuh teras kedua yang menjadi tunjang tema Belanjawan 2020 yakni pelaburan ke atas rakyat, meningkatkan keupayaan modal insan. Teras yang mengandungi strategi, lima, enam dan tujuh ini dalam Perbekalan 2020 iaitu meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia, memodenkan pasaran buruh dan pelaburan dalam pendidikan dan bakat.

Saya amat tertarik untuk bicara perkara ini lebih-lebih lagi ianya dekat di hati sanubari setiap rakyat. Jika melihat statistik pada tahun 2018, jumlah penganggur dalam negara Malaysia masih berada pada paras yang tinggi iaitu lebih kurang setengah juta orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 140 ribu merupakan graduan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dan juga seramai 290 ribu orang merupakan penganggur peringkat umur belia.

Apa yang dapat kita analisa di sini adalah bagaimana kita boleh mengecap kemakmuran bersama sekiranya kadar pengangguran dalam negara ini masih lagi di paras yang tinggi. Oleh yang demikian saya yakin pihak berwajib seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan kementerian lain yang berkaitan dapat bersama-sama berusaha untuk menangani masalah ini.

Dalam Perbekalan 2020, sejumlah peruntukan RM64.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia supaya boleh melaksanakan penambah baik serta pembaharuan kepada sektor pendidikan yang lebih berimpak tinggi khususnya dalam memberi fokus untuk menaik taraf dan membaiki sekolah-sekolah daif di kawasan pedalaman dan juga di samping itu, suka untuk saya memperincikan sedikit perkara mengenai program TVET ataupun Pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional supaya ianya diberi penekanan dan dibangunkan lagi terutama pendedahan yang lebih komprehensif agar agenda mengarusperdanakan TVET ini berkesan khususnya di bahagian pedalaman di seluruh negara.

Realitinya walaupun sudah hampir seabad negara kita mengecap kemerdekaan, tidak dinafikan pada zaman ini masih ramai murid sekolah yang lemah dalam bidang akademiknya.

Oleh itu dalam menyahut cabaran Industri 4.0, Malaysia haruslah berani melakukan perubahan. Program TVET diperuntukkan RM5.9 bilion dalam Belanjawan 2020. Perkara ini sebenarnya amatlah dinanti-nantikan oleh rakyat jelata khususnya anak muda di kawasan pedalaman yang mahukan program kemahiran ini diaktifkan dengan lebih rancak lagi demi merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar dalam pelbagai bidang apabila kemahiran mereka ini diasah untuk mereka lebih kreatif dan berinovatif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teras ketiga Belanjawan 2020, mewujudkan masyarakat yang bersatu, inklusif dan saksama. Strategi lapan hingga tiga belas yang digariskan adalah seperti berikut. Pembangunan inklusif. Peruntukan RM10.9 bilion untuk pembangunan luar bandar ke arah perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, meningkatkan ekosistem pengangkutan, meningkatkan akses kepada perumahan, perpaduan melalui sukan dan mempromosi kelestarian alam sekitar.

Tentang lima strategi ini apa yang boleh saya rangkumkan khususnya dalam langkah awal untuk merealisasikan wawasan kemakmuran bersama tahun 2030, perkara-perkara sedemikian perlulah diteruskan dan dipertingkatkan terutama dalam memperkukuhkan perpaduan sedia ada dalam usaha untuk kesaksamaan ekonomi antara kaum, agama, geografi dan sebagainya kerana kita maklum bahawa negara kita ini adalah bangsa yang berbilang kaum, anutan kepercayaan agama yang pelbagai dan potensi ekonomi bervariasi mengikut keadaan geografi sesebuah kawasan.

Oleh yang demikian saya amatlah berbesar hati sekiranya pihak kementerian yang terlibat melaksanakan segala pelan tindakan yang relevan dan memberi manfaat baik kepada rakyat secara amnya demi kesaksamaan ekonomi. Seperti agihan peruntukan sebanyak RM4.85 bilion untuk penyelenggaraan jalan-jalan negeri, selain peruntukan RM299 juta untuk menaik taraf kemudahan sukan, peruntukan untuk industri tani sebanyak RM4.9 bilion, peruntukan RM150 juta sebagai galakan program integrasi tanaman cili, nenas, kelapa, tembikai, buluh dan sebagainya.

Selain itu dana khas RM6.5 bilion yang diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk mencipta 350 ribu peluang pekerjaan khususnya untuk anak muda amatlah bersesuaian dengan strategi belanjawan yang telah dinyatakan. Saya amat berharap supaya agihan dana pelan tindakan yang telah dirangka dapat dilaksanakan secara lebih telus, adil dan teratur supaya anak muda di bahagian pedalaman khususnya di negeri Sabah dan juga Sarawak tidak terpinggir daripada menikmati manfaat ini.

Tuan Yang di-Pertua, teras keempat menjadi tunjang kepada Belanjawan 2020 ini adalah membolehkan institusi dan kewangan negara- strategi empat belas dan lima belas merupakan tonggak utama dalam menjayakan teras ini iaitu komitmen terhadap konsolidasi fiskal dan memperkukuh institusi tadbir urus dan integriti. Secara peribadi saya menyokong usaha murni kerajaan pada hari ini untuk terus komited untuk membayar semua obligasi pinjaman yang diwarisi daripada pentadbiran terdahulu.

Ini kerana langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat yang dilakukan sejak tahun 2018 mencatatkan sebanyak 3.7 peratus di mana ianya berada di landasan yang betul bagi mencapai sasaran defisit sebanyak 3.4 peratus pada tahun 2019 walaupun kita berdepan dengan risiko kelembapan ekonomi dunia.

Oleh itu pihak kerajaan pada ketika ini mestilah meneruskan usaha-usaha yang perlu demi mendepani cabaran ekonomi dalam dan luar negara demi kesejahteraan bersama terutamanya dalam meyakinkan rakyat untuk menurunkan bebanan hutang negara.

Oleh yang demikian, demi meningkatkan hasil kerajaan wajarnya sekiranya pelbagai sumber pendapatan pihak kerajaan diurus dengan lebih cekap, teratur dan telus seperti pendapatan hasil percukaian supaya ianya memberi impak positif dalam mengurus kewangan negara selain usaha memerangi rasuah dengan cara konsisten supaya penyelewengan dan pembaziran melalui hasil dan tadbir urus kerajaan dapat ditangani secara holistik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri perbahasan Perbekalan 2020, suka untuk saya menyentuh sedikit berkenaan dengan Perjanjian Malaysia 1963 yang sinonim dengan rakyat di negeri Sabah dan juga Sarawak bahawa perkara ini sudah dibawa dan dibahaskan di peringkat Dewan Rakyat pada awal tahun ini tetapi belum berjaya untuk diluluskan.

■1700

Oleh itu saya amatlah berharap agar polisi sedia ada, kerajaan dapat melakukan pembaharuan serta penyelidikan yang lebih komprehensif dan holistik mengikut keadaan semasa supaya MA63 ini dapat dilaksanakan demi arus pembangunan untuk negeri Sabah dan Sarawak yang teratur dan maju agar seluruh rakyat jelata di kedua-dua negeri ini lebih seiring dengan negeri-negeri di Semenanjung ini untuk merealisasikan bersama agenda utama negara iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan dan telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini yang mana akan memperuntukkan jumlah keseluruhan RM297 bilion tidak termasuk simpanan luar jangka sejumlah RM2 bilion, penurunan ketara berlaku iaitu sejumlah RM19.5 bilion lebih rendah berbanding

Belanjawan 2019. Akan tetapi, belanjawan tahun ini memperuntukkan sejumlah RM241 bilion untuk perbelanjaan mengurus, manakala sejumlah RM56 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Oleh itu, amatlah diharapkan bahawa belanjawan yang saya fikir ia dikategorikan sebagai belanjawan berhemah dapat memberi impak positif serta dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini khususnya terhadap pembaharuan-pembaharuan yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan demi kemajuan dan kesejahteraan rakyat secara amnya. Tuntasnya, demi meneruskan kesinambungan Wawasan 2020, semua rakyat Malaysia sehingga ke peringkat akar umbi haruslah didedahkan dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Ini kerana misi ini lebih kurang 10 tahun sahaja lagi untuk direalisasikan. Semua pihak haruslah berganding bahu dan menggembeng tenaga dalam usaha meneruskan pembangunan negara yang lebih maju dan inklusif. Serangkap pantun sebelum mengakhiri ucapan perbahasan ini.

*Bersampan sudah berakit sudah;
Yang belum hanya bahtera saja;
Bersarapan sudah kopi pun sudah;
Yang belum tinggal kerjanya sahaja.*

Akhir kalam, *wabillahitaufiq walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Setakat sini sahajalah nama-nama yang telah diberikan untuk perbahasan hari ini. Akan tetapi, jam hanya pukul 5 petang. Ini bukan satu yang baik kerana kita merugikan persidangan pada hari ini.

So saya hendak tanya, ada tidak sesiapa yang beri nama ini yang boleh berbahas pada hari ini sebelum kita kemukakan Usul? Kalau tidak, dari hari ini...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hendak betulkan Tuan Yang di-Pertua- fasal Tuan Yang di-Pertua kena ingat bahawasanya kita kehilangan 17 orang. Seramai 17 orang tidak ada dalam Dewan ini. Jadi, sebab itu kita bahagi-bahagikan supaya sembilan orang satu hari, atau lapan orang, macam itu... [*Dewan ketawa*] Agih-agih.

Kalau tidak, esok pukul 4 petang sudah siap. Jadi, saya hendak betulkan itu. Bukan salah kita Senator, bukan salah kita sebenarnya. Betul ya? Okey, terima kasih. Salah keadaan... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab saya telah kemukakan masalah ini dan jawapan telah diberi. Dan ini ada di dalam catatan *Hansard* Parlimen. Bermakna, bukan kesalahan kamu, atau kesalahan saya... *[Dewan ketawa]*

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.04 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 11 Disember 2019.”

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pada pukul 10 pagi, hari esok Rabu, 11 Disember 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.05 petang]